



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 02 APRIL 2015 ( KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimaton Saadiyah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)  
**(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Baharudin bin Ramli

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakuh* dan salam sejahtera . Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang keempat 2 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:

- i. Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2015
  - Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Pindaan 2015.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN:**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat semua, Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:**Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HJ JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan rizab kerajaan negeri?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal penggunaan rizab bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan adalah bernilai?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih faktor yang menyumbang kepada peningkatan rizab kerajaan negeri adalah seperti berikut:

1. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada Akaun Hasil Akaun Pinjaman Dan Juga Akaun Amanah dan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) seperti Yang Berhormat sedia maklum Akaun Hasil mengakaunkan semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dan terdapat 3 jenis hasil:-
  1. Hasil cukai sebagai contoh cukai tanah dan cukai hiburan caruman parit dan juga hasil hutan.
  2. Hasil bukan cukai sebagai contoh premium tanah faedah daripada pelaburan dan juga bayaran pindah milik dan yang ketiga
  3. Terimaan bukan hasil contohnya pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya kedudukan rizab kita kukuh maka ianya membolehkan kerajaan negeri untuk berbelanja secara berhemah dan perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi maksud tanggungan dan bekalan seperti emolument perkhidmatan dan bekalan aset pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuklah caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Manakala perbelanjaan bagi maksud tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-undang Negeri dan perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran perbelanjaan hutang, ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah.

Jenis akaun yang kedua iaitu akaun pinjaman mengakaun semua akaun yang diterima oleh kerajaan negeri daripada kerajaan persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan dengan pinjaman tersebut dan akaun yang ketiga iaitu akaun amanah mengakaunkan semua terima dan bayaran wang amanah mengikut kehendak Undang-Undang Akta-Akta Amanah, Surat Cara Amanah, Arahan Amanah Dan Perjanjian, Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Akaun Deposit.

Secara keseluruhannya baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2014 adalah meningkat sebanyak 10.11 peratus iaitu daripada RM2.9 billion pada tahun 2013 kepada RM3.2 billion pada tahun 2014. Peningkatan ini untuk makluman Yang Berhormat Semenyih disumbangkan oleh lebihan akaun

amanah disatukan pada tahun 2014 berjumlah RM181.87 juta dan lebih akaun hasil disatukan sebanyak RM111.94 juta dan kutipan hasil kerajaan negeri mencatatkan jumlah yang tertinggi pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM2,225 juta. Sumber peningkatan ketara yang menjadi hasil kerajaan pada tahun 2014 adalah terimaan hasil bukan cukai sebanyak RM1,437 ribu juta berbanding dengan anggaran RM1,066.59 juta.

Sukacita saya memaklumkan kutipan hasil Negeri Selangor sehingga 1 Mac 2015 Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Selangor sehingga 24 Mac 2015 telah meningkat kepada RM3.5 billion dan ini peningkatan sebanyak hampir RM300 juta dalam tempoh 3 bulan pertama tahun 2015. Dan sukacita saya memaklumkan kepada dewan ini juga kutipan hasil negeri sehingga 1 April 2015 adalah sebanyak RM809 juta dan merupakan 41 peratus dari jumlah sasaran kutipan hasil bagi tahun 2015 berjumlah RM1.97 billion.

Saya ingin membanding pada 31 Mac 2014 kutipan hasil kerajaan negeri mencatatkan 31 peratus daripada jumlah sasaran 2014 dan bagi tahun tempoh yang sama 31 Mac 2013 jumlah kutipan hasil mencatatkan 30.6 peratus daripada jumlah sasaran kutipan hasil bagi tahun yang berkenaan. Ini bermakna bagi tahun 2015 kerajaan negeri mencatatkan kutipan hasil yang paling tinggi daripada jumlah sasaran yang perlu dikutip bagi tahun 2015. Dan pengukuhan kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah disumbangkan oleh usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil kerajaan negeri di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan, kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan atau Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang ataukelulusan Dewan Negeri selaras dengan perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab Kewangan Negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil, Akaun Amanah Dan Akaun Pinjaman. Oleh yang demikian, tidak kesemua Rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang Akta Amanah dan Arahan Amanah ataupun "Trustee". Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan adalah bernilai telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

Perbendaharaan Negeri memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Perbendaharaan Negeri yang:



- i. Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat bagi mengawal perbelanjaan,
- ii. memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam,
- iii. memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan dan had nilai kerja selaras dengan langkah penjimatan kerajaan dan yang;
- iv. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 7 Tahun 2014 Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem "*Cut-off*" yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada sistem "*Cut-off*" iaitu satu tanda aras harga, sebut harga dan tender yang diperolehi melalui "*Formulas Statistic*" bagi mendapatkan harga yang munasabah dan mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan ke atas penggunaan Kumpulan Wang Disatukan atau Rizab Negeri Pertama Kawalan Negeri Selangor, Kawalan Dewan Negeri Selangor contohnya perwujudan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam. Sebab itu pelantikan Ketua Pembangkang amat penting untuk memastikan dapat diadakan "*check and balance*" tentang kewangan kerajaan negeri.

Kawalan Perbendaharaan Negeri, Penguatkuasaan, Akta Tatacara Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan sistem perakaunan berkomputer dengan kawalan dan "*security*" bagi kelulusan sesuatu perbelanjaan dan perolehan dan akhirnya kawalan Jabatan contohnya Tanggungjawab Pegawai Pengawal dari segi pengurusan kewangan Jabatan. Terima kasih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:**Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Semenyih

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ:**Terima kasih Y.A.B Dato' Menteri Besar, saya ingin bertanya adakah perancangan untuk 2015 iaitu cukai, segala cukai pintu atau cukai tanah atau cukai perniagaan, adakah dalam perancangan untuk dinaikkan pada 2015.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:**Tidak.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BHARU)**

**TAJUK: PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN UNTUK SJKC**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kriteria yang digunakan untuk memilih SJKC di Hulu Selangor bagi pemberian bantuan pendidikan fasa 2 pada tahun 2014.
- b) Nyatakan sebabnya kenapa semua SJKC di Hulu Selangor tidak dipertimbangkan dalam pemberian bantuan pendidikan fasa 2 pada tahun 2014.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:**Terima kasih Puan Speaker dan Kuala Kubu Bharu. Soalan No. 21.

- a) Kriteria pemilihan SJKC bagi pemberian bantuan pendidikan Fasa Kedua 2014 adalah berdasarkan perkara berikut:-
  - i) Keutamaan diberi kepada sekolah-sekolah yang belum mendapat bantuan untuk Fasa Pertama.
  - ii) Keadaan infrastruktur sekolah.
  - iii) Jumlah baki peruntukan yang sedia ada.
- b) Bagi Fasa Pertama jumlah bantuan sekolah yang diberikan kepada SJKC di Daerah Hulu Selangor adalah sebanyak RM 58,000.00 kepada 8 buah sekolah. Bagi Fasa Kedua berdasarkan penelitian yang telah dibuat oleh pihak Jawatankuasa sekolah-sekolah, permohonan yang telah dikemukakan bagi fasa 2 adalah tidak memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di atas.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Puan Speaker, Soalan No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PENTADBIRAN MASJID**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi pentadbiran masjid sekarang yang diurus tadbir oleh anak qariah sendiri?
- b) Berapa banyakkah masjid yang telah mencapai SOP yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS?

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Puan Speaker, bagi Soalan yang ke-22, setakat ini kerajaan negeri berpuas hati secara keseluruhannya dengan prestasi yang masih dikendalikan oleh anak-anak qariah masing-masing. Daripada 408 buah masjid yang ada pada tahun 2014 hanya terdapat 46 buah masjid sahaja ataupun 11.27 peratus daripada keseluruhan masjid yang terlibat dengan aduan awam.

Bagi menjawab sama ada masjid telah mencapai SOP yang ditetapkan oleh pihak JAIS pada tahun 2009 JAIS telah melaksanakan KPI Pengurusan Masjid yang mengandungi 14 objektif meliputi pentadbiran, pengimarahannya dan juga keceriaan masjid. Dengan adanya kayu ukur ini kita dapat mempertingkatkan mutu daya urus tadbir masjid di seluruh Negeri Selangor.

Berikut adalah masjid yang telah mendapat pengiktirafan Lima (5) Bintang semenjak sistem KPI ini dilaksanakan

TAHUN	JUMLAH
2009	4
2010	11
2011	12
2012	19
2013	20
2014	27

Ini memperlihatkan peningkatan-peningkatan masjid apabila kita adakan sistem KPI ini mendapat jumlah Lima (5) Bintang daripada 395 buah masjid yang kita buat "Assessment" hanya 7 buah masjid sahaja yang tidak dapat mendapat bintang ataupun jumlah markahnya di bawah 50 peratus. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Berdasarkan kepada kecemerlangan ataupun masjid-masjid yang memperoleh Bintang-bintang ini. Adakah insentif ataupun sepanjang mereka menguruskan masjid ini ada peruntukan yang diberikan kepada masjid-masjid yang berkenaan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sebenarnya di peringkat kerajaan negeri mengadakan pertandingan Masjid yang terbaik dari segi pengurusan, pentadbiran dan pengimarahannya dan daripada pertandingan-pertandingan inilah kita berikan insentif-insentif kepada masjid-masjid yang telah berjaya atau menguruskan dengan cara yang baik. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah yang dilakukan untuk 7 buah Masjid yang tidak mempunyai bintang ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Muda. Jabatan Agama Islam mempunyai program-program yang tersusun sepanjang tahun bermakna kita memberikan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai Masjid termasuklah Nazir-nazir, Pengerusi, Setiausaha, Bendahari Masjid. Supaya mereka ini mendapat cara urus tadbir yang baik. Kita tidak menggunakan penalti tetapi kita cuma memperbaiki daripada prestasi mereka melalui kursus-kursus ini. Panjang kursus yang ada saya boleh panjangkan kepada Sri Muda kemudian tetapi secara umumnya saya katakan berlaku penambahbaikan daripada jumlah masjid-masjid yang tidak mendapat Bintang ataupun pemarkahan di bawah 50% ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker Soalan No.23.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera. Terima kasih Y.B. Batu Tiga. Untuk menjawab persoalan yang pertama itu jumlah JMB dan MC yang telah ditubuhkan menurut PBT untuk MBSA terdapat (160) JMB dan (56) MC, MBPJ (269) JMB dan (98) MC di MPK (109) JMB dan (21) MC, MPSJ (251) JMB dan (190) MC, di MPAJ (212) JMB dan (116) MC, di MPKj (192) JMB dan (124) MC, di MPS (100) JMB dan (51) MC, di MPSp (53) JMB dan (4) MC, di MDHS terdapat (22) JMB dan (1) MC, di MDKS (19) JMB dan (7) MC, di MDKL (23) JMB dan (0) MC, di MDSB (-) JMB dan (2) MC. Keseluruhannya terdapat 1,410 JMB dan 670 MC. Soalan kedua adalah tentang berapa banyak adalah terdiri daripada JMB yang bermasalah. Kita melihat bahawa keseluruhannya terdapat 299 Aduan yang diterima daripada pangsapuri-pangsapuri ataupun daripada JMB dan

MC. Keseluruhannya di MPK ada 52 Aduan. Di MPS ada 35 bermakna Aduan 38 pangsapuri. Di MPKj diterima dari 37 pangsapuri. Di MPSJ 23, MBSA 19, MPSp 33, MPAJ 39, MPPJ 29, MDHS 9, MDKS 9 dan MDKL 1. Keseluruhannya Aduan daripada 299 kawasan pangsapuri. Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk membuat satu sistem pengiktirafan atau penilaian apa yang dipanggil sebagai Anugerah KISTA dan setakat ini 53 kawasan telah dinilai di bawah Sistem KISTA ini di mana markah untuk 70% ke atas sebanyak 2 kawasan telah mendapat markah tersebut. Untuk markah 50% ke atas 11 kawasan, markah 40% ke bawah adalah 40 kawasan. Kriteria-kriteria yang dinilai adalah tentang keadaan fizikal bangunan 20%, komitmen penduduk 20%, pengurusan komuniti 20%, keselamatan 20% dan pengiktirafan Darul Model 20%. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menilai kesemua atau sebanyak mungkin pangsapuri-pangsapuri tersebut di bawah Sistem KISTA ini. Tentang usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa masalah-masalah di pangsapuri ini dapat diselesaikan. Yang pertamanya kita telah menubuhkan apa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Pemudah Isu-isu Hartanah Bertingkat atau (PRIHATIN) di mana dengan Jawatankuasa ini segala masalah dalaman dan masalah JMC dan MC dengan pihak-pihak luar atau agensi luar akan diselesaikan. Selain daripada itu untuk menyelesaikan masalah yuran yang tidak dapat atau *maintenance servis* (dengan izin) yuran penyelenggaraan yang tidak dibayar oleh penduduk. Kita telah membantu JMB dan MC untuk mendakwa mereka yang gagal membayar caj penyelenggaraan tersebut. Dan keseluruhannya sebanyak 571 kes telah di bawah ke mahkamah. Selain daripada itu untuk memperkasakan kemahiran JMB dan MC, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program yang dinamakan FOKUS (Format Kurikulum Bersepadu Pengurusan Bangunan Strata) telah diadakan kursus-kursus untuk kita membimbing JMB dan MC ini di program FOKUS ini supaya mereka dapat mentadbir kawasan mereka dengan lebih profesional dan lebih baik lagi. Selain daripada itu EXCO juga telah meluluskan agar COB ataupun kakitangan di COB atau Pesuruhjaya Bangunan ditambah bagi setiap PBT. Diantaranya atau senarainya adalah seperti berikut: Di MBSA kakitangan yang sedia ada sama ada kontrak ataupun tetap ada 10 tambahan yang diluluskan adalah 8 menjadikan 18. Di MBPJ kakitangan yang sedia ada 8 tambahan adalah 8 bermakna 16. Di MPK sedia ada 11 tambahan 8 menjadikan 19. MPSJ sedia ada adalah 20 tambahan adalah 8 menjadikan 28. MPAJ sedia ada 11 tambahan 8 menjadikan 19. MPKj sedia ada 9 tambahan menjadi 8 atau jumlahnya menjadi 17. MPS sedia ada 11 tambahan 8 menjadi 19. Di MPSp sedia ada adalah 7 tambahan 3 dan jumlahnya 10. Di Hulu Selangor MDHS sedia ada 7 tambahan adalah 3 menjadi 10. Di MDKS sedia ada adalah 4 dan tambahannya adalah 2 keseluruhannya adalah 6. Di MDKL sedia ada adalah 4 tambahan adalah 2 menjadi 6. Tambahan ini adalah termasuk untuk menyerapkan mereka-mereka di bawah atau pun mereka kakitangan yang berkhidmat sebagai kontrak ke dalam PBT. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHARAN:**Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:**Batu Tiga dulu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Y.B. EXCO yang menjawab saya ingin bertanya siapakah yang terdiri dalam Jawatankuasa PRIHATIN kerana saya lihat walaupun telah banyak usaha dilakukan masih lagi peratusan masalah-masalah JMB dan MC di kawasan terlalu tinggi dan Aduan ini masih berterusan dan saya lihat tidak ada COB atau COB tidak diperkasakan terutamanya dalam MBSA dengan baik. Jadi soalan saya siapakah yang terdiri di dalam Jawatankuasa PRIHATIN dan apakah usaha supaya memperkasakan COB di setiap PBT lebih baik dan lebih efisien. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Jawatankuasa PRIHATIN adalah terdiri ataupun yang mempengerusikannya adalah pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Apabila kes-kes itu dipanggil akan juga dipanggil COB. Diantara cara-cara bagaimana kita hendak atau strategik untuk memperkasakan COB. Di antaranya adalah kita menambah kakitangan sememang mereka ini mempunyai beban kerja yang tinggi sebab mereka terpaksa bekerja Sabtu dan Ahad juga untuk melayani ataupun untuk menyelesaikan masalah di peringkat pangsapuri-pangsapuri. Jadi diantara usahanya adalah selain daripada kursus-kursus ialah dengan menambah jumlah kakitangan di peringkat COB. Untuk makluman Yang Berhormat ialah apabila Akta yang baru berkaitan dengan pengurusan bangunan ataupun apabila Akta 6.6.3 ini dimansuhkan dengan digantikan Akta 7.5.7 apabila Akta ini berkuatkuasa PRIHATIN ini akan digantikan sebelum ini sebelum ini kita ada PRIHATIN yang merupakan insentif Kerajaan Negeri tetapi dalam Akta yang baru sudah ada suatu forum ataupun satu badan yang dinamakan TPS ataupun Tribunal Perumahan Strata. TPS inilah di peringkat *federal* sebenarnya akan menjadi orang tengah atau fasilitator untuk menyelesaikan masalah yang sebelum ini kita bawa ke PRIHATIN. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:**Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHARAN:**Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Saya dapati masalah yang dihadapi kebanyakan oleh JMB pangsapuri kos rendah adalah kadar bayaran yuran senggara. Jadi saya ingin tahu berapa banyak JMB yang bermasalah itu terdiri daripada flat-flat kos rendah itu yang pertama (1). Yang kedua (2) apakah tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak membayar tunggakan itu telah membuahkan hasil atau meningkat prestasi pembayaran di flat-flat kos rendah. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi strategiknya kita tiada strategik berapa banyak yang mempunyai segi setiap pangsapuri itu berapa peratus kadar pembayaran tetapi boleh dikatakan hampir ke semua menghadapi masalah pembayaran. Ia ada dua (2) yang pertama adalah sama ada mereka tidak mempunyai kewangan yang secukupnya untuk membayar ataupun kerana mereka memang tidak mahu bayar. Dan daripada apa yang kita perhatikan apabila pihak JMB dan MC memohon pertolongan daripada Kerajaan Negeri untuk membawa mereka yang secara tegar tidak membayar ini ada yang berhutang tinggi RM2,000 atau RM3,000. Tetapi apabila kita panggil atau mendakwa mereka di mahkamah terdapat mereka bersetuju untuk membayar jadi bermakna bahawa mereka bukannya tiada duit tetapi memang mereka tidak mahu bayar. Saya melihat bahawa apabila kita membantu akan JMB dan MC melakukan pendakwaan di mahkamah ada sedikit atau ada perubahan sikap penduduk yang mula membayar tetapi ada juga tempat-tempat yang memang bermasalah yang perlu kita selesaikan dengan cara yang berlainan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHARAN:** Terima kasih Puan Speaker. Di Flat PKNS di Seksyen 17, Petaling Jaya pihak pengurusan menghadapi kesusahan kerana ramai tidak membayar *maintenance*. Apabila minta COB untuk membuat penguatkuasaan tindakan amat perlahan. Jadi kesannya kurang baik yang bayarnya tidak sampai 30%. Jadi apakah KPI daripada Kerajaan Negeri untuk pendakwaan di mahkamah. Sebab saya lihat di flat ini ramai daripada pemilik dan penyewa so mereka mengaut keuntungan di sana patutlah mereka membayar *out time maintenance* ada yang sampai 2 tahun, 3 tahun tidak membayar *maintenance* so, apakah KPI daripada Kerajaan Negeri kepada Lembaga Perumahan atau COB untuk membuat kes pendakwaan seperti ini?.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ia lakukan ia adalah berdasarkan kepada aduan dan juga apa yang kita lihat berlaku di bawah iaitu kita membantu JMB ataupun MC. Kita tidak meletakkan berapa banyak yang perlu kita selesaikan dulu sebab undang-undang ini akan berubah sebab asalnya adalah Akta 663 di mana Akta 663 ini hanya pemilik unit sahaja yang boleh diambil tindakan tetapi dengan akta yang baru 757 bahawa mereka yang menyewa juga boleh kita ambil tindakan. Jadi bermakna benda ini adalah satu perkara yang baru lepas ini .

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Tetapi sudah lebih setahun kami meminta untuk tindakan penguatkuasaan aduan itu daripada saya sendiri tetapi tiada tindakan. Kenapa masih belum lagi didakwa?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya kena lihat lah kes spesifik tersebut tetapi keseluruhannya dah 571 kes yang telah kita bawa ke mahkamah. Saya tidak pasti apakah masalah di situ tetapi dari segi kejayaan, dari segi apa yang kita telah lakukan lebih 571 kes dan ini mungkin kita masukkan lah pada kes yang seterusnya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Terima kasih, tetapi itu yang soalan yang saya tanya iaitu KPI lah daripada terima aduan tu mungkin dalam tiga bulan tu mesti melakukan pendakwaan kalau terima aduan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Dan mohon sedikit penjelasan jawapan daripada Yang Berhormat EXCO, Akta 757 itu telah pun dilaksanakan iaitu boleh kita kenakan kepada penyewa ataupun akan diadakan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Telah diwartakan tahun lepas tetapi ia belum dikuatkuasakan lagi sebab ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan sebab dari segi penubuhan atau penguatkuasaan, penubuhan TPS itu perlu mendapat Pihak Berkuasa Negeri dan bermakna keseluruhan Pihak Berkuasa Negeri perlu bersetuju baru akta ini boleh dikuatkuasakan walaupun ia nya telah setahun ia nya telah diwartakan. Dan untuk menjawab soalan dari segi KPI, yang itu saya akan beri kemudian ia sebab kita ada dia punya *detail* untuk keseluruhannya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya mohon pihak EXCO untuk menjalankan *survey* keberkesanan tindakan undang-undang ke atas mereka yang tidak membayar terutamanya *flat-flat* kos rendah, kerana saya dapati masalah mereka banyak, jadi kalau hanya dengan tindakan undang-undang itu sebenarnya tidak menyelesaikan masalah mereka hadapi. Itu yang pertama, yang kedua nya bagaimana dengan pihak yang memang benar-benar tidak boleh membayar, adakah Kerajaan Negeri akan memikirkan langkah-langkah seterusnya untuk membantu pemilik-pemilik yang memang tidak mampu membayar kos selenggara.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi pendakwaan itu kita tidak menyelesaikan kesemua masalah tetapi sekurang-kurangnya ia dapat memberi satu mesej kepada penduduk ataupun kepada mereka yang tak mahu membayar, bahawa JMB ini ada kuasa, sebab selama ini mereka *challenge* JMB bahawa JMB



tidak dapat berbuat apa-apa tetapi apabila JMB boleh membawa ataupun MC boleh membawa mereka yang tegar ini tidak mahu membayar ke mahkamah, maka ianya Tsun Szu ke apa, saya pun tak faham. Betul ya. Dengan izin, '*kill one thousand strike fear to....kill one and strike fear to one thousand*'. *I think that is true or not.*

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sebab saya dapati ada satu kes di mana dia memang tidak ada wang dan dia dipenjarakan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dan apabila dia diberikan notis tersebut bermakna bukan terus dibawa ke mahkamah. Itu sebenarnya untuk memaksa mereka untuk membincangkan, berbincang dengan pihak JMB dan dalam banyak kes memang kita punya *target* kita adalah supaya dapat turun berbincang dan kalau mereka mempunyai satu hutang yang tinggi, mereka boleh bersama-sama bincang macam mana nak bayar secara *installment* dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETERO:** Terima kasih Puan Speaker soalan saya nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PELAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN DAN BARANGAN (GST)**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah pendirian kerajaan negeri dengan pelaksanaan GST oleh kerajaan persekutuan pada 1 April 2015?
- (b) Adakah kerajaan negeri pernah mengadakan perbincangan berkenaan GST bersama kerajaan persekutuan sebelum ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Yang Berhormat Tuan Speaker, ingin saya menegaskan bahawa kerajaan negeri berpendapat sesuatu cukai yang hendak dilaksanakan mestilah adil kepada rakyat dan konsep cukai yang paling asas ialah cukai dikenakan ke atas lebih pendapatan ataupun laba keuntungan. Walaupun GST ini merupakan satu sistem percukaian yang *transparent* dan telus untuk satu jangka masa yang panjang, namun GST mesti berpegang kepada prinsip asas tadi iaitu mesti berlaku adil kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh yang demikian, cukai sewajarnya membezakan diantara golongan yang mampu dengan golongan yang tidak mampu. Hanya golongan yang berkemampuan sewajarnya

membayar cukai. GST yang diperkenalkan oleh UMNO tidak mematuhi prinsip asas keadilan dalam percukaian ini. Saya ingin memberikan contoh, pada ketika ini hanya 10% sahaja daripada sejumlah 12 juta tenaga kerja di Malaysia yang berpendapatan mereka melepasi garis minimum pembayaran cukai. Maksudnya hanya 10% daripada tenaga kerja yang membayar cukai 90% lagi tidak membayar cukai kerana mereka berada di luar *income tax bracket*. Itu keadaan semasa. Sebab itu memang kita memerlukan satu reformasi sistem percukaian yang menyeluruh supaya ia nya bersifat *broad base*. Sekarang ni ianya bersifat *tax base* kita agak *narrow*, 10% sahaja yang membayar cukai. Namun kita mahu memastikan prinsip keadilan itu dapat dipertahankan.

Yang kedua yang dibangkitkan oleh teman-teman termasuk Sungai Burong dan rakan-rakan yang sewaktu dengannya mengatakan 162 negara telah melaksanakan GST, apa masalah dengan Malaysia? Tetapi Yang Berhormat Jeram ingin saya nyatakan di sini 162 negara yang melaksanakan GST ini mengambil pendekatan apabila GST diperkenalkan pada satu kadar yang minimum sebagai contoh, Singapura bermula dengan 3%, pada masa yang sama *income tax* dan *corporate tax* diturunkan, dia bergerak secara bertentangan. Apabila GST naikkan, diperkenalkan, cukai pendapatan diturunkan. Masalah di Malaysia ialah apabila GST diperkenalkan pada kadar yang tinggi iaitu 6%, *income tax* ini masih tahap yang tinggi, diturunkan hanya 1 dan maksimum hanya 2 mata sahaja. Kesannya ialah bagi mereka yang membayar cukai tadi 10%, dia ada *zero nett effect*. Tak ada kesan. Tapi bagi yang 90% tidak pernah membayar cukai tadi, sekarang mereka terpaksa membayar cukai. Sebab itu kita kata prinsip yang digunakan ini adalah satu sistem percukaian yang *regressive*, iaitu mencukai orang yang miskin berbanding dengan orang yang kaya. Maka pendirian Kerajaan Negeri, kita tetap menolak pelaksanaan GST ini kerana ianya adalah satu sistem percukaian yang zalim. *Point* saya yang terakhir, ini juga kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, dia celaru, dia tak faham falsafah sistem percukaian GST. Sistem percukaian GST ini bila dilaksanakan bukan untuk mencipta hasil pendapatan yang baru ataupun untuk meningkatkan pendapatan bagi sesebuah negara, itu falsafah yang salah, yang saya sebutkan tadi tujuan GST diperkenalkan ini supaya ada satu sistem percukaian yang komprehensif, adil kepada pembayar-pembayar cukai. Persoalannya sekiranya kerajaan UMNO ingin meningkatkan pendapatan mereka di peringkat persekutuan, mereka harus meneliti dahulu kebocoran, ketirisan, rasuah yang berleluasa dalam sistem kerana kalau mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan apabila GST dilaksanakan mulai April 2015, pendapatan negara akan meningkat kepada RM27 bilion. Sedangkan Laporan Ketua Audit Negara mengatakan yang bocor, yang tiris, yang rasuah, yang seleweng lebih RM20 bilion. Selesai masalah itu dulu, tutup semua bocor, tiris, rasuah. Jangan cukai rakyat miskin.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Penjelasan. Penjelasan. Adakah RM20 juta atau RM20 bilion atau RM28 bilion?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** RM27 bilion.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Ok. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dan akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak mengingatkan tentang pesanan Dr. Yusuf Qhardawi dalam buku yang bertajuk Fikh Al-Zakah. Dia menceritakan bagaimana dalam sejarah Islam pernah berlaku, ini ada juga selaras dengan Paya Jaras semalam. Ada pemerintah Sultan Kultus daripada Raja Mesir apabila negaranya diserang, dia panggil para ulama, nak tanya boleh kutip cukai atau tidak. Mungkin sekarang Perdana Menteri patut panggil Jamil Khir, boleh semalam dia dah kata halal. GST ni halal. Beli jet dia tak tanya fatwa tapi GST dia tanya fatwa. Bila Sultan Kultus ini panggil para ulama dia tanya apa, boleh tidak kita pungut cukai daripada rakyat? Ulama dia kata boleh tetapi ulama dia sambung. Ulama dia berani, dia tak macam ulama UMNO, dia tak berani. Ulama ni berani dia kata 'Ampun Tuanku, kalau musuh serang bumi umat Islam, semua umat Islam wajib untuk melawan, maka ketika itu kamu dibolehkan untuk memungut cukai daripada rakyat. Jumlah yang boleh membantu kamu kepada jihad itu dengan syarat tiada lagi harta dalam perbendaharaan negara, kamu kena jual segala pakaian-pakaian kamu yang dihiasi bersulam emas, termasuk sanggul, itu saya tambah lah. Maknanya Jeram gelak tu dia faham maksud saya. Maknanya ketika itu ulama dia nasihat Sultan Kultus boleh pungut cukai untuk berjihad dengan syarat jual dulu semua harta-harta kamu. Maka dalam konteks ini sebelum GST dilaksanakan, jual dulu *private jet*, baru boleh dikenakan cukai. Tutup dulu yang bocor, yang tiris, yang rasuah, baru boleh dikenakan cukai. Cukai pun mesti dikenakan kepada orang yang kaya bukan kepada rakyat miskin. Atas prinsip ini saya ingin mengisytiharkan kerajaan negeri Selangor menolak pelaksanaan GST oleh UMNO dan Barisan Nasional.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi Jeram dahulu.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Puan Speaker. Nampaknya Y.A.B. Antarabangsa *detail* pada apa yang saya soal, sampai *corner* naik jet laju dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:**Soalan?

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Alangkah bagusnya juga kalau kerajaan Pakatan Rakyat juga nanti akan menyokong hudud di Parlimen apabila dibentangkan memandangkan tadi keluar daripada...

**TUAN SPEAKER:** Soalan GST Jeram?

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Ok Tuan Speaker, soalan saya Puan Speaker ialah, adakah memandangkan kerajaan negeri begitu peka dengan kebajikan rakyat, bercakap tentang ketirisan, keadilan berbagai-bagai tadi, adakah kerajaan negeri pernah terpanggil untuk meminta supaya satu perbincangan khusus dengan kerajaan pusat sebelum melaksanakan GST pada 1 April yang lepas. Sama juga bila mana kerajaan negeri berbincang dengan kerajaan persekutuan berkaitan dengan konsesi air demi juga untuk kepentingan rakyat dan sebagainya. Yang kedua soalan saya Tuan Speaker ialah...

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Satu sahaja. Baik lah. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Untuk makluman Yang Berhormat Jeram, amalan kerajaan persekutuan sekarang ini ialah semua Rang Undang-Undang yang dibentangkan tidak pernah dirujuk Jawatankuasa ataupun dibincangkan terlebih dahulu untuk mendapat persetujuan daripada Ahli-Ahli Dewan Rakyat. Semuanya diasak dan disogok dan dipaksa kita luluskan. Namun, ini bukan perkara baru. Untuk maklumat Yang Berhormat Jeram, Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat telah sekian lama, saya ingat sudah hampir empat tahun kita berbahas di dalam Dewan Rakyat, kita menggunakan forum Parlimen untuk memberikan pandangan dan hujah bahawa sistem percukaian yang *regressive* ini perlu ditangguhkan dan perlu disemak semula khususnya dalam keadaan ekonomi pada hari ini. Namun tidak pernah diberikan maklum balas dan diberikan perhatian. Kita juga telah menjalankan banyak forum sama ada di peringkat nasional atau di peringkat negeri untuk mendapatkan maklum balas dari NGO, *civil society* dan pihak *stake holders*, apakah pandangan mereka tentang pelaksanaan GST dan ini melibatkan juga tokoh-tokoh besar termasuk daripada UMNO dan Barisan Nasional seperti Tun Dr. Mahathir sendiri, seperti Tengku Razaleigh, seperti Datuk Seri Paduka Rafidah Aziz, oh sekarang Tan Sri Rafidah Aziz. Kesemua mereka ada pengalaman yang cukup luas di dalam kerajaan. Bekas Menteri Kewangan, bekas Menteri MITI, mengapa pandangan-pandangan mereka tidak mahu diterima. Kalau pandangan daripada Pakatan Rakyat mungkin boleh ditolak tepi, tapi pandangan daripada bekas Menteri Kewangan, bekas Menteri MITI juga ditolak. Ini menunjukkan sikap angkuh kepimpinan Putrajaya hari ini yang terpaksa menekan dan mencukai rakyat kerana negara hampir bankrap kerana amalan rasuah dan penyelewengan yang berlaku pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitandengan GST ini saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, 90% yang tidak pernah dikenakan cukai sekarang, orang kampung khususnya sekarang kena

cukai. Saya nak tahu apakah ini satu cukai yang zalim untuk orang miskin satu (1), yang keduanya.....

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Satu sahaja, kerana satu adakah ini cukai yang zalim untuk orang miskin.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya telah nyatakan tadi bahawa GST ini adalah cukai yang *regresif* iaitu dia cukai orang miskin tetapi orang yang pendapatan tinggi terlepas. Sebab saya kata tadi, amalan di negara-negara yang telah melaksanakan GST ini ialah bila dilaksanakan GST, Singapura bermula dengan 30%, tetapi cukai pendapatan dikurangkan jadi dia punya *nett effect to zero*. Maknanya bagi orang yang kaya yang berpendapatan tinggi tiada kesan tetapi orang yang berpendapatan rendah sebelum ini Maggi tak kena, roti canai tak kena, 90% daripada mereka tak kena, bukan mereka nak elak bayar cukai tetapi pendapatan mereka rendah, mereka tak masuk dalam (*income tax*) itu tetapi sekarang dengan GST tak semena-mena orang yang berpendapatan rendah yang di luar (*income tax*) itu kena bayar, orang yang pencen pun kena bayar, orang kampung pun kena bayar, di mana keadilan dalam prinsip GST ini dan yang dikecualikan *lobster*, siapa makan *lobster*, orang Sungai Burung pun tak makan *lobster*hah.. tak ada *lobster* ada burung je... orang Sungai Burung tak makan *lobster* jadi mengapa *lobster* dikecualikan tapi Maggi dia kena. Nasi sebungkus dia kena. Sekali lagi GST adalah zalim ..... dan ini menunjukkan UMNO akan terkubur dalam pilihan raya yang akan datang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sebab walaupun Pakatan Rakyat dan Kerajaan Negeri pendirian kita adalah menolak pelaksanaan GST tapi sekarang telah berkuat kuasa pada 1 hari bulan April ini, apakah kesannya terhadap kos pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Ada tak satu unjuran dibuat peningkatan dari segi bajet sebab banyak agensi kerajaan negeri kita seperti PBT sebenarnya menawarkan perkhidmatan dan transaksi-transaksi dengan bank dan sebagainya sebenarnya dikenakan cukai GST juga jadi ada tak satu kajian telah dibuat berapa peratusan dari segi peningkatan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Rawang. Sudah pastilah ia akan memberi kesan kepada kewangan dan pendapatan Kerajaan Negeri sebagai satu contoh. Sektor pembinaan mungkin tidak dikenakan GST tetapi bahan-bahan binaan seperti simen dan perkhidmatan itu dikenakan GST dan ini akan meningkatkan kos setiap unit rumah yang nak dibina di dalam Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun kita ada satu dasar di mana setiap unit rumah Selangor Ku

iniditetapkan RM250,000.00 maka ianya memberi kesan margin, *profit* margin kepada pemaju-pemaju yang berkenaan, tetapi secara keseluruhannya Kerajaan Negeri akan meneliti apakah kesan besar kepada kewangan negeri untuk melihat persiapan kita menghadapi belanjawan bagi tahun berikutnya supaya kita dapat bajetkan satu jumlah yang lebih munasabah dan adil bagi mengurus dan mentadbir Kerajaan Negeri bagi tahun 2016. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum ini satu keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Penyelesaiannya hanya satu iaitu tumbangkan Barisan Nasional dan kita boleh selesaikan masalah GST. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin bertanya soalan tambahan berkaitan dengan GST. Oleh kerana Kerajaan Negeri telah menolak apa GST ini, adakah keuntungan faedah-faedah yang akan diberikan daripada hasil GST nanti, Kerajaan Negeri akan tolak juga. Memandangkan bahawa dengan cara ini, menunjukkan bahawa apa ni, dari segi konsep keadilan yang diperkatakan tadi. Saya kira yang apa ni, prinsip tentang GST ini bukanlah dilaksanakan secara berasingan dengan sistem ... yang lain kerana hasil kutipan GST ini juga akan digunakan untuk memastikan bahawa kebajikan rakyat ini akan sentiasa diberikan dan ditambahbaikkan. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju bahawa GST merupakan satu dasar yang bukan *absolute*, dia adalah satu dasar yang menyeluruh bagi dilaksanakan dan selama ini pun kerajaan Barisan Nasional mengambil apa pendirian untuk memberikan kebajikan lebih kepada rakyat di negara ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Burong yang meminta penjelasan sekiranya berlaku bertambahan hasil daripada pelaksanaan GST ini apakah Kerajaan Negeri akan menolak daripada sumbangan Kerajaan Persekutuan. Ini bukan soal nak terima atau tidak. Ini Perlembagaan Yang Berhormat Sungai Burong. Mengikut Akta Pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pemberian Pertambahan Hasil Pindaan 2007 ada satu jenis pemberian daripada Persekutuan yang dinamakan Pemberian Pertambahan Hasil. Setiap pertambahan hasil itu mesti disalurkan kepada Kerajaan Negeri, bukan soal nak atau tidak, ini hak kami. Tak perlu kami melutut untuk minta, patuh pada Perlembagaan itu yang pertama. Nanti...nanti.. dengar dulu. Ini soal Perlembagaan. Mengikut Perlembagaan Kerajaan Persekutuan berhak memberi kepada Kerajaan Negeri, apa tah lagi Negeri Selangor yang menyumbang 23.5% kepada KDNK negara yang terbesar dalam Malaysia, tanpa Selangor saya tak tahulah apa jadi kepada Malaysia. Nanti.....kejap...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** .... Penjelasan sikitboleh tak .. yang ... yang .. sebab saya kena tanya .... saya nak minta penjelasan yang .....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** ..... tak boleh saya sedang menjawab...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** .... tak... yang..yang tadi.....

**TUAN SPEAKER:** Biar Menteri Besar jawab dulu, .Sungai Burung duduk dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebab itu tak boleh jadi Ketua Pembangkang, dia kena tahu peraturan mesyuarat. Saya sedang beri jawapan.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya tak jadi Ketua Pembangkang bukan kerana tak layak ini kerana dipaksa oleh peraturan .....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dipaksa mana.....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung letak jawatan secara rela ye.. tak ada orang paksa...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** .....atas arahan Noh Omar .....

**TUAN SPEAKER:** Teruskan .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ..... ini satu pembohongan .....daripada Sekinchan ..ya.... janganlah tuduh...

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya teruskan ye..... Jadi .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ..... ini buruk sangka ye....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung dan Sekinchan tolong diam biar Bukit Antarabangsa jawab.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Selangor menyumbang 23.5% kepada KDNK negara, sudah tentu Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab untuk melihat keperluan Kerajaan Negeri yang memberikan sumbangan terbesar, itu yang .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ..... boleh sebutkan, berapakah sumbangan Kerajaan Persekutuan pula kepada Negeri Selangor setiap tahun.....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya dah sebut dah.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** .... lebih banyak daripada negeri-negeri yang lain....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ..... kalau tak ada Kerajaan Persekutuan bagi pada negeri Selangor, saya ingat negeri Selangor ini pun juga mundur macam negeri-negeri lain.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Dia mengaku negeri lain mundur, dia sendiri yang cakap.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Termasuklah Penang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Sungai Burung. Ini sesi soal jawab bukan berdialog, ye,, jadi bagi saya jawab dulu ok. Yang Ketiga ye, yang saya nak sebut tadi, soal perlembagaan, soal sumbangan Kerajaan Negeri, yang ketiga apakah ada pertambahan hasil. Saya dah jawab. Saya tidak yakin ada pertambahan hasil di peringkat persekutuan kerana harga minyak sudah merudum lebih 50%, bajet 2015 yang dikemukakan oleh Perdana Menteri menggunakan kadar USD110 satu tong, sekarang sudah USD52 satu tong, di mana pertambahan hasil sedangkan lebih 40% pendapatan negara bergantung kepada hasil petroleum dan gas. Jadi oleh kerana.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini boleh dapat penjelasan juga.....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti dulu.....belum habis.... .. oleh kerana.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ..... ialah ...sebab hasil ini bukan boleh menentukan ... bila harga petroleum merudum, harga petroleum merudum, ringgit Malaysia pun turun.....

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burung, jadi tanya soalan tambahan....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** .... meningkat.....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung, tadi tanya soalan tambahan, biar Menteri Besar jawab dulu. Silakan Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Jadi bila pendapatan negara berkurangan lebih daripada 50% di mana ada pertambahan hasil di peringkat Kerajaan Persekutuan yang akhirnya sekarang ini, Yang Berhormat Sungai Burung kena tahu juga. Oleh keranacost of living ini, kos sara hidup terlalu tinggi, *how should that*, sudah lebih



setengah trillion ringgit maknanya kita tak ada kuasa membeli lagi. Jadi sebab itu saya mahu mengajak rakyat lebih baik berjimat cermat, kalau ikut dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan GST ini ianya akan terus membebankan mereka yang berpendapatan menengah dan rendah. Ini satu lagi sistem yang zalim yang tidak dapat menjana sebarang sumber hasil yang baru akhirnya tidak ada pertambahan hasil di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri pun tidak akan mendapat apa-apa. Itu jawapan yang nak saya beri pada Sungai Burung dalam kuliah ekonomi.

**TUAN SPEAKER:** Teratai:

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Puan Speaker. Soalan ke-25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: ISU CERUN**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengemukakan garis paduan lengkap untuk MPAJ supaya MPAJ dapat menukarkan pinjaman wang Kerajaan Negeri kepada geran?
- b) Berapakah peruntukan atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun setakat Mac 2015?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih, Tuan Speaker dan juga Teratai. Tiada garis panduan yang khas untuk MPAJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya supaya menukarkan pinjaman wang Kerajaan Negeri kepada bentuk geran. Pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun adalah sebanyak RM29,322,105.37. Sekian Puan Speaker.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Puan Speaker. Jadi soalan kepada Yang Berhormat EXCO, bilakah garis panduan itu akan ditetapkan sebab sebelum ini pada sidang dewan yang lepas katakan Kerajaan Selangor akan menetapkan satu garis panduan supaya MPAJ bertukarkan pinjaman kepada geran. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker. MPAJ hanya perlu mengemukakan permohonannya kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan tersebut daripada Majlis tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Puan Speaker, soalan no. 27.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** *Sorry, 26*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK: PUSAT WANITA BERDAYA**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:-

- a) Mohon segerakan surat pelantikan dan pembayaran elaun kepada penyelaras PWB di setiap ADUN.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Seri Serdang, Puan Speaker. Soalan ini saya akan jawab bersekali dengan soalan no. 117, 165 dan 233.

Tuan Speaker, bagi memastikan kelancaran PWB iaitu Pusat Wanita Berdaya di peringkat DUN seorang penyelia di setiap DUN yang berperanan sebagai urus setia ataupun pengurus setiap aktiviti yang dijalankan telah dilantik. Para penyelia PWB ini telah diberikan elaun sagu hati oleh MBI iaitu Menteri Besar *Incorporated* bermula pada 2012 hingga Mac 2013 menggunakan peruntukan geran *Selangorku*. Namun pada April 2014, satu kertas cadangan Pusat Wanita Berdaya Negeri Selangor telah diangkat dan diluluskan dengan pindaan dan pada 28 November 2014, satu kertas cadangan penambahbaikan Pusat Wanita Berdaya Negeri Selangor telah dikemukakan semula dalam Mesyuarat MMKN ke-46/2014 dan telah diluluskan bagi membolehkan proses pelantikan 56 orang penyelia Pusat Wanita Berdaya dijalankan. Surat makluman bertarikh 24 Disember telah dihantar ke semua pejabat ADUN untuk mengemukakan senarai calon yang berpotensi untuk menjadi Penyelia Pusat Wanita Berdaya dan tarikh tutup adalah pada 9 Januari 2015. Tetapi ia dipanjangkan sehingga 22 Januari 2015 atas permintaan beberapa orang ADUN bagi mendapatkan calon yang terbaik di kawasan masing-masing. Panggilan temu duga telah dilakukan pada 23 Januari bagi memberi peluang kepada semua calon berpotensi untuk dipilih bagi jawatan tersebut dan seramai 100 orang calon telah

dinamakan untuk dipertimbangkan dan sebanyak 5 sesi temu duga telah dijalankan pada 27 sehingga 30 Januari serta tambahan kepada 23 Februari 2015.

Para penemu duga terdiri daripada seorang wakil daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia BPSM, seorang wakil daripada Seksyen Sektor Unit Perancang Ekonomi Selangor serta seorang wakil daripada Pejabat EXCO. Seramai 50 orang calon telah berjaya diangkat melalui kertas makluman ke MMKN pada 18 Mac 2015. Surat lantikan bertarikh 30 Mac 2015 dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah keputusan rasmi kertas makluman berkenaan diperolehi dan lantikan adalah berpandukan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Berpandukan tatacara lantikan oleh Kerajaan Negeri. Dan pada 1 April 2015 iaitu semalam para Penyelia PWB yang berjaya telah melapor diri dan telah diberi taklimat bagi memulakan tugas dan khidmat mereka serta sebagai Penyelia PWB di DUN masing-masing untuk meneruskan agenda pembudayaan wanita bawah Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:** Tuan Speaker, saya nak tanya adakah semua 56 ADUN, DUN telah dilantik Penyelia PWB atau ada masih belum dilantik.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** 56 orang telah pun dilantik tetapi ada beberapa bantahan daripada beberapa kawasan dan ada juga Penyelia yang telah dilantik ingin menarik diri jadi kita sedang mempertimbangkan dan kita akan menguruskan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang jawapan yang diberi kepada Morib tentang bantahan yang dinyatakan itu sebab kita dimaklumkan bahawa cadangan nama-nama itu sepatutnya datang dari Yang Berhormat Wakil Rakyat tempatan. Jadi apakah isu yang menyebabkan bantahan diterima dan akhirnya ditukar penyelia-penyelia ada. Sila EXCO jawab.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih, setelah kita er... 56 calon yang kita terima atau pun telah pun dilantik adalah melalui proses *interview* dan juga pemarkahan tetapi apabila kita melantik kita mengemukakan nama-nama mereka kepada ADUN-ADUN, ada yang tidak bersetuju maka kita menerima teguran tersebut dan kita sedang, kita belum lagi meluluskan beberapa nama-nama tersebut mengikut kehendak kepada DUN yang membantah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih, saya juga difahamkan setiap wakil PWB yang dilantik itu perlu berdaftar dengan SSM supaya dapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Saya ingin nak tanya kenapa perlu berdaftar dengan SSM? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Kinrara. Keperluan untuk berdaftar untuk SSM adalah untuk memudahkan program-program di bawah PWB dan penyaluran peruntukan bagi program-program tersebut.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Selalu diberitahu bahawa tiap-tiap *candidate* yang lulus untuk dapatkan kerja itu kena *sign* surat di depan *Commission of Oath* untuk dapatkan jawatan ini. Apa maksud atau pun *whatis the reason* kenapa mereka buat demikian.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Andalas, ianya adalah seperti untuk perjawatan di bawah lantikan Kerajaan Negeri seperti juga petugas-petugas di DUN mereka juga perlu mendapatkan akuan daripada *Commission of Oath*.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang dulu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Ada dua, tiga boleh soalan dua atau tiga.

**TUAN SPEAKER:** Satu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Satu sahaja. Okey, memandangkan dalam sidang yang lepas Dewan telah meluluskan RM30,000 setiap DUN untuk program PWB tetapi bila hari ini yang saya dengar ada kena daftar SSM. Adakah keperluan PWB ini di bawah DUN sedangkan kena daftar satu SSM satu Syarikat pula untuk mendapatkan bajet ini. Sila jelaskan Puan Speaker. Sorry Puan EXCO.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Seri Serdang. Sebenarnya SSM atau pun Syarikat ini adalah di bawah nama PWB DUN tersebut jadi untuk memudahkan penyaluran atau pun peruntukan terhadap program-program yang

dilaksanakan maka itulah keperluan untuk diminta untuk mempunyai satu SSM agar memudahkan perjalanan program-program dan peruntukan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Pandamaran dulu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya bahawa calon untuk PWB disyaratkan bahawa mereka mesti bekerja sebagai sepenuh masa *fulltime* di mana sekiranya calon yang mempunyai kerja yang lain tidak dikira layak untuk dilantik. Jadi saya gagal melihat apa keperluan serba kerana PWB bukan satu kerja yang perlukan sepenuh masa. Dia bukan satu kerja yang ada pejabat yang mana dia ada kerja-kerja yang perlu kerja dari 9.00 hingga 5.00 petang dan lagi pun gaji yang diberikan hanya RM1,500.00 sahaja. Sekiranya ini diperlukan bermaksud seorang mesti *give up* meletak jawatan yang mungkin mendapat pendapatan yang lebih banyak untuk mengambil jawatan ini. Saya rasa ini memang tidak adil yang terutamanya dalam pejabat Pusat Khidmat kebanyakan saya difahamkan ADUN-ADUN di sini ada calon yang memang layak tetapi mereka juga ada jawatan yang lain kerja yang lain berkaitan dengan Pusat Khidmat juga. Jadi saya minta penjelasan apakah rasional di belakang untuk mengadakan syarat ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Pandamaran. Tentang calon yang semestinya hanya memegang satu jawatan, ini adalah syarat yang diberikan oleh pihak lain, contoh juga daripada

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya rasa tidak benar, saya rasa tidak benar Ahli Majlis bukan sepenuh masa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Bermakna, maknanya orang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memegang jawatan dalam Kerajaan Negeri mereka tidak boleh memegang dua atau tiga jawatan yang lain. Pelantikan di bawah Kerajaan Negeri seperti juga Penyelia PWB juga tidak boleh memegang dua jawatan contoh seperti mungkin daripada Subang Jaya, beliau adalah petugas di pejabat DUN, dapat elaun sejumlah RM2,000.00 dan beliau tidak boleh memegang jawatan PWB ini, ini contoh.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Adakah ini bermaksud kalau dia kerjanya bukan dengan Kerajaan, dia dengan swasta bermaksud dia masih layak untuk dilantik sebagai PWB? Adakah ini dimaksudkan oleh YB EXCO?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Sepatutnya tidak boleh, tugas ini adalah sepenuh masa. Beliau perlu berada di pejabat dan melaksanakan tugas-tugas PWB ini, melaksanakan tugas-tugas untuk program-program wanita di DUN tersebut.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya rasa tiada apa garis panduan atau apa pun yang lain menunjukkan apa kerja, skop kerja untuk orang Penyelia PWB? Lagi pun untuk temu duga yang diadakan tiada material yang dibekalkan untuk mereka menyediakan hanya datang, minta datang untuk *interview* tanya soalan-soalan sahaja tanpa memberi peluang untuk mereka menyediakan. Saya rasa sistem ini memang bermasalah. Untuk pengalaman saya dari tahun 2013 saya telah diminta untuk mencalonkan di mana saya telah buat, masukkan calon tiga kali dengan calon saya menghantarkan resume dua (2) kali pun tidak berjaya sehingga 30hb Majlis, 2 hari lalu. Saya diberikan surat pelantikan menyatakan bahawa akan mengadakan satu taklimat pada 1 April iaitu dua (2) hari selepas itu. Saya rasa kesemua ini menunjukkan kelemahan atau pun soalan saya apakah cara untuk memperbaiki kesemua masalah ini kerana kita sudah dikelirukan tentang peranan dan juga maksud untuk mengadakan PWB ini. Susah untuk dapat satu calon yang boleh mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Pandamaran panjang lebar tapi saya ingin menyatakan bahawa tugas Penyelia PWB ini adalah melaksanakan tugas-tugas untuk wanita di peringkat DUN dan juga melaksanakan program-program di peringkat DUN dan juga beliau perlu bersama membantu ADUN di peringkat DUN. Sebab itulah tanggungjawabnya agak besar jadi sebab itu dia perlu berada di pejabat Pusat Khidmat selain daripada melaksanakan tugas-tugas tersebut beliau juga perlu membuat program-program, merangka program-program bersama wanita di DUN tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kenapa PWB tidak boleh didaftarkan di bawah pejabat DUN maksudnya akaun itu tersebut dan perlu buka satu SSM sebab ini menimbulkan satu lagi kerja pentadbiran dan kos-kos yang berbangkit sebab kalau di bawah pemantauan ADUN kenapa pula tidak peruntukan dan segala yang ada itu disalurkan melalui akaun pejabat DUN.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Rawang. Sebenarnya kita perlukan supaya kita hendak memperkasakan Penyelia PWB ini agar mereka boleh melaksanakan program-program mereka sendiri dengan peruntukan yang diberikan. Sekiranya peruntukan RM30,000 ini selesai atau pun memerlukan tambahan barulah mereka boleh memohon daripada ADUN atau daripada ADUN lah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ini berkenaan dengan SSM, kita tengok banyak lantikan Kerajaan Negeri, bergerak ke tempat PABT, Ahli Majlis dan juga ADUN semua mempunyai peruntukan daripada Kerajaan tetapi tidak memerlukan pendaftaran SSM. Kenapa PWB sangat *special*? Nak kata supaya dia lebih *proper*, adakah peruntukan yang diberi kepada ADUN kepada Ahli Majlis, kepada penggerak Belia Tempatan adakah itu tidak *proper*? Mungkin tolong beri penjelasan dan apakah implikasi kepada mungkin kewangan yang diterima ke dalam syarikat ini perlu didaftarkan akan dikenakan cukai nanti sebagai pendapatan peribadi kepada pegawai PWB ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Saya kira tentang perkara ini kita akan perbaiki semula kerana ianya di dalam salah satu daripada perancangan jadi masih boleh diperbaiki sekiranya ianya mendapat bantahan daripada ADUN-ADUN. Saya mungkin akan mendapat maklum balas dan juga akan menerima cadangan-cadangan ini untuk kita perbaiki penambahan terhadap perkara ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih, Tuan Speaker soalan no. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGGUNAAN PERUNTUKAN MARRIS**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Peruntukan MARRIS dapat digunakan untuk membaikpulih jalan-jalan yang di dalam kawasan perumahan bertingkat?
- b) Apakah pindaan kepada Garis Panduan Penggunaan Peruntukan MARRIS yang boleh dibuat bagi melebarkan penggunaan peruntukan untuk infrastruktur lain?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:**Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan yang ingin mendapat penjelasan tentang penggunaan peruntukan MARRIS. Sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Taman Medan bahawa pemberian penyelenggaraan jalan negeri atau pun peruntukan MARRIS dibuat di bawah peruntukan Perkara 109(1)(B) Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri di negeri masing-masing. Peruntukan perbelanjaan ini dibuat secara teliti berpandukan

kepada garis panduan tatacara pemberian jalan negeri yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Dan untuk makluman Yang Berhormat tafsiran istilah jalan raya negeri berdasarkan perenggan 3 garis panduan tersebut iaitu jalan raya negeri yang diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya atau pun JKR Negeri. Garis panduan yang sama, turut mengguna pakai tafsiran jalan negeri yang dinyatakan pada Seksyen 5 dan Seksyen 6 (2)(b), Bahagian 2 Jadual ke 10 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:-

### **Seksyen 5**

“Dalam bahagian ini dalam jadual ini, ‘jalan negeri’ ertinya mana-mana jalan awam, selain jalan persekutuan dan mana-mana jalan lain, selain jalan persekutuan, yang boleh dilalui oleh orang ramai.”

### **Seksyen 6 (b)**

“mana-mana batang jalan yang diselenggara oleh sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan atas perbelanjaan negeri hendaklah dikira sebagai diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu”.

Sungguhpun begitu jalan-jalan yang berada di kawasan perumahan bertingkat adalah tergolong dalam tafsiran “**harta bersama**” yang berada di bawah tanggungjawab pihak Badan Pengurusan Bersama atau pun (*Join Management Body* - JMB) selaras dengan Seksyen 2 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan 2017 (Akta 663). Jalan-jalan tersebut tidak diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak didaftarkan dan sistem MARRIS *on line*. Oleh yang demikian peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan secara langsung untuk membaik pulih jalan di kawasan perumahan bertingkat.

Untuk makluman Yang Berhormat sebarang pindaan garis panduan secara pengurusan pembelajaran negeri bagi meluaskan penggunaan peruntukan berkenaan kepada lain-lain perkara yang tidak tersenarai dalam garis panduan tersebut perlulah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan dalam negeri sebelum diangkat oleh Kerajaan Negeri Majlis Kewangan Negara. Apa yang saya nyatakan di sini adalah proses dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Kerajaan Negeri dalam terima pakai peruntukan MARRIS. Walau bagaimanapun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah isu yang serius yang juga berlaku di kawasan-kawasan perumahan bertingkat maka Kerajaan Negeri sedang meneliti satu kaedah yang bersesuaian untuk menampung kos penyelenggaraan jalan-jalan dalam pangsapuri kos rendah dan membantu mereka yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:**Soalan Tambahan.



**TUAN SPEAKER:**Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Masalah selenggara jalan raya sekitar perumahan yang bertingkat ini sudah menjadi masalah yang begitu lama saya mohon pihak Kerajaan Negeri menyegerakan bantuan dan sumbangan dan untuk mengatasi masalah ini. Mungkin Y.A.B. Menteri Besar boleh beritahu berapa lama tempoh lagi penghuni rumah bertingkat ini perlu menunggu dapatkan bantuan ini.

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Taman Medan yang prihatin tentang masalah penduduk-penduduk pangsapuri khususnya yang menghadapi masalah penyelenggaraan jalan. Memang Kerajaan Negeri mengambil maklum aduan-aduan yang kita terima. Memandangkan JMB bagi kawasan perumahan ini tidak mempunyai kewangan yang kukuh bagi maksud menyelenggara jalan-jalan tersebut dan kita Kerajaan Negeri juga terikat dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Namun sifat peduli sikap rakyat negeri Selangor dan rizab kita yang sekian hari sekian meningkat kerana pengurusan Kerajaan Negeri yang telus dan bertanggungjawab sudah tentulah kita mahu berkongsi rizab ini dengan rakyat di bawah khususnya berpendapatan rendah. Sebab itulah tadi kita sedang meneliti satu kaedah bagaimana kita boleh guna rizab ini tetapi dalam masa yang sama kita juga telah meminta semua PBT menyenaraikan pangsapuri-pangsapuri kos rendah di kawasan pentadbiran PBT-PBT masing-masing yang memerlukan peruntukan di kawasan-kawasan perumahan tersebut supaya kita satu data dan statistik yang lebih tepat tentang jumlah peruntukan yang diperlukan dan saya percaya pegawai Kewangan Negeri akan mengemukakan kertas dalam MMKN bagi maksud yang saya nyatakan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Dengan peruntukan MARRIS yang berjumlah RM564.06 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor yang begitu banyak sudah tentu tidak ada lagi jalan-jalan yang rosak terutama jalan-jalan luar Bandar. Contoh di DUN Batang Kali Bukit Sentosa Bukit Beruntung. Begitu banyak jalan-jalan yang rosak tepi-tepi jalan dan sebagainya. Saya rasa Kerajaan Negeri perlu buat sesuatu langkah supaya perkara-perkara ini berlaku dan memanfaatkan peruntukan MARRIS sepenuhnya. Terima kasih.

Saya menyambut baik gesaan YB Hulu Bernam tentang keperluan untuk Kerajaan Negeri melihat perkara ini secara serius. Justeru itu saya sendiri telah meminta Pihak Berkuasa Negeri supaya menggunakan sepenuhnya peruntukan MARRIS ini bagi maksud tersebut kerana sebelum ini telah ada amalan yang menggunakan

sebahagian peruntukan yang disalurkan oleh pihak PBT tetapi mulai tahun ini kita akan menggunakan jumlah yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan secara sepenuhnya tetapi apa yang lebih penting daripada itu adalah tentang penguatkuasaan dan pemantauan kualiti kerja. Saya sendiri telah turun ke sebahagian daerah dan saya sendiri tidak puas hati dengan penyelenggaraan jalan-jalan Negeri Selangor yang perlu ditingkatkan. Saya telah ambil inisiatif dengan meminta Penolong-penolong Jurutera di setiap daerah hantar kursus khas dikendalikan oleh JKR dan IKRAM bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran untuk memantau kerja-kerja raya jalan-jalan tersebut. Itu yang pertama.

Daripada jumlah yang kita hantar ada sebahagian mereka gagal dan perlu berikan mereka latihan yang lebih supaya mereka lebih mahir dan tahu tentang penjagaan dan kualiti kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

Yang keduanya saya juga telah meminta pihak-pihak PBT untuk menyenaraikan jalan-jalan ini daripada awal. Sebenarnya kita telah melaksanakan sejak dari awal pada hujung tahun 2014. Semua PBT telah senaraikan jalan-jalan yang perlu diselenggarakan bagi tahun 2015. Tujuannya bila tiba tahun 2015 tender-tender ini dapat kita keluarkan dan kerja-kerja dapat bermula pada bulan Mac sehinggalah hujung tahun. Apa yang berlaku sebelum ini kerja-kerja ini diberikan pada pertengahan dan hujung tahun. Ketika itu musim tengkujuh dengan hujan yang lebat maka mereka *compromise* soal kualiti apabila kerja dibuat tergesa-gesa ada kemungkinan kita cuai dalam kualiti dan juga tahap kerja yang diberikan. Yang ini saya tidak mahu ulang bagi tahun 2015 dan akhirnya kita sedang mencari satu teknologi baru. Kita ada pilot projek di Kapar, Klang untuk menggunakan teknologi baru supaya jalan-jalan yang diselenggarakan ini dapat memastikan kualiti yang baik dan dapat dijamin dalam satu tempoh yang panjang kerana saya lihat di Shah Alam sendiri pada lewat tahun lepas. Lepas 2 hari diturap dia terkopak dan rosak iaitu di sekitar Masjid Negeri. Saya sendiri menghubungi MBSA mengatakan ketidakpuasan hati dan saya mengambil tindakan yang tegas terhadap kontraktor yang cuai dalam melakukan kerja-kerja tersebut. Jadi saya sambut baik cadangan dengan Hulu Bernam dan Kerajaan Negeri memastikan setiap sen peruntukan MARRIS ini dapat memanfaatkan dan dalam matlamat yang kita inginkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEEYIN:**Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEEYIN:** Sebab ini jawab sama dengan soalan saya dengan soalan Kajang tentang peratus perbelanjaan kita dapatkan peratus itu. Peratusan perbelanjaan MARRIS yang telah dibelanja dari Januari hingga Mac. Itu soalan saya. Senarai projek yang dikatakan oleh Dato' Menteri Besar. Saya tidak ada senarai projek *until now*.

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:**Terima kasih Y.B. Damansara Utama. Memang benar kalau ikut senarai yang disenaraikan oleh Setiausaha Dewan saya perlu jawab sekali soalan 66, 111 dan 118. Tetapi saya ambil keputusan jawab secara bertulis berasingan kerana Taman Medan tanya khusus tentang penyelenggaraan khusus kawasan rendah. Y.B. Damansara Utama dan rakan-rakan lain ada soalan yang lebih spesifik tentang jumlah peruntukan tetapi oleh kerana Damansara Utama mengarahkan saya menjawab saya boleh jawab sekarang kerana saya tunduk dengan arahan Ahli-ahli Dewan Negeri.

Untuk makluman Damansara Utama bagi tahun 2014. Saya bagi tahun 2014 dulu kerajaan telah berbelanja sebanyak RM467 juta atau 88.05 % daripada jumlah RM523 juta yang telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Maknanya daripada RM523 juta yang kita terima dalam tahun 2014 kita hanya berbelanja 88.05 % sahaja. Itu yang pertama. Bagi tahun 2015 kita telah berbelanja penuh. Kita telah terima RM130.86 juta. Bagi Januari 2015 kita terima RM43.62 juta dan Mac 2015 kita terima RM43.62 juta dan jumlah penuh RM130.86 juta. Seperti yang saya nyatakan tadi. Oleh kerana ini adalah diawal tahun 2015 senarai yang perlu disenaraikan telahpun disiapkan pada akhir 2014 dan proses tender sedang dimulakan dan ada PBT yang telah mula menganugerahkan tender tersebut. Jadi perbelanjaan ini akan dilakukan sepenuhnya bagi 3 bulan yang pertama.

Akhirnya untuk makluman Y.B. Damansara Utama juga rizab ataupun baki wang MARRIS daripada 2008 sehingga 2015 adalah RM756 juta. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:**Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:**Terima kasih. Kalau berbalik soalan asal daripada Taman Medan pada pandangan saya masalah pokok ialah jalan raya di flat kos rendah ini tidak diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Memandangkan di kawasan orang kaya seperti di rumah banglo rumah *landed properties*, jalanraya di hadapan rumah ni serah kepada Kerajaan Negeri.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengujudkan satu proses flat kos rendah ini menyerahkan harta bersama ini seperti jalan raya, dewan, padang kepada Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri dan PBT supaya boleh menyelenggarakan semua harta bersama ini dan hanya bangunan blok sahaja ditinggalkan untuk pengurusan JMB atau flat kos rendah.

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:**Terima kasih YB Bukit Gasing. Satu cadangan yang boleh kita teliti dan pertimbangkan. Namun pada ketika ini seperti saya nyatakan tadi Kerajaan Negeri terikat dengan Seksyen 2 Akta Bangunan dan harta bersama penyelenggaraan dan pengurusan 2007 akta 63 di mana

tanggungjawab ini telah dipikul oleh pihak JMB bagi kawasan perumahan yang berkenaan. Namun rasional yang dikemukakan oleh YB Bukit Gasing tadi ada meritnya oleh kerana mereka ini berpendapatan rendah dan sudah tentunya tidak dapat menyumbang kepada JMB bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti ini Kerajaan Negeri boleh meneliti semula dan menyemak Seksyen 2 ini dan kalau ada keperluan untuk kita buat semakan dan pindaan saya kira boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas,.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ya saya hendak Tanya Menteri Besar. Jumlah MARRIS untuk tahun 2015 adalah ianya serupa jumlah tahun 2014 RM527 million dan selain daripada peruntukkan MARRIS adakah Kerajaan Persekutuan berikan peruntukan luar Bandar yang asing dari MARRIS ini kepada kerajaan. Sebab saya selama ini difahamkan peruntukan luar Bandar ini tiak diselaraskan kepada negeri tetapi disimpan oleh Persekutuan untuk buat kerja-kerja lain. Adakah peruntukan lain luar Bandar ini disalur kepada Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Untuk makluman Yang Berhormat Seri Andalas jumlah peruntukan yang diterima daripada kerajaan Persekutuan dalam maksud MARRIS ini bergantung kepada jarak jalan yang didaftarkan. Sekiranya kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk mendaftarkan jalan-jalan baru khususnya. ianya pasti akan merubah jumlah yang akan diterima daripada kerajaan Persekutuan. Dan ini telah pun kita nyatakan kepada semua Pejabat Daerah, khususnya dengan bantuan PBT untuk mendaftarkan jalan-jalan di kawasan pentadbiran masing-masing supaya jumlah yang kita terima daripada Kerajaan Persekutuan itu lebih adil untuk Kerajaan Negeri agihkan kepada setiap daerah dan kawasan pentadbiran PBT. Itu yang pertama, jadi jumlah yang diterima tidak semestinya sama dengan jumlah pada tahun yang lepas kerana pastinya jalan-jalan baru telah pun mula dibina dan ianya perlu pendaftaran mengikut peruntukan yang sedia ada. Yang keduanya untuk jalan-jalan luar bandar. Sekali lagi saya ingin nyatakan kerajaan negeri telah pun menyediakan peruntukan RM12 juta bagi jalan luar bandar namun sekali lagi jalan-jalan luar bandar juga perlu didaftarkan terlebih dahulu untuk memudahkan penyaluran peruntukan bagi maksud yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seri Andalas. Terima kasih.

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### III. USUL

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Saya beri lima belas minit seorang. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahir rahmannir rahim.* Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor. Semalam saya telah menyentuh sedikit tentang *Maqasid Syariah* yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Mana saya menegaskan bahawa asas kepada maqasid Syariah adalah keadilan, kebebasan dan perjuangan untuk terus membela dan mempertahankan kebebasan di mana dengan apa yang telah saya nyatakan semalam iaitu Imam Syafie merupakan pencetus dan pengasas kepada ilmu usul fiqh yang di mana terdapat di dalamnya ilmu Nasib Wal Mansuh yang merupakan satu usaha yang berdisiplin untuk mengkaji bahkan mengkritik ayat-ayat al-Quran dalam konteks ayat al-Quran yang lain. Kemudian ilmu *Maqasid Syariah* ini telah dikembangkan diasaskan oleh imam al-Ghazali dan ulama yang sewaktu dengannya kemudian telah dimantapkan oleh Imam al-Syatibi yang terkenal ketika mana tamadun Islam berada di Sepanyol dan Andalusia. Di mana masyhur seorang ulama Afrika utara Andalusia menegaskan asas kepada ilmu *Maqasid Syariah* yang dibawa dan dikemaskinikan oleh imam al-Syatibi adalah untuk membolehkan kita memahami dalam istilah terjemahannya niat Allah SWT Ini pelek sikit, *the intension of Allah in setting up* Syariah. Jadi oleh itu asas kepada pemikiran ulama ketika bercakap tentang maksud Syariah adalah kebebasan yang berdisiplin yang bertujuan untuk menegakkan keadilan. Berlainan yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat yang menganggap bahawa teguran, kritikan, pandangan yang bertujuan untuk menegakkan kebebasan bersuara dianggap sebagai hasutan oleh kerana itu kita menolak sebarang usaha yang diasaskan untuk menganggap seperti tindakan yang dilakukan oleh rakyat sebagai hasutan *seduction* di bawah titah Sultan. Saya ingin menyentuh tentang apa yang telah dilaksanakan oleh Datuk Menteri Besar, saya ucapkan tahniah atas langkah yang produktif yang menunjukkan perubahan yang sangat besar dalam konteks memberi respons kepada aduan-aduan kepada pandangan bahkan surat-surat yang dihantar oleh Adun-adun. Dalam konteks saya di Hulu Kelang sehingga kini respons hampir semua surat dari Hulu Kelang telah dijawab. Pembangunan Kampung Fajar dan penyelesaian masalah setinggian di Hulu Kelang juga telah dijawab dengan satu nada dan pendekatan yang cukup memberi semangat kepada Adun di Hulu Kelang dan kepada rakyat di Hulu Kelang. Tahniah saya ucapkan. Kemudian, permohonan anak-anak muda Hulu Kelang

macam perihal perlunya sebuah mini stadium daripada U2 juga telah pun diberikan satu *target* yang jelas kepada MPAJ untuk mencadangkan garis panduan pelaksanaannya. Demikian juga kegembiraan kepada guru-guru dan anak-anak di Sekolah Agama Integrasi Taman Keramat dengan arahan daripada pihak Jais untuk membina bumbung untuk mereka mengadakan perhimpunan mingguan. Dan saya yakin Hulu Kelang akan terus menghantar permohonan-permohonan yang akan dibalas dengan cara proaktif terutamanya permohonan pembangunan semula rumah pangsa PKNS U2. Dan ada lagi satu permohonan yang belum dijawab iaitu cadangan untuk membuat perancangan di peringkat PBT melalui kerjasama dengan DUN, MARRIS peruntukan untuk rancangan bermula lapan hingga sepuluh juta setahun. Kerana kita tahu *reserve* untuk MARRIS itu banyak untuk perancangan kerana setiap perancangan itu mengambil masa yang agak lama untuk dilaksanakan jadi kalau kita merancang untuk setiap DUN lapan ke sepuluh juta dan diserahkan kepada PBT masing-masing untuk melaksanakan dalam peringkat yang cepat dan segera kita yakin ini akan dilaksanakan dengan lebih baik. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan dan Datuk Menteri Besar terhadap apa yang telah dinyatakan semalam oleh Yang Berhormat Semenyih. Kerana apa yang telah dilaksanakan itu merupakan satu, apa yang sedang berlaku di Semenyih tentang tanah *reserve* Melayu pembangunan oleh pemaju amat dicurigai oleh penduduk. Saya menerima aduan yang berkaitan dengan kampung Sungai Jai dan Kampung Sesapan Batu Minangkabau. Di mana terkini proses pengambilan terus berjalan walaupun bantahan telah dihantar oleh penduduk dan pemilik pada MB dan Pejabat Menteri Besar. Sehingga minggu lepas Pejabat Tanah Hulu Langat telah memanggil semua pemilik memberitahu tentang notis taksiran borang H yang akan keluar dalam tempoh empat minggu sejak minggu lepas. Ini catitan *WhatsApp* daripada mangsa, katanya dia mangsa dan harga pampasan yang amat rendah dan tidak sepadan dengan harga tanah di sekeliling mukim Semenyih sekarang yang telah mencecah lebih dari RM20 sekaki persegi untuk tanah *reserve* Melayu dan RM40 tanah *freehold*, pegangan bebas. Dan harga penilaian kerajaan yang ditawarkan kepada mereka adalah antara RM14 dan RM16 sekaki persegi. Jadi saya harap dapat diberi perhatian, kerana ini adalah isu rakyat. Mereka merasa mereka tidak begitu diadili dan tidak diberikan hak yang sepenuhnya. Dan saya ingin menarik perhatian Datuk Menteri Besar khususnya dan Dewan yang mulia ini tentang satu usaha yang cukup perlu diberikan penghargaan dan sanjungan serta pujian iaitu usaha untuk menyediakan dengan peringkat yang dengan tersusun dan awal tentang struktur pembangunan negeri Selangor. Rancangan Struktur Selangor 2035 di mana antara inti pati yang kami sebagai Adun telah dijemput di kedua-dua dialog dan bengkel. Menunjukkan saya mengucapkan tahniah kepada Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dengan pasukannya yang cukup berintegriti, kompetensi, kredibiliti dan keupayaan dibantu oleh Mantan Pengarah yang lalu yang menunjukkan kita mempunyai satu pasukan yang cukup berkebolehan yang prihatin, bersungguh-sungguh dalam menjaga kebajikan dan pembangunan negeri Selangor hingga tahun 2035. Di mana dijadikan isu yang telah dikemukakan yang perancangan itu telah didasarkan kepada penubuhan penduduk seramai tujuh juta di Selangor. Yang tidak

termasuk pendatang-pendatang dari negara asing yang mungkin mencecah satu hingga dua juta. Apa yang ingin saya tegaskan di sini sebagai sebuah negeri berkeadilan yang prihatin tentang rakyat saya menegaskan bahawa dalam perancangan kita tentang pertubuhan penduduk termasuk pendatang asing, kita hendaklah menghidupkan suasana kemuliaan insan. 'Kemuliaan Insan' iaitu tidak memandang pendatang dari negara asing yang sah ataupun yang tidak sah yang dianiaya sebagaimana di dalam lokap-lokap tertentu. Didedahkan dalam berupa majlis sebelum ini yang perlu kita tangani cara seperti manusia. Di mana apa yang saya maksudkan Ahli Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah pendekatan kita tentang warga asing yang ada di Malaysia untuk bekerja dan sebagainya hendaklah kita tingkatkan. Hendaklah Selangor menjadi satu model di mana layanan kita, pandangan kita, persepsi kita tentang mereka yang datang dari negara Bangladesh. Kadang-kadang kita sebut "Bangla" dengan satu nada yang agak sinis. Daripada Indonesia yang kita kata "Indon" dengan satu nada yang agak merendahkan. Jadi, saya berharap Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi merangka satu pemikiran dan perancangan walaupun mereka itu sebahagiannya terperangkap dalam masalah pemerdagangan manusia *Tracking in person* dan telah diusahakan pada sesi yang lepas oleh EXCO berkenaan Batu Tiga dan kita harap dapat kita pertingkatkan. Kedua yang saya ingin tekankan didalam perancangan rancangan struktur Selangor 2035 adalah tentang pembasmian kemiskinan. Di dalam semua program dasar aktiviti dengan Peringkat PBT, Pejabat Daerah, Jabatan dan sebagainya termasuklah merangsang gerak kerja NGO hendaklah kita memastikan ada rangka kerja yang jelas teratur bersepadu tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Selangor dalam membasmi kemiskinan. Dia mesti dengan izin Tuan Speaker '*in blended into the program that as a natural consequence*' sebagai natijah dan yang tabi' pada satu proses dan program yang kita laksanakan. Ini maknanya di peringkat Exco, Adun, Pegawai-pegawai kerajaan *they have that Sir Steven Correy kata "end in mind"*. Dia ada matlamatnya dalam satu perkara yang dilakukan mesti perkara ini tertanam dalam proses tersebut. Kemudian kita juga telah menyentuh tentang penstrukturan semula GLC dengan izin anak-anak syarikat Kerajaan Selangor di mana kita telah adakan usul daripada JP-ABAS telah ada ucapan dalam sidang Dewan yang lepas tentang bajet adanya usaha untuk menstrukturkan semula GLC. Dan kalau adanya GLC, *justification* antara lainnya adalah untuk menaikkan ekonomi negeri tanpa teres, tanpa penyelewengan tanpa satu yang meragukan bahkan antara tujuan utama adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negeri Selangor dan membasmi kemiskinan. Sebagai seorang Ahli Dewan Negeri selepas diamanahkan untuk memimpin *Select Committee* dengan izin Jawatankuasa Pilihan ABBAS, saya seolah-olah merasakan kalaulah satu, dua ataupun tiga buah GLC yang ada hari ini telah ditalakan, telah dihalakan, telah diolah pelaksanaan kerjanya untuk membasmi kemiskinan. Masalah kemiskinan di Selangor sudah berakhir tiga, empat tahun yang lalu. Itu pandangan saya. Oleh sebab itu saya ingin antara lain penjelasan-penjelasan yang teratur telah diberi tentang geran Selangorku, hutang Talang dan sebagainya telah dijawab dengan baik dan bahkan soalan saya pun ditolak tentang RM300 juta geran Selangorku di mana keputusan menolak soalan

saya itu adalah di atas andaian tapi sebenarnya soalan saya itu datangnya apabila *Select Committee ABAS*, JP-ABAS telah mengadakan satu pendengaran tertutup dan dimaklumkan oleh MBI bahawa ketika mana geran Selangorku diumumkan diisytiharkan pada masa itu kita bukan ada RM300 juta tapi hanya ada RM50juta. Itu pun telah dijelaskan oleh Datuk Menteri Besar semalam hasil daripada sebahagian daripada jualan aset tanah yang telah diagih-agihkan pada empat GLC. Jadi kita dah mula nampak di mana pembangunan negeri Selangor hala tujunya pada tahun 2035. Dimanakah kedudukan pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi, peranan GLC, geran-geran yang telah diisytiharkan tetapi tidak dapat dilaksanakan akan dapat dilaksanakan pada masa yang berikutnya. Dan seterusnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang apa kesudahan, apa *Maqasid* apa objektif, apa tujuan. Kita mempunyai satu kerangka perancangan struktur yang berjangka panjang 20 tahun sampai 2035. Bagi saya tujuannya tidak lain dan tidak bukan untuk mewujudkan kesejahteraan dan kualiti untuk rakyat. Isu sampah katanya beres, dan kita masih dihantui oleh gambar-gambar yang dihantar oleh rakyat a melalui *whatsapp* dan longgokkan sampah, *real* seminggu tidak dikutip di tempat saya di Kuala Ampang. Jadi kita tidak mahu melihat itu lagi dan banyak kacau ganggu-kacau ganggu yang lain dan kita mahu satu pendidikan yang dilaksanakan di negeri Selangor dalam konteks pembersihan kawasan bersih dari sampah dengan terus mula mendidik rakyat kita di negeri Selangor tentang pengasingan sampah tentang memberi mengamalkan kitar semula sama ada botol, plastik dan sebagainya..

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:**Tuan Speaker, saya mahu mencelah untuk minta sedikit penjelasan memandangkan Yang Berhormat Hulu Kelang bangkitkan tentang isu, tentang pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal ada tak Hulu Kelang bercadang atau pun bersetuju kalau kita adakan satu enakmen pengurusan sisa pepejal supaya kerajaan negeri boleh menyelesaikan isu ini secara lebih holistik di kerajaan Selangor sebab kita tidak tertakluk kepada Akta Sisa Pepejal di peringkat Kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya sebih setuju kalau kita memantapkan dulu apa yang boleh dilaksanakan di peringkat PBT-PBT tanpa perlunya diwujudkan enakmen tetapi sekiranya tindakan mewujudkan seperti apa yang berlaku dahulu sebab sebuah syarikat induk yang mengendalikan pembersihan angkatan mengangkat sampah dan sebagainya itu perlukan satu peruntukkan khas di segi undang-undang, saya alu-alukan cadangan tersebut. Dan, saya ingin menegaskan bahawa sudah sampai masanya di mana kampung-kampung yang berhampiran dengan bandar seperti di Hulu Kelang, Kampung Kelang Gate, kampung tanah lahir Datuk Menteri Besar sendiri, Kemensah, Kampung Pasir, Kampung Sungai Sering diberikan tong-tong sampah yang tujuannya untuk menyelaraskan dan dilihat bersih, dan imej kampung itu bersih kerana tidak ada lagilah peti-peti, kotak-kotak, tayar disusun, menggantung sampah di tepi jalan bertransit untuk kutipan sampah. Dan saya, saya ingin mencadangkan agar di peringkat PBT atau pun di peringkat



kerajaan Negeri mengadakan pertandingan-pertandingan yang telah dilakukan dahulu, kampung bersih, kampung ceria, dan dianugerahkan setiap enam bulan tong sampah, tong-tong sampah kitar semula dan kita hidupkan suasana tersebut, dan oleh kerana itu saya juga..

**TUAN SPEAKER:**Enam minit lagi Hulu Kelang. Enam.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:**Enam belas.

**TUAN SPEAKER:**Enam minit.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. Dan untuk itu juga saya ingin meminta pihak kerajaan agar meningkatkan gerak kerja komuniti antaranya kalau ada di Hulu Kelang, komuniti *policing* bekerjasama dengan PDRM dengan penduduk serta penduduk surau, masjid, kuil, tokong, gereja untuk memastikan satu suasana untuk mengurangkan masalah pecah rumah, pecah kereta, samun, rompak, ragut dan sebagainya. Kalau di tempat saya, saya perhatikan tempat-tempat yang dibenarkan oleh MPAJ mengadakan seperti *boom gate* ya, *guarded not fully guarded community* tetapi memenuhi ciri-ciri syarat-syarat tersebut kurang masalah pencerobohan ke kawasan dan sebagainya. Jadi boleh mungkin dirangkakan, saya tahu yang apa obligasi *gated* and dengan izin, *gated and guarded* saya faham tetapi kalau saya lihat kesannya baik di Hulu Kelang kadar pecah rumah, ragut, samun, rompak agak berkurangan. Satu lagi atau pun beberapa perkara yang ingin saya setuju Tuan Speaker adalah tentang kualiti kehidupan rakyat yang menyentuh tentang masa mereka terbuang disebabkan kesesakan lalu lintas dan hampir-hampir setiap minggu, setiap pagi saya menerima gambar-gambar *whatsapp* dari penduduk Ukay Perdana, Bukit Antarabangsa, sering terperangkan dalam jam semata-mata kerana hendak hantar anak sekolah ke kawasan Keramat dan sebagainya. Dan sebab paling utama tidak ada sekolah. Jadi saya tahu bahawa sebagai ahli Parlimen, Bukit Antarabangsa, Gombak telah memberi penjelasan ini kepada menteri dan pada dasarnya menteri kata setuju dan kerajaan negeri telah memperuntukkan tanah tetapi dalam pertemuan yang terakhir wakil daripada kementerian Pelajaran, menyatakan belum ada keputusan muktamad tentang sekolah. Dan saya difahamkan bahawa dari Jabatan Perancang Bandar boleh diterima dengan satu syarat atau pun kerjasamalah agar kawasan cerun itu di segi penyeliaan cerun memperbaiki cerun dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor. Saya telah memikir bersama-sama dengan pengarah dan pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa minggu lepas telah berbincang dengan mencadangkan kami bersetuju untuk mencadangkan oleh kerajaan negeri Selangor penubuhan tabung amanah pendidikan penubuhan sekolah Ukay Perdana, Sungai Sering. Tujuannya di bawah Menteri Besar agar ada satu dana yang boleh disumbang oleh pemaju-pemaju individu mungkin atau pun suntikan kerajaan Negeri satu dua juta dulu untuk memberi rangsangan keyakinan kepada kerajaan negeri, kerajaan pusat perihal pentingnya diadakan sekolah. Dan terkini baru semalam saya difahamkan

oleh pegawai daripada badan Perancangan Bandar dan Desa yang ini hampir berlaku sekiranya seolah-olahlah kalau kerajaan negeri Selangor boleh *create* buat *slope treatment* kosnya kita tak tahu, mungkin lebih beberapa juta. Jadi dengan ini saya meminta kerja sama dan kekuatan yang dimiliki oleh Menteri Besar dan pasukannya untuk terus berunding dan berunding hingga membolehkan pembinaan sekolah di Bukit Antarabangsa, Ukay Perdana, Sungai Sering dilaksanakan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah jam sampai sekolah lewat, sampai ke pejabat lewat, pening kepala, *stress* di kalangan sebahagian besar penduduk-penduduk di Bukit Antarabangsa, Ukay Perdana dan Hulu Kelang. Akhir sekali angguk Tuan Timbalan Speaker suka, minggu depan masyarakat Punjabi Sikh akan meraikan tahun baru mereka Vasakhi dan kita menghargai sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi kemasyarakatan di Malaysia tetapi apa ni seperti yang saya telah serukan kepada sesi-sesi sidang yang lepas iaitu saya mencadangkan diiktiraf satu hari Vasakhi sebagai satu hari cuti umum kalau tak boleh untuk Selangor sekurangnya-kurangnya untuk komuniti Sikh Punjabi. Jadi saya minta pertimbangan itu kerana di antara masyarakat komuniti yang paling..

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh, boleh saya celah.

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh. Saya hendak Hulu Kelang habiskan, teruskan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jadi saya dah hendak habis dah Cuma hendak saya satu dua sentuhan akhir saya adalah tentang Vasakhi dan saya rasakan yang mana telah dilakukan oleh kerajaan pada satu, pada penggal yang pertama mengadakan satu pertemuan perayaan Vasakhi yang agak besar saya juga berharap mereka tidak dilupakan, saya harap Menteri Besar turun bersama-sama dengan Adun Hulu Kelang pada 12 hari bulan ke Guara Sahib Ampang untuk meraikan hari sambutan Vasakhi mereka. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:** Ya. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Morib

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDIN:** *Bismillahirrahmanir rahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Puan Speaker kerana mengizinkan Morib mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang ke 13 tahun 2015. Tuan Speaker, Morib berpandangan ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mencakupi segenap aspek, aspek ekonomi, agama perpaduan kaum, kedaulatan tanah, kesejahteraan dan kebajikan rakyat, pendidikan, belia penstrukturan air dan kejayaan-kejayaan kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan

Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Selangor. Puan Speaker, slogan pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli akan diterjemahkan dengan sebaik yang mungkin perancangan yang telah dibuat melalui bajet tahun 2015 ini akan dilaksanakan oleh seluruh agensi-agensi kerajaan dengan kerja sama penjawat-penjawat awam di semua peringkat dan aspirasi Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri Selangor tidak kira usia, kaum, segenap lapisan masyarakat dan melangkaui sempadan pegangan politik. Puan Speaker, apabila kerajaan pusat melaksanakan GST pada 1 April, iaitu semalam rakyat Selangor juga turut terkesan akan akibatnya. Kita dapat lihat penentangannya yang begitu ketara oleh majoriti rakyat. Dihari pertama pun rakyat miskin terus terkesan akibat GST ini. Ya. Belanja di pasar raya kena GST, makan di restoran kena GST, beli *top up* telefon pun kena GST, ya. Semalam saya *top up* RM50.00 tapi kena telefon, tetapi kena bayar RM50.00. *Renew* insurans pun kena GST, dan bermacam-macam-macam barang dan perkhidmatan dicukai yang sebelum ini tidak dicukai.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:**Ya. Benarkan atau tidak Morib.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARAUDDIN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak ada bagi masa tambahan ya.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHRUDDIN:** GST mempunyai tujuan untuk meningkatkan hasil negara dan dijangkakan enam bilion lebih akan dikutip oleh kerajaan pusat pada setiap tahun yang mana cukai SST yang dikutip oleh kerajaan ialah sebanyak 20 bilion setahun dan meningkat 26 bilion setelah GST dilaksanakan. Sebab itulah ia dikatakan pungutan cukai yang efektif dan telus, ya, yang mana telus dan tembus ya semua, semua dompet-dompet kita ya. Walaupun SST dihapuskan namun penurunan harga adalah bergantung kepada banyak faktor-faktor lain seperti kos operasi dan kehendak pasaran. Menteri Kewangan Kedua telah menyarankan pengguna menggunakan kuasa membeli untuk memastikan tiada kenaikan harga barang yang tidak munasabah namun saya ingin bertanya kepada Menteri kenapa kerajaan tidak menggunakan kuasa untuk membatalkan GST dan mencari jalan-jalan lain untuk meningkatkan hasil negara tanpa membebankan rakyat. Ya. Ini telah disebut oleh Datuk Menteri Besar tadi iaitu ketirisan 28 bilion setiap tahun yang telah dibuat kajian oleh Jabatan Audit Negara. Contohnya lagi, belanja secara berhemah tidak membeli jet yang baru dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Ya. Tidak membeli pulih tandas, ya, rumah Perdana Menteri sehingga 1 juta ringgit tuan-tuan. Ya. Jadi betullah saranan ahli Parlimen Tanjung Karang, ya! yang baru saya temui dua hari lepas, ya, beliau kata Pakatan Rakyat sepatutnya menyokong GST sebab supaya rakyat marah dan selepas pilihan raya ke-14 Pakatan Rakyat akan memerintah kerajaan pusat. Tuan Speaker ucapan Duli Yang Maha Mulia

TuanKu juga telah menyebut “ beta berkenan kerajaan negeri Selangor menggubal dasar-dasar negeri mengikut keutamaan yang betul ” ini selaras dengan tuntutan *Maqasid Syariah* yang merupakan satu gagasan yang penting dalam Islam. Morib berpandangan satu ketika dahulu istilah ini amat asing dan tidak difahami oleh masyarakat namun sekiranya diberikan penerangan yang betul ia akan dapat diterima dan dapat dilaksanakan. Ya. Apatah lagi enam keperluan asas iaitu menjaga agama, menjaga akal, menjaga diri, menjaga keturunan, menjaga harta dan kehormatan adalah bersifat universal dan boleh diterima oleh seluruh masyarakat. Puan Speaker. Morib ingin menyatakan dua isu di sini yang berkaitan di kawasan. Yang pertama adalah isu rumah terbengkalai Kampung Tongkah, Morib. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO Kota Alam Shah dan Pegawai Daerah Kuala Langat kerana masalah projek rumah terbengkalai semenjak tahun 2006 telah nampak jalan penyelesaiannya. Kelulusan pemberi milikan tanah kepada 71 pembeli rumah telah diluluskan pada tahun 2014. Baki 38 unit juga sedang dalam pertimbangan pihak berkuasa negeri. Ya, masalah ini amat panjang sejarahnya dan juga terima kasih saya kepada Yang Berhormat Seri Andalas yang turut menyelesaikan masalah status tanah di peringkat awal ya, sewaktu menjawat jawatan EXCO dipenggal yang lepas. Dan diharapkan isu-isu tanah dapat diselesaikan dalam masa jangka masa terdekat dan pemaju dapat melaksanakan projek secepat yang mungkin. *Insyaa-Allah*. Isu yang kedua adalah berkaitan dengan isu pangkalan teksi Banting. Ya, terima kasih saya kepada juga Yang Dipertua Daerah Kuala Langat kerana telah meluluskan hentian teksi sementara kepada pemilih-pemilik kereta sewa di sebelah hentian bas di Banting. Ya, kedudukan hentian teksi kekal yang asal adalah tidak strategik menyebabkan pendapatan mereka terjejas teruk dan banyak masa masalah-masalah lain telah berlaku seperti hentian teksi tidak sah dan lain-alin lagi. Sebagai langkah jangka panjang Morib mengesyorkan pengambilan semula tanah di sebelah hentian bas tersebut yang mana tapak ini adalah tapak asal hentian teksi yang telah diserahkan kepada pihak swasta sewaktu zaman pemerintahan Barisan Nasional dan tapak seluas lebih kurang 200 x 300 kaki persegi ini masih belum dibangunkan hingga sekarang dan antara tempat komersial paling strategik di Banting. Mohon Dato' Menteri Besar mengambil akan cadangan saya ini. Tuan Speaker Pusat Wanita Berdaya yang diwujudkan oleh EXCO wanita adalah suatu perkara, suatu inisiatif yang paling baik dan baru-baru ini kita telah menerima pelantikan walaupun terdapat banyak isu, isu lantikan yang bertanggung-tanggung walau bagaimanapun di peringkat DUN Morib Pusat Wanita Berdaya ini telah bergerak sejak di tubuh 2010 hinggalah ke 2013 ini yang mana Pusat Wanita Berdaya ini gerak dengan mengadakan kelas jahitan, kelas memasak, kelas kraf tangan, membuat seramik, kursus membuat mee dan lain-lain lagi. Walaupun program-program ini adalah terlalu konvensional tetapi ini adalah perkara program yang dapat mendekatkan ADUN dan juga mendekatkan seluruh masyarakat khususnya kaum wanita terhadap Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini. Dan diharapkan segala perkara-perkara yang berbangkit selepas ini dapat kita selesaikan dengan sebaik yang mungkin. Seterusnya adalah berkenaan

dengan Program Hijrah dalam Titah Ucapan Tuanku juga telah menyebut bahawa 1,169 telah menerima pinjaman program bantuan untuk kali yang pertama ini yang mana ini adalah suatu penambahbaikan daripada skim mikro kredit, skim w... dan juga skim mimbar. Dan diharapkan program ini dapat membantu seluruh peniaga-peniaga kecil dan beberapa pandangan saya beberapa isu yang saya kira akan timbul adalah berkenaan dengan pengutipan semula pinjaman-pinjaman tersebut kerana sebelum ini peminjam-peminjam adalah khusus untuk wanita tetapi kali ini terbuka untuk lelaki juga. Kita sedia maklum ada masalah kalau, kalau perkara ini tanpa penelitian yang sebaik mungkin yang mana kalau sebelum ini diadakan perjumpaan setiap minggu tetapi untuk program hijrah ini tidak ada perjumpaan sedemikian. Saya kira beberapa langkah yang sepatutnya diambil, supaya pengutipan semula bantuan dapat diperlicinkan yang mana program skim mikro kreditulangan atau pun pinjaman kita terima balik sehingga 90% lebih. Jadi dan juga untuk program hijrah ini saya teliti ia tidak ada pengesahan ADUN atau pun Ketua Kampung atau pun Ketua Majlis, khususnya ADUN. Dan dengan pengesahan ADUN ini kita dapat menilai calon-calon yang sesuai yang saya kira boleh menggunakan memanfaatkan 100% sebab ada kalanya kita di peringkat pejabat DUN kita mengenali individu-individu yang tertentu yang sering meminta bantuan dan tidak berusaha. Jadi saya kira ini adalah perkara yang harus diambil perhatian. Juga ditimbulkan isu bahawa program hijrah ini ada beberapa masalah dari segi *Islamic compliance* tetapi saya kira adalah dalam perhatian pengurusan program hijrah. Jadi saya bagi laluan kepada

**TUAN SPEAKER:** Hei ..tak boleh, sudah habis?

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:**Sudah habis.

**TUAN SPEAKER:** Okey.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:**Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Permatang dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Terima kasih.

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN:**Morib sokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sekian.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Dah boleh mula Speaker. Okey, terima kasih *Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera Sekinchan yang keluarlah tunggu. Tak seronok Sekinchan tak ada, terima kasih Yang Berhormat Speaker atas peluang yang diberi kepada Permatang untuk membahaskan Usul Menyembah Ucapan terima kasih serta Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang di bawah oleh

Sekinchan. Dan pada pagi ini Permatang mengambil giliran ini dan untuk peluang ini saya akan menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan yang pertama sudah tentulah. Ini hari ini hari kedua GST, hari ini pun hari pegawai-pegawai semua orang cakap Menteri Besar pun dah jawab dengan nada yang berbeza. Di sebelah sini saya tertarik dengan Hulu Klang sebut mengenai pemilihan warga asing. Saya nak cerita kerana ada berkaitan sedikit dengan warga asing yang datang ke mari ada 4 orang saya dapat jumpa dapat sembang-sembang. Dia tanya saya hari Selasa itu ada apa yang kecoh-kecoh di dalam Dewan di SUK saya kata itu sidang Dewan. Dia tanya saya yang hebat Indonesia dia kata ada apa-apa yang bisings-bising itu dengan izin Tuan Speaker yang gawat-gawat gitu-gitu, saya kata bincang pasal GST, siapa itu? DUN Sekinchan, dia tak suka GST, OO.. dia kata di Indonesia kami yang serba kurang sudah buat GST tahun 1984, 1984 sebelah dia ada orang Bangladesh senyum, senyum abang walaupun negeri gaduh 2 perempuan mahu jadi Perdana Menteri kita pun sudah buat GST tahun 1999 sudah buat. Ada lagi seorang Vietnam dia sengih, sengih... dia nak beritahu saya Vietnam pun sudah buat tahun 1999, Nepal yang seorang pun sengih, sengih dia tak tahu nak cakap apa, cakap Bahasa Inggeris pun tak boleh pun dah buat tahun 1999. Ahli-ahli Yang Berhormat saya sentuh sedikit pasal GST saya tak nak panjangkan isu ini. Maknanya dunia dah terima, negara miskin, negara kaya, Amerika, British dah buat tahun 1973 saya ada senarai bawa sedikit dalam Dewan ini kalau saya boleh saya lintas lalu sahaja. Saya nak ambil contohlah negara-negara Asia Tenggara yang kawan-kawan yang saya sebut Indonesia 1984, Bangladesh 1991, Vietnam, Thailand, Cambodia yang akhir sekali Laos tahun 1999..Malaysia 2015 baru nak buat. Cerita pasal GST daripada tahun 80an Anwar Ibrahim jadi Menteri Kewangan pun tak buat juga, bagi peluang. Tak buat walaupun dia kata GST bagus. Negeri-negeri kecil yang jauh daripada kita Venetua, Fiji, Tonga, Hulu Klang Tonga pun dah buat, dah lama dah ..... Gabon, Mongolia saya tak nampak di sini, Bolivia maknanya dunia dah terima sistem percukaian ini, tak sepatutnya, sepatutnya saya rasalah sepatutnya Wakil Rakyat, Wakil Rakyat, macam kita di Parlimen, yang menjadi Pembangkang pemalu sepatunya malu kerana Malaysia 2015 baru nak buat GST sedangkan orang dah buat berpuluh tahun dahulu. Saya nak tengok tak ada contoh negeri-negeri tak ada yang bankrap tak adapun negeri ini yang tak boleh membangun, bangun dengan baik, negara maju terima sistem percukaian ini. Tak ada masalah pun yang jadi havocnya ialah Rafizi Ramli dan kawan-kawan, serata dunia

**TUAN SPEAKER:** Dah 4 minit bagi contoh negara sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:**Ha.. boleh mencelah sedikit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Belum habis lagi. Sibuk tapi bagus satu. Sebab Rafizi Ramly baru naik taraf jadi pembohong no. 1 negara, bohong sana bohong sini. Jadi sebab teori saya pun tak boleh terima, teori dia kata turun minyak barang turun dah enam (6) bulan minyak turun, tak pernah cakap pun barang nak

turun. Mana teorinya jadi Yang Berhormat GST ini sebab saya kata Rafizi Ramly tak layak jadi Pembangkang di Parlimen, yang layak saya tengok sahabat saya daripada Gombak, ada kelayakan cakap ada fakta, hebat, cakap berdasarkan *research*.

**TUAN SPEAKER:** Balik kepada isu Negeri Selangor tolong. Negeri Selangor Menteri Besar Selangor hebat cakap pun ada fakta ada hujah pusing-pusing sedikit pun ada, itu biasalah saya pun juga. Jadi Yang Berhormat GST ini tak adalah masalah sangat pun pagi ini saya telefon kat kampung, saya telefon ada ke roti naik? Tak ada, ada ke harga teh naik? Tak adapun makan nasi lemak ok tak ada apa-apa pun. Seolah-olah Sekinchan hari Selasa gambarkan 1 hari bulan akan berlaku satu yang hebat dunia belum kiamat Sekinchan, ada lagi dunia ini, tak masalah serentak apa Sekinchan sebut Honda umum turunkan harga, Proton umum turunkan harga, Toyota umum turunkan harga banyak Syarikat-syarikat turunkan harga tak ada masalah pun, Mydin umum boleh menyerap GST dan ini pun tak ada isu negara elok jalan macam biasa. Ini tak ada isu pun sebenarnya GST ini tapi walau bagaimanapun kita ucap terima kasih lah kerana setahun ini usaha buat oleh Pembangkang di Parlimen dan di Negeri Selangor ini akhirnya GST menjadi popular. GST ini terkenal anak Sekolah anak kecil-kecil, pun anak saya apa GST dia pun tahu cakap. Sebab apa bila ada kesedaran ini akhirnya rakyat di bawah peringkat bawah pun ada kesedaran tahu sama ada mereka di manipulasi atau tidak oleh GST maka akan semak harga ini...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh, boleh saya minta.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Speaker, boleh saya tambah lagi.

**TUAN SPEAKER:** Tak ada masa tambahan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Saya tak boleh bagi lah. Jadi... saya...

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Peraturan Tetap Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Peraturan Tetap, mana satu?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Peraturan Tetap 36, Tuan Speaker 36, 5 & 6 sebab tadi Yang Berhormat Permatang nak namakan Y.B. Rafizi dengan mengeluarkan sangkaan jahat dalam Ucapan Perbahasan. Saya minta supaya Yang Berhormat Permatang tarik balik atas tuduhan berkenaan, terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Dia bukan Ahli Dewan di sini. Yang Berhormat boleh kalau saya kata Teratai tak betul, pembohong saya boleh tarik balik. Tak sebut teruskan industri air. Saya berminat sedikit bercakap mengenai

kerana isu air ini Yang Berhormat sedia maklum. Kita di Negeri Selangor ada 3 perkara besar mengenai air.

- 1) ialah mengenai air mentah, air sungai, air lombong dan sebagainya.
- 2) Air yang terawat mengenai air loji dan sebagainya da
- 3) Air yang hilang, iaini NRW *nonrevenue water* dengan izin.

Saya nak sebut mengenai pertama saya nak sebut mengenai isusedikit penjelasan YAB Menteri Besar mengenai pembatalan atau pun penangguhan dan apa juga *terms* yang digunakan untuk tujuan rundingan Kerajaan Persekutuan. Saya rasa amat tidak tepat menggunakan perkataan kedaulatan, kerana dalam isu kedaulatan ini kalau diambil istilah amat luas, adalah menjajah, Sekinchan pun kata nak sapu tanah, ini kata nak sapu tanah Federal nak ambil tanah loji 26,000 kilometer. Ini perlu dijelaskan pada rakyat kerana ini bukan isu yang besar pun, kerana isu ini bukan isu kedaulatan yang sebenarnya yang mana kita nak faham. Tak nak rakyat kelirukan dengan istilah kedaulatan ini seolah-olah ada satu bentuk penjajahan oleh Kerajaan Persekutuan dalam industri ini kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kalau itu berlaku saya pun tak bersetuju kerana apa Yang Berhormat sekalian kerana dalam isu ini ialah melibatkan aset-aset air sahaja, perjanjian penuh saya tak nak sebut lagi itu dah selesai. Alhamdulillah dengan semangat yang ada, dengan persetujuan bersama akhirnya situasi menang-menang dapat kepada Negeri Selangor. Dapat kepada isu Selangor yang menang-menang. Negeri Selangor dapat pengurusan air sebagaimana yang dikehendaki oleh mantan Menteri Besar dan sampai sekarang kita dapat pengurusan air. Rakyat Selangor Barisan Nasional bukan Kerajaan Persekutuan juga menang dalam situasi dapat memberikan bekalan air yang mencukupi kepada Negeri Selangor dengan terbinanya Langat 2. Ini situasi menang-menang yang boleh diterima. Cuma saya nak sentuh mengenai isu kedaulatan bahawa sebenarnya industri ini atau pun perjanjian, penstrukturan ini sama dengan negeri yang lain di Johor, di Melaka, di Negeri Sembilan, di Perlis, di Pulau Pinang. Sama, isu yang sama. 26,000 kilometer, Sekinchan, bukan Kerajaan Persekutuan nak ambil. PAAB nak ambil tanah, tidak. Dia adalah berupa *right of way*, dengan izin. Saya tengok Kanun Tanah Negara, KTN, Kanun Tanah Negara, ada menyebut tentang *right of way* ini. KTN beri, ada kebenaran, satu hak dalam Kanun Tanah Negara tersebut. Mengenai kebenaran ini. Jadi apa yang dikehendaki ialah hanya berupa kebenaran daripada pihak Kerajaan Negeri supaya apabila aset ini dipindahkan kepada PAAB, PAAB ada hajat ataupun tujuan untuk menaik taraf, menyelenggara, membaik pulih dan sebagainya Dan ia berupa pajakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencelah...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** 45 tahun. Saya habiskan dulu. 45 tahun dan akhirnya selepas 45 tahun, selepas tamat penyewaan, aset ini akan diberi



balik semula kepada Kerajaan Negeri. Tak ada isu pun. Isu kedaulatan. Bukan nak sapu tanah, ambil tanah digunakan tanah. Begitu juga dengan isu mengenai tanah-tanah di kawasan loji ini. Ini sebagai satu, sebagai *condition precedence*, dengan izin. Yang sudah termaktub dalam perjanjian, kena diserahkan dulu kepada PAB, baru PAB bagi perbelanjaan 2 bilion untuk digunakan *cash* ini, oleh Kerajaan Negeri, mengambil balik keempat-empat industri air ini. Cuma satu saja, Yang Berhormat Menteri Besar, dalam isu ini saya nak minta, kalau boleh nanti kita dijelaskan dalam penggulungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jelaskan apa kedudukan mengenai SPLASH ini. Satu-satunya, dulu, saya sendiri selalu, berbagai-bagai tohmahan diberi kepada saya bila saya bentang isu air. Kononnya Puncak Niaga, SYABAS, kroni Barisan Nasional, kroni Kerajaan Persekutuan. Dulu itu tuduhannya. Tak bersetuju dengan penstrukturan semula. Hari ini, Alhamdulillah, syarikat pertama yang bersetuju, untuk selesaikan ini, PNSB dan juga SYABAS. ABASS, Dah selesai. Dah ada persetujuan. Dah ada jumlah yang persetujuan. Yang peliknya, SPLASH. Sebab itu kita, Barisan Nasional akan memantau. Nak tengok sejauh mana, isu ini akan diselesaikan. Sama ada, pertama, sama ada wang rakyat digunakan, apakah caranya betul. Jumlah yang akan dibelanjakan. Menteri Besar lama kata, RM250 juta. Pakatan Rakyat kata lebih RM2,500 juta. Saya tengok pengurusan SPLASH, bagi maklum, RM2.8 bilion. Isunya sekarang, berapa jumlah sebenar yang akan dibayar. Apakah *value for money* akan digunakan. Apakah perbelanjaan ini suka-suka. Rakyat akan melihat, Ahli-ahli Dewan akan memantau. Kita nak tengok dengan teliti apa perbelanjaan yang di biaya ataupun pembiayaan pecahan-pecahan ataupun butiran yang akan dibayar kepada pihak SPLASH. Kita nak tengok isu ini diselesaikan. Atau apakah SPLASH akan terus dibenarkan sebagai operator air. Kalau ini tak bermakna, sebab saya tengok SPLASH telah diberikan *licence*. Kalau SPLASH dibenarkan bersendirian sebagai operator air ataupun pengendali air, bermakna *spirit* ataupun semangat pengambil alih pengurusan air ini, tidaklah sebenarnya, bukan tujuan itu. Kerana kalau ada tiga diambil alih, satu tidak. Bermakna isu ini berat sebelah, ada udang di sebalik batu. Sebab kita tahu siapa ada di belakang SPLASH ini. Jadi kita nak penjelasan ini, supaya boleh, rakyat tidak keliru, kita dapat jelas dan kita akan lihat, apa dia dan biar jadi perbincangan umum, biar rakyat tahu, berapa dibelanjakan untuk SPLASH, untuk *join* pengambilan ini.

Begitu juga, saya nak bercakap mengenai sedikit, mengenai sungai. Saya bersetuju dengan Kota Damansara, Damansara Utama, mengenai sungai. Hari ini sungai kita cukup tercemar. Bagaimana hari ini, usaha-usaha yang nak kita nak buat. Sebab sumber air mentah kita, 62% datang daripada dua sungai utama. Sungai Langat, *sorry*, Sungai Selangor, Sungai Tenggi, yang di dalam, melalui kawasan saya sendiri. Bagaimana kita nak pelihara sungai ini sebagai sumber utama. Kita dah usahakan HORAS. Kita tak pasti lagi, bila HORAS ini akan betul-betul mencapai kejayaan. Apa lagi usaha-usaha kita nak pastikan sumber air mentah ini mencukupi. Isu kita yang pertama, sumber air mentah kita. Dalam laporan kita, siasatan Jawatankuasa kita menunjukkan bahawa hari ini kita tidak ada *reserve* pun. Kita tidak ada *buffer* pun

untuk air sungai ini. Air terawat pun, tidak ada *reserve*. Bayangkan, kalau air mentah kita pun tak mencukupi, bagaimana kita nak merawat air. Dah lah nak rawat air, yang hilang pun dalam bentuk NRW juga, masih 35%. Cukup tinggi. Bagaimana kita nak menangani isu-isu ini. Sebab isu ini sangat kritikal pada Kerajaan Negeri Selangor. Beri kesan kepada pelaburan, beri kesan kepada pembangunan, beri kesan kepada pembinaan, beri kesan kepada industri perniagaan. Beri kesan kepada guna tenaga, beri kesan kepada peluang-peluang pekerjaan. Kalau tidak ini ditangani dengan betul, saya percaya, saya yakin, air menjadi satu masalah yang besar. Bukan sahaja catuan air jadi isu. Ekonomi kita. Sebab itu hari ini, pelaburan kita sudah jatuh merudum. Tempat yang kelima. Saya sempat menghadiri bengkel bersama Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa. Bertemu dengan pemain-pemain industri Negeri Selangor. Saya pun dengar apa yang mereka cakap secara *live*. Selangor juga diwakili oleh SSIC. Boleh rujuk kepada SSIC. Bagaimana industri-industri utama, pemain-pemain industri negeri Selangor, merasakan bahawa mereka cukup kritikal. Ada yang sanggup nak pindahkan ke negeri lain. Nak pindah ke luar negara. Sekiranya isu air ini tidak dapat diselesaikan dengan segera oleh Kerajaan Negeri Selangor kita. Bagaimana sumber industri ini nak bergerak kalau air tak ada. Hari ini, kalau nak tengok pemaju-pemaju perumahan, sudah mula berubah ke selatan, ke Melaka, ke Johor. Kerana bagaimana nak buat pembangunan, kalau tak dapat sokongan air. Ini satu perkara yang sangat penting, Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian. Jadi sebab itulah, kita nak pastikan, bagi sikit lagi...

**TUAN SPEAKER:** Satu minit, satu minit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Semalam 20, bagilah sikit lagi...

**TUAN SPEAKER:** Itu sebab kita galakkan ADUN-ADUN bahas hari pertama, hari kedua, yang tu kita bagi lebih masa.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak lantik lagi. Jadi saya nak, saya nak, saya akhir kan... Saya nak sebut akhirnya lah, mengenai *Maqasid Syariah*. Ini satu perkara yang disebut oleh, dalam ucapan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, mengenai *Maqasid Syariah*. Saya ambil yang pertama sahaja. Menjaga agama. Saya nak bagi tahu satu perkara. Ini yang saya rasa cukup sedih, saya patut sampaikan dalam Dewan ini, kami nak jelaskan di sini, bahawa kami ADUN-ADUN Barisan Nasional berdiri teguh di belakang ataupun dengan pendirian ataupun tindakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor, dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama. Kita sedia maklum, agama Islam agama Persekutuan, agama lain boleh dilaksanakan, boleh dijalankan dalam keadaan yang harmoni. Kita menyentuh ini kerana baru-baru ini ada ucapan yang sangat menyentuh hati perasaan umat Islam. Bukan sahaja Negeri Selangor, malah seluruh Malaysia ini. Apabila Ketua Wanita DAP, Chong Eng, EXCO Kerajaan Pulau Pinang, boleh menuduh, boleh pertikaikan khutbah yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam di Negeri Selangor ini. Apa hak dia nak tuduh, apa hak dia nak

pertikaikan khutbah di Negeri Selangor. Apakah dia mengikuti khutbah ini. Eric Paulson boleh pertikaikan mengenai JAKIM, kononnya

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta mencelah

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti saya tak habis lagi...

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ini memang tuduhan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bukan tuduhan. Erik Paulson tuduh JAKIM *promoting* keganasan. Yang Berhormat sekalian, saya nak bagi tahu, khutbah Jumaat disiarkan secara langsung hari Jumaat. Di TV, di radio, sila dengar. Tidak ada mempromosikan

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Adakah, adakah, YB Permatang setuju bahawa wanita adalah boleh di *blame*, atas kes rogol.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bukan itu isunya. Kena tengok.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Yang, yang,

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat kena tengok teks khutbah itu sepenuhnya. Bukan isu itu. Isunya ialah bagaimana seorang bukan Islam boleh campur tangan dalam soal Islam. Kalau Yang Berhormat faham dengan mengenai Undang-undang Islam, Yang Berhormat boleh berdebat dengan saya. Kalau tak faham..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Adakah YB Permatang, rogol adalah kerana wanita yang berpakaian seksi.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak jelaskan..

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama duduk dulu. Permatang ayat terakhir, tolong.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak jelaskan bahawa kita amat tidak puas hati dengan tindakan ADUN daripada Pulau Pinang ini, yang cuba merendah-rendahkan, mencampuri hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor ini. Itu kita khas, kita tujukan kepada dia. Kita minta JAKIM, JAIS ambil tindakan. Kalau boleh, keselamatan, ambil, tahan dalam Akta Hasutan kerana menggunakan agama ini yang boleh mencemarkan keharmonian agama dalam negara kita. Itu sangat serius, dalam Dewan ini, saya nak jelaskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang, sila duduk. Masa sudah habis. Teratai pun duduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Terima kasih. Tuan Speaker, Permatang menjunjung kasih atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, walaupun tak habis, banyak lagi nak cakap. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Selamat pagi, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Kinrara untuk turut serta menyokong Usul menyembah ucapan terima kasih sertamenjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Semalam 1hb April 2015, merupakan satu hari dalam sejarah, di mana GST telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional walaupun banyak rayuan dan bantahan daripada rakyat dan peniaga-peniaga. Pagi semalam, Sungai Burong telah ambil Singapura sebagai satu contoh negara yang telah melaksanakan GST. Dan tadi, Permatang juga mengambil berbanding negara jiran lain seperti Indonesia, Vietnam dan sebagainya. Soalan saya adalah, adakah kehidupan rakyat di Bangladesh, di Indonesia, contoh yang diberi oleh Permatang, lebih baik atau lebih senang, berbanding dengan rakyat di Malaysia. Kalau adalah lebih baik dengan adanya GST di negara Indonesia dan Bangladesh, kenapa mereka perlu datang ke Malaysia untuk bekerja di Malaysia. Singapura boleh menjadi sebuah negara yang maju dan kaya, bukan kerana adanya GST. Ia adalah kerana Singapura tiada satu MBD. Tiadalah, kerana Singapore, tiada tujuh *private* jet. Dan ia adalah kerana Singapore tidak membayar RM1,200.00 untuk mendandan rambut. (TEPUK). Apabila rakyat bangkit, kesusahan hidup dengan pelaksanaan GST, rakyat ditahan. Apabila wartawan bongkarkan isu ketirisan 1MDB, editor ditahan. Apabila kita lawan ketidakadilan, Wakil-wakil Rakyat di tahan. Sehingga seorang EXCO Kerajaan, Y.B. Seri Setia, ditahan juga. Digari dan berkaki ayam dilokap. Y.B. Seri Setia adalah seorang EXCO Kerajaan, takkan dia melarikan diri ke luar negara. Tahanan ini semata-mata untuk menghinakan Wakil Rakyat Pakatan Rakyat. Adakah Kerajaan Barisan Nasional tidak berani untuk mendengar suara rakyat. Berilah tumpuan bagaimana dapat mengurangkan kes-kes jenayah. Rumah bapa Tuan Speaker kita pun baru dirompak oleh 5 orang perompak bertopeng pada waktu siang. Macam mana dengan kes Teoh Beng Hock. Sudah satu tahun Mahkamah Rayuan meminta polis untuk menyiasat semula ke Teoh Beng Hock. Apa status siasatan pihak polis. *Priority* polis adalah menjaga keselamatan dan keamanan rakyat dan bukan untuk melawan dengan rakyat.

Kinrara menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk membina 15,000 Rumah Mampu Milik dalam tempoh tiga tahun. Ini adalah satu usaha yang baik untuk membantu golongan berpendapatan rendah sederhana untuk memiliki rumah. Wajar diingatkan agar pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang sedia ada juga perlu di ambil perhatian. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana akan memberi bantuan kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah untuk menurap jalan-jalan dan membaiki longkang-longkang

yang telah rosak. Saya nampak ini adalah satu lagi usaha Kerajaan Negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah selepas pelaksanaan GST yang zalim ini oleh Kerajaan Barisan Nasional. Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan, juga sentuh tentang jadikan Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai Kota Seni. Kinrara ingin mengambil peluang ini untuk memaklumkan Ahli-ahli Dewan Negeri, di Kinrara juga ada satu Lorong Seni. Di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah turun untuk merasmikan Lorong Seni tersebut pada 13 Disember 2014. Sebelum ini, lorong di antara dua barisan kedai di kawasan pasar pagi, Taman Kinrara, Seksyen 1, ini dikenali sebagai lorong sampah. Dengan usaha bersama MPSJ dan Pusat Khidmat Kinrara, kami telah *transform* lorong yang penuh dengan longgokan sampah, tikus dan lipas kepada Lorong Seni yang bersih sekali. Saya berharap MPSJ dapat membantu untuk memantau dari segi penguatkuasaan, membuat rondaan yang lebih kerap supaya Lorong Seni ini boleh menjadi satu contoh kepada lorong belakang kawasan komersial lain di Selangor. Ia juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan Negeri Selangor sebuah negeri bersih dan hijau. Lorong Seni Taman Kinrara Seksyen 1, mempunyai pasar pagi yang paling besar dan lama di Puchong, sudah hampir 30 tahun. Tetapi masih berniaga di atas jalan yang tanpa bumbung dan tanpa tandas awam. Memandangkan seluruh Puchong masih tiada sebuah pasar awam moden, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi sedikit peruntukan membina bumbung dan tandas awam untuk pasar pagi ini. Saya tidak perlu sebuah pasar yang moden seperti di Seri Muda, saya hanya perlu sebuah pasar yang berbumbung dan ada tandas awam. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh dalam Dewan yang mulia ini, adalah tentang pengiktirafan Sijil *United Examination Certificate* (UEC). Atau lebih dikenali sebagai '*thongkhau*'. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat sijil UEC ini telah pun mendapatkan pengiktirafan lebih daripada 30 buah negara termasuk Amerika, Australia, Jepun, UK, Korea, Singapura, Indonesia dan sebagainya. Universiti-universiti terkemuka di dunia juga menerima UEC sebagai syarat kemasukan ke universiti mereka. Selain itu, Institut Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia juga menerima UEC sebagai syarat kemasukan ke universiti dan mengiktiraf UEC sebagai sijil setaraf dengan kelayakan SPM. *Malaysian Independent Japan Knowledge School* atau 'Khuchong' di Lembah Klang mempunyai lebih daripada 20,000 pelajar. Dan setiap tahun seramai 3000 pemegang UEC akan bergraduan. Oleh itu penerimaan sijil UEC akan membantu institusi pengajian seperti UNISEL yang di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan pendaftaran pelajar baru. Tambah pula tindakan tersebut boleh dilihat sebagai satu usaha Pakatan Rakyat dalam menunaikan janji Buku Jingga yang berjanji akan mengiktiraf sijil UEC setelah mentadbir di kerajaan pusat. Puan Speaker, masalah banjir yang sering menghantui rakyat Selangor merupakan satu perkara yang perlu dipandang serius dan perlu diselesaikan dengan segera. Dua hari yang lepas banyak kawasan termasuk Kinrara, Seri Serdang, Subang Jaya, Batu 3 dan lain-lain lagi sekali lagi dilanda banjir akibat hujan lebat. Kawasan Kinrara khususnya kawasan-kawasan yang sering mengalami masalah banjir adalah Bukit Kuchai, Kampung Kuala Sungai Baru, Kampung Kenangan dan Kampung Tengah. Apa yang

mendukacitakan banjir di kawasan-kawasan tersebut sudah lama berlarutan sehingga kini belum ada penyelesaian sempurna seperti mana yang digariskan dalam sidang dewan yang lepas punca berlaku banjir adalah sistem perparitan yang tidak sempurna. Saya telah beberapa kali telah mengesa MPAJ, JPS dan JKR untuk mencari satu kaedah yang berkesan untuk menyelesaikan masalah banjir tersebut. Namun sehingga ke hari ini keadaan masih sama. Tiada tindakan susulan yang boleh diambil oleh mana-mana pihak. Kinrara mencadangkan supaya satu simpanan rizab segera diperuntukkan segera untuk menaiktaraf sistem perparitan dan longkang yang kritikal di seluruh negeri Selangor. Pada hari yang pertama sidang dewan ini Ahli-ahli Yang Berhormat telah menerima satu carta yang menarik. Carta ini menunjukkan kes-kes aedes telah menurun. Jika kita banding minggu kelima dan minggu kedua belas kita nampak penurunan sebanyak 50%. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Barisan EXCO semua sekalian. Tetapi saya rasa kita seharusnya tidak berhenti di sini. Kita perlu usaha supaya kita boleh nampak satu kesan yang lebih baik. Di sini saya ada dua cadangan yang saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri. Cadangan yang pertama saya ingin hendak bercadang supaya kontraktor yang membuat pembersihan longkang tu, frekuensi kontraktor ditambahkan daripada setiap dua minggu kepada setiap satu minggu frekuensi kontraktor. Yang kedua, saya ingin bercadang Kerajaan Negeri atau PBT boleh melantik seorang penyelia di setiap zon. Di setiap zon untuk membuat pemantauan pastikan semua kontraktor pembersihan itu menjalankan tugas pembersihan itu mengikut jadual dan setiap minggu mereka akan membersihkan longkang tersebut. Dan saya juga ada satu soalan dan ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan tentang *in-house contractor* untuk setiap PBT. Apakah perkembangan *in-house contractor* (dengan izin). Dan akhir lagi saya perkara yang saya ingin hendak sentuh ialah saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang isu T.O.L. Bukit gasing juga sentuh tentang isu ini. Soalan saya ialah kenapa T.O.L antara MPSJ dan PDT Petaling begitu lambat dan hampir masa yang begitu panjang. Bukan sahaja *new board* T.O.L, permohonan *new board* / permohonan yang disebut oleh Bukit Gasing juga yang mengalami masalah. Ada NGO, OKU, Surau dan gereja yang ingin memohon T.O.L di bawah rentas TNB untuk tujuan tempat letak kereta untuk upacara sembahyang tetapi masih tidak dapat walaupun surat tiada halangan TNB telah di perolehi tetapi permohonan T.O.L masih tiada jawapan lagi saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri dengan ini, Kinrara menyokong usul ini. Sekian, terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera dan tidak terlupa bersalam satu Malaysia. Tiada jawapan. Sungai Panjang ingin mengambil bahagian dalam usul ucapan terima kasih dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sungai Panjang tidak berhasrat merumuskan begitu banyak isu berkaitan dengan GST

sebab dalam kajian Sungai Panjang, pembangkang di Malaysia ini memang tidak akan bersetuju terhadap apa juga yang diutarakan oleh Barisan Nasional mula daripada sejarah penubuhan Jambatan Pulau Pinang, Putrajaya semua tidak pernah dipersetujui oleh Pakatan Negeri Selangor, Malaysia ini. Naskhah titah ucapan Tuanku 23 muka surat lebar sarat dengan teguran, pesanan dan juga saranan. Sungai Panjang pada hari ini mencatat yang dihujahkan lebih 18 kali perkataan maju, negeri maju, negeri termaju itu yang disebut sama ada yang sebut oleh rakan-rakan yang berhormat sekalian. Isunya yang saya ingin utarakan apakah ukuran kemajuan indeks negeri Selangor maju itu yang ada sekarang pada hari ini. Sebab sepanjang catatan Sungai Panjang 'Selangor Negeri Maju ini diisytiharkan pada 27 Oktober, 27 Ogos 2005 dan selepas daripada itu indikasi petunjuk apakah itu digunakan pada hari ini. Kalau kita mahu gunakan petunjuk yang kita gunakan terhadap jalan yang berlubang, masih banyak lagi jalan yang berlubang. Kalau kita mahu untuk menggunakan petunjuk access internet, Selangorku masih banyak belum sempurna. Sebab itu Sungai Panjang mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terhadap indeks 'negeri maju' kerana perbandingan ini harus, mesti dibuat. Mengapa harus dibuat? Kerana pada 25 Ogos 2005 Negeri Selangor Maju itu mereka menggunakan Perbadanan Produktiviti Negara dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa dengan kerjasama UiTM dan pada hari itu menggunakan *world created* yang mana di situ indikator Selangor Maju diutarakan. Dan setelah 2005 sehingga sekarang 2015 hampir 10 tahun nampaknya tidak nampak indikator baru menjadi hujahan-hujahan negeri maju itu begitu sahaja. Kita mahu indikator yang jelas dan terperinci, itu yang utama. Saya suka mengungkap soal kedua iaitu sukan. Ucapan titah Tuanku mengatakan tentang bola sepak ini sebagai satu sukan rakyat. Dan saya rujuk kembali kepada Bajet 2015 yang mana RM17 Juta akan diperuntukkan sebagai atlet dan prasarana sukan ditubuhkan Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor. Tetapi hendak menjadikan bola sepak ini sebagai sukan rakyat kita memerlukan stadium. Kita perlukan padang yang sempurna. Dan dalam hujahan yang disebutkan hanyalah Stadium Shah Alam, Kota Raja, Klang dan Selayang sahaja yang termasuk dalam Perbadanan Aset Sukan Negeri Selangor itu sendiri. Dan bagaimanakah agaknya stadium-stadium yang berada di pinggir bandar, luar bandar. Stadium Sabak Bernam bagaimana agaknya akhirnya stadium ini agak mendapatkan lahirkan pemain-pemain bola sepak yang akan mewakili negeri Selangor. Sebab saya hendak sebut negeri Selangor ini daripada stadium bola sepak kita pernah juara 32 kali Piala Malaysia. Kita pernah berjaya Piala FA - 5 kali, Liga Super – 2 kali. Dan kita pernah ingat dari zaman Mokhtar Dahari, dari zaman Arumugam, daripada zaman Santokh Singh, kemudian keluar pula zaman Zainal Abidin, Dollah Salleh, Azman Adnan. Dan rangkaian yang kita sebut senarai-senarai nama pemain bola sepak Selangor ini, pengurusnya juga ataupun jurulatihnya juga daripada, sekarang ini ... Kenyataan-kenyataan yang hendak saya hendak sebut ini adalah apakah sebenarnya agenda supaya pemain-pemain Selangor yang berada di luar, yang kelahiran Selangor seperti Amri Yahya daripada Tanjung Karang, Shafik Shali daripada Kuala Selangor akhirnya turut dapat berkhidmat dengan pasukan bola Selangor sebab saya hendak sebutkan piala yang

paling berprestij sekali dalam bola sepak ialah Piala Malaysia. Dan Selangor kali terakhir saya ulang, Selangor kali terakhir menang Piala Malaysia ini adalah pada tahun 2005 dan sudah hampir 10 tahun kita tidak dapat Piala Malaysia. Dan saya hendak sebut ini, bukan sahaja bola sepak ini yang menjadi penyatuan kepada kita. Sebelum Stadium Shah Alam yang dirasmikan 16 Julai 1994 itu, kami sejauh dari Sabak Bernam, daripada Hulu Selangor, daripada Puchong, daripada Sepang berbondong-bondong naik motosikal bawa bendera Selangor semata-mata hendak tengok pasukan Bola Sepak ini menang. Dan saya dulu dengan rakan-rakan, kita sanggup pagi naik bas ekspres Sabak Bernam pergi ke Kuala Lumpur, daripada Kuala Lumpur lalu lorong tepi-tepi ke Stadium Merdeka dan tengok Selangor lawan di Stadium Merdeka. Tidur balik di Pudu Raya, esok lagi baru balik ke Sabak Bernam. Maksudnya semangat kecintaan kita kepada bola sepak ini sangat tinggi dan sebab itu bila titah Tuanku menitahkan supaya bola sepak menjadi sukan utama, sebagai sukan rakyat memang itu sangat dekat di hati kita. Dan sebab itulah juga kita hendak tahu. Dari Aspek kedua, ini cogan kata 'kita lawan' ini apa cerita. Saya difahamkan. EXCO telah senyum pandang saya. Banyak sms yang saya terima, tolong perkatakan usul ini sebab pada mereka sukan ini sesuatu disiplin yang sangat murni cita-citanya, satu disiplin yang aksinya begitu bersahaja santai dengan nilai persahabatan tetapi dengan cogan kata yang 'kita lawan' itu ada kaitan dengan membebaskan seseorang yang berada di dalam penjara. Jadi saya fikir kalau boleh saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, EXCO tengok balik cogan kata ini, supaya nilai sukan yang ada negeri Selangor dengan semangat prinsip persahabatan itu ramai juga anak-anak yang bukan selain daripada penyokong daripada Pakatan bertugas, yang berkhidmat, yang berwakil negeri Selangor yang hendak tengok, setidak-tidaknya SUKMA ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:**Minta mencelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD:** Menjadi pasukan yang peringkat kebangsaan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:**Minta mencelah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD:**Saya kena berikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sungai Panjang. Soal slogan cogan kata 'kita lawan' ini, mengapa Sungai Panjang sensitif mengatakan ini ada kaitan dengan slogan, apa? Dan sebagainya? Ini semangat berpasukan jadi kita lawanlah! Nak menang ni kita lawan. Apa pula sensitif sangat. Bagi tahu mengapa sensitif sangat? *Allergic* sangat kenapa?

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD:** Ini bukan soal *allergic* tuan. Ini sebab 'kita lawan' telah disinonimkan cogan kata 'kita lawan' itu telah di sama ertikan, membebaskan seorang daripada penjara. Jadi saya cuma mengungkapkan jika ada kata-kata lain yang lebih bersemangat. Kalau ada kata-kata lain yang tiada



mempunyai perkaitan dengan politik itu menjadi disiplin sukan, apa salahnya. Saya hanya pohon jasa baik daripada EXCO pertimbangkanlah kembali. Tetapi kalau akhirnya bidang kuasa itu ingin diteruskan setidak-tidaknya di dalam dewan yang mulia ini minta ia dicatatkan. Ramai rakyat di negeri Selangor tidak bersetuju dengan cogan kata 'kita lawan'. Tuan Puan Speaker, izinkan saya dari sudut pendidikan. Saya fikir saya ada masa, saya fikir saya ada masa sedikit lagi. Aspek pendidikan ini sangat penting untuk saya utarakan. Tuanku bertitah soal masa depan pendidikan menjadikan Selangor sebagai hak pelaburan dan jangka masa panjang. Itu saya setuju, tetapi dalam negeri Selangor bercakap soal pendidikan kita tidak boleh lari daripada dua kuantiti pendidikan yang utama. Yang pertama, soal UNISEL. Yang kedua, soal KUIS. Saya lihat bajet yang lepas kita memperuntukkan 60 Juta peruntukan kepada KUIS untuk asrama dan juga pembetulan. Tetapi pada hari ini masalah ini masih lagi berlaku. Apa boleh dijawab nanti. Akhirnya, dan saya tengok masalah ini masih boleh berlaku dan saya hendak buat di dalam dewan yang mulia ini, mahu direkodkan bahawa kajian pengesanan graduan KUIS 2008-2012 yang saya dapat ini kadar kebolehan pasaran mahasiswa hanyalah sekadar 48% hingga 51%. Saya fikir ini perlu diambil tindakan supaya setidak-tidaknya para graduan yang keluar daripada KUIS itu boleh membantu mereka untuk mendapat pekerjaan. Dan isu prasarana terkini yang saya fikir begitu banyak anjing berkeliaran, begitu banyak anjing dan lembu berkeliaran di KUIS dan saya fikir perkara-perkara ini mesti diambil tindakan. Setidak-tidak hasrat sultan menjadikan Selangor sebagai hub pendidikan mesti diambil kira. Dan mengambil kira juga semangat mandat dan *alignment* iaitu semangat pencerahan mandat ini. Soal yang berkaitan dengan penterjemahan karya-karya agung yang begitu bernilai, yang diurus kendali oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor.

Saya setuju Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor menjadi badan yang mengawal selia soal terjemahan ini. Tetapi ambil kira tengok sekalilah perpustakaan-perpustakaan desa yang ada di seluruh Negeri Selangor. Saya nak catatkan lima perpustakaan desa di DUN Sungai Panjang, Bestari Jaya, Pasir Panjang, Simpang Lima, Parit 14, Parit 8 majoritinya bangunan kayu dan tidak ada langsung penghawa dingin. Dalam keadaan kita nak pergi kepada perkara-perkara yang besar, perkara-perkara yang kecil, tolong untuk kita lihat sekali. Sebab perkara ini sangat penting di dalam kawasan geopolitik luar Bandar perpustakaan menjadi tempat anak-anak kita untuk mengulang kaji pelajaran. Perpustakaan menjadi tempat untuk anak-anak kita bertemu dengan rakan-rakan berbincang tentang isu-isu pendidikan dan pelajaran. Dan tolonglah saya tidak akan jemu-jemu dalam sidang yang lepas saya sudah bangkitkan berkali-kali sampai setakat kali ini tidak ada satu pun penambahbaikan yang saya lihat dan saya akan terus bangkitkan soal perpustakaan-perpustakaan desa dengan mengambil kira contoh perpustakaan yang ada di DUN Sungai Panjang ini. Akhirnya saya nak melihat soal isu-isu tempatan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi 3 minit, bila waktu merah berhenti ya.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Berhenti yaboleh, boleh belum merah lagi ya.

**TUAN SPEAKER:** Cepatlah, cepat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Saya akan bangkitkan isu berkaitan dengan PBT, Majlis Daerah Sabak Bernam pada saya telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengekalkan prestasi, memberikan perkhidmatan yang sebegitu baik. Walaupun mereka tahu dan sedar mereka hanya punya setahun anggaran pendapatan mereka sekitar dua puluh juta sahaja. Dan saya difahamkan dua puluh juta ini hanya cukup membayar kos-kos operasi tetapi pada Januari 2015 dalam satu perhimpunan kepada seluruh warga kerja di peringkat daerah satu perkara telah dimaklumkan iaitu logo Majlis Daerah Sabak Bernam. Sekinchan dah senyum dengan cogan katanya beriman dan budiman, bagi saya sebut dahulu akhirnya bertugas kepada berdaya, berbakti dan berkualiti. Ramai bertanya kepada saya budiman di papan-papan tanda jalan nama Budiman dah tak ada. Saya terkejut dan saya pergi *refer* balik betul, betul kerana apa mereka akan tukar. Isunya saya tidak ada masalah dengan penukaran logo, saya tidak ada masalah dengan soal penjenamaan semula tetapi pada saya dengan dua puluh juta yang ada itu.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Sikit, sikit.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Sekejap, *last* dengan dua puluh juta yang ada itu adakah lebih baik daripada menukar logo itu kepada penambahbaikan latihan kepada staf. Logo boleh datang dan pergi, logo boleh bertukar warna, logo boleh bertukar reka bentuk tetapi soal kualiti itu, Petugas itu jika tidak diberi penambahbaikan kepada mereka dan akhirnya apa yang akan berlaku. Dan secara sinisnya saya juga tergelak apabila rakan-rakan Ahli Majlis dalam PAS pada itu bersetuju perkataan beriman itu sendiri terkeluar daripada roda beriman dan budiman dan bertukar daripada berdaya berbakti dan berkualiti. Timbalan Speaker saya bersetuju dengan Paya Jaras soal penjaja-penjaja kecil sama ada yang berada di pinggir jalan atau pun yang berada di kawasan-kawasan kelompok. Sepanjang jalan federal FR 5 daripada Sekinchan ke Sabak Bernam di kiri dan kanan tempat pakcik-pakcik berniaga mentarang, tempat pakcik-pakcik berniaga buah mangga, tempat pakcik-pakcik berniaga buah akhirnya mereka mendapat notis mereka tidak dibenarkan berniaga di kawasan tersebut. Hujahan yang saya sebutkan ialah saya tidak menolak pembangunan kalau ada penambahbaikan ke atas jalan tersebut apakah pilihan kepada mereka ini. Kalau pilihan yang ada kepada mereka ini ialah memberikan kepada mereka satu kawasan yang lebih baik, satu kawasan yang mana mereka boleh cari makan dengan sempurna. Saya fikir tidak ada masalah sebab mereka ini tidak ada pilihan sebab itulah mereka berniaga di sepanjang jalan di FR 5 ini. Saya pohon pihak majlis dan pihak kerajaan negeri lihat balik terhadap perkara-perkara ini. Sebab saya fikir kalau soal fundamental isu cari makan ini ia menjadi masalah kepada mereka akhirnya mereka akan soal asas mereka tidak

lepas saya fikir ini akan menyusahkan mereka dalam bentuk jangka masa panjang. Saya mendapat jelingan mata daripada Puan Speaker berapa kali dia jeling, berapa kali dia menjeling dia menunggu lampu merah jadi saya sebagai Sungai Panjang yang baik dan faham dengan hasrat dan juga faham dengan isyarat dengan ini saya menutup hujahan saya dan saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang dalam mengambil bahagian dalam usul ini sekian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. HAJAH PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, *Bismilahirrahmannirohim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam takziah saya kepada seluruh rakyat Malaysia kerana dalam pelaksanaan GST semenjak semalam. Terlebih dahulu Batu Tiga mengambil kesempatan untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini dan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah mencemar Duli ke Dewan Negeri ini memberikan ucapan dan amanah. Saya ingin memulakan perbahasan saya ini dengan mengingatkan kita semua bahawa Selangor menghadapi masalah kemajuan yang amat pesat dan pertambahan penduduk negeri dengan nisbah tanggungan yang semakin meningkat dan berganda. Bukan sahaja Kerajaan Negeri Selangor tetapi oleh rakyatnya juga. Fenomena ini amat membimbangkan jika keupayaan selaku kerajaan yang peduli untuk memberikan tumpuan kepada isu-isu asas rakyat tidak dapat ditangani dengan cekap dan baik khususnya isu memastikan kesejahteraan kepada peningkatan pendapatan-pendapatan isi rumah, kemiskinan, kebajikan dan menguruskan sumber manusia yang ramai ini di samping tidak dinafikan isu infrastruktur dan keselesaan rakyat. Tuanku dalam ucapannya menyatakan berkaitan purata pendapatan isi rumah Selangor telah pun mencecah kepada RM7,023.00 berbanding dengan RM5,000 di Malaysia. Iaitu satu angka yang nyaman di mata tetapi kebimbangan saya sebenarnya angka ini adalah satu angka purata yang sebenarnya melihatkan bahawa jurang antara yang miskin dan yang kaya adalah terlalu besar. Oleh itu saya mohon supaya satu kajian yang khusus dibuat seterusnya oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengenal pasti berapakah pendapatan seisi rumah yang perlu diperolehi oleh rakyat Negeri Selangor. Khususnya pada pengakhiran hujung tahun 2015 ini dan 2020 terutamanya bagi golongan rendah dan menengah khususnya bagi kita sama-sama menggembelng tenaga untuk memastikan rakyat Negeri Selangor dapat mencapai tahap yang diinginkan.

Alhamdulillah kadar kemiskinan menurun daripada 0.7% pada 2009 kepada 0.4% pada 2012 yang menyaksikan penurunan sebanyak 0.5% dalam tempoh 3 tahun. Saya yakin seluruh Ahli Dewan Negeri juga ingin melihat penurunan ini terus-menerus sehingga di Selangor ini boleh menyediakan satu kehidupan sejahteraan malah ia boleh melihat bahawa realitinya konsep dengan izin "*events for learning*" ataupun boleh berpendapatan dilaksanakan di Negeri Selangor dengan saya

mengharapkan untuk membolehkan pendapatan kepada rakyat Negeri Selangor sekitar RM3,000 kepada RM4,000 sebulan *insya-Allah*. Jadi *events for learning* ini saya mengharapkan satu konsep perlu kita sama-sama terjemahkan iaitu ianya bukan semata-mata kita melalui program-program yang kita laksanakan melalui program-program usahawan dan perniagaan tetapi program-program yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat. Saya ingin mencadangkan dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah pun melaksanakan program Hijrah tetapi saya ingin menyatakan di sini agar program HIJRAH ini bukanlah satu-satunya program tetapi saya mengharapkan program-program yang lebih holistik dan lebih sempurna ataupun lebih menyeluruh terutamanya dalam menyediakan sumber pekerjaan kepada golongan-golongan tenaga buruh dan juga kepada mereka-mereka yang memerlukan pekerjaan. Saya mengharapkan kerajaan menyediakan sumber pekerjaan terutamanya di bawah Kerajaan Tempatan iaitu peluang pekerjaan seperti pembersihan tandas-tandas awam, pembersihan pemotongan rumput dengan menaiktarafkan golongan buruh ini dengan memberikan sijil-sijil khusus seperti ianya bukan sahaja selepas mendapat sijil itu tetapi dia akan diberikan gaji minima yang selayaknya untuk memastikan kehidupan mereka ini dapat terjamin dan imej mereka itu juga pun juga dinaikkan. Bukan lagi sebagai pembersihan awam, tandas-tandas awam mereka ini mungkin dinamakan sebagai *domestic manager* ataupun individu-individu yang ada status di dalam masyarakat. Oleh itu saya harap dengan adanya polisi-polisi baru yang dibuat terutama di bawah Kerajaan Tempatan ianya boleh memungkinkan rakyat Selangor mendapat pendapatan minima dan ianya boleh mengurangkan pengambilan buruh-buruh ataupun individu pendatang asing yang kita lihat sekarang ini melimpah ruah di Negeri Selangor.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara iaitu Duli Yang Maha Mulia menegaskan perlunya Kerajaan Negeri Selangor menggubal dasar-dasar negeri mengikut *Maqasid Syariah* yang mana kita lihat lima perkara yang dinyatakan itu memang amat-amat penting tetapi saya ingin juga memberi satu pandangan daripada Abd al-Malik Abd Alkh Imam Al-Haramyn dalam kitab tulisannya *Al-Burhan Fi-Usul-Al-Fiqh* yang menjadi karangan Fiqh yang pertama memperkenalkan teori darjah Aldaruyat ataupun peringkat-peringkat keperluan yang mana dalam kita merangka lima perkara asasi itu keperluan asas perlu diambil kira. Yang keduanya kehendak-kehendak umum, ketiga perilaku moral dan galakkan mestilah juga atau pun diberikan atau diselitkan di dalam penggubalan dasar-dasar yang dinyatakan. Oleh itu saya juga ingin nyatakan di sini beberapa isu penting yang mesti ditangani selaku rakyat yang prihatin tentang isu wanita. Saya ingin membangkitkan di dalam dewan yang mulia ini untuk beberapa tahun yang akan datang, *lanskap* pembangunan global akan bertukar begitu dramatik sekali. Oleh sebab itu sebagai Pemandu ataupun *drivers* seperti *International Conference On Population and Deveploment* dengan izin juga MBG yang berperanan dan telah pun melihat semula dengan izin ..... memantau dan merangka mana-mana cabaran, peluang atau penerusan kesan proses kesinambungan untuk memastikan rangka kerja baru

kepada isu dari segi kesihatan, kebajikan dan hak-hak wanita dan remaja perempuan telah pun diberikan keutamaan di dalam dunia ini. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor juga tidak ketinggalan dalam memastikan aspek golongan ibu tunggal, suri-suri rumah, wanita muda dan yang tidak dapat memenuhi sektor pekerjaan disebabkan oleh isu gender dan isu kemiskinan akibat status kehidupan mereka. Sekali lagi amat penting untuk diberikan perhatian yang juga memberikan perhatian satu kajian *development focus* ataupun global landskap ini iaitu memastikan penglibatan wanita-wanita di dalam membuat keputusan dua peringkat dari yang tertinggi iaitu Jawatan MMKN sehinggalah serendah-rendahnya. Seperti Ahli Majlis, JKKK, Ahli MPP dan sebagainya mestilah memenuhi kuota 30%. Saya ingin penjelasan apakah satu reaksi yang *firm* yang perlu kita yang akan dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO dan juga Kerajaan Negeri apakah langkahdan tempoh jangkaan yang kita sasarkan 30% ini dapat kita penuhi. Dan saya juga ingin memohon supaya satu perancangan dan usaha-usaha baru perlu dibentangkan di dalam dewan ini bagi kita sama-sama memastikan isu-isu berkaitan dengan wanita dapat dilaksanakan. Sebab saya dan semua seluruh rakyat Malaysia, Selangor khususnya kita menyedari bahawa penduduk wanita di Selangor ini merupakan 50% daripada keseluruhan penduduk di Selangor ini. So dengan ini mengharapkan semua mengambil langkah yang positif di dalam memastikan kelangsungan atau pemberdayaan wanita ini dapat dilaksanakan dengan baik. Saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada satu keluarga yang sebenarnya baru-baru ini 2 hari lepas kita telah menghadapi ribut dan banjir besar, banjir kilat minta maaf di Batu Tiga. Seorang warga emas berumur 70 tahun dihanyutkan di atas jalan dan akhirnya meninggal dan alhamdulillah tetapi cucunya selamat. Saya ingin menyatakan bahawa satu isu infrastruktur di Selangor ini khususnya di Batu Tiga perlu diperbaiki ataupun dinaiktarafkan. Kadang-kadang kita risau setiap kali waktu hujan kita dapati longkang-longkang besar tidak dapat menampung lagi air yang ada, yang menjadi longkang besar adalah jalan-jalan di atas jalan raya. Saya harap pihak Kerajaan mengambil inisiatif untuk memastikan tidak ada lagi kes-kes dulu kita tengok bila banjir kilat yang kita dapati hanya kerosakan harta benda tetapi sekarang kita dapati kehilangan nyawa disebabkan derasnya arus yang membawa ataupun melarikan orang-orang yang terpaksa meredah banjir kilat yang melalui jalan-jalan besar ini. Jadi saya mengharapkan isu ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Ayat terakhir Batu Tiga.

**Y.B. HAJAH PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ayat yang terakhir saya ingin menyatakan di sini saya ingin menyampaikan sebenarnya, saya menyampaikan ucapan daripada penduduk Batu Tiga kepada Kerajaan Barisan Nasional dia menyatakan Yang Berhormat sampaikan salam kami, salam terima kasih kepada melaksanakan GST kerana ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional akan terkubur di PRU14 nanti disebabkan kononnya prinsip mendahulukan rakyat sebenarnya akan menjadikan prinsip membebankan rakyat. Jadi saya ingin sudahi bahawa kita janganlah terperdaya ataupun suka dengan kononnya dengan GST

yang membawa lebih kepada kerajaan tetapi. akhirnya menjadi padah daripada rakyat kita sendiri. Dengan ini Batu Tiga menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian Tuan Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

**( Dewan disambung semula )**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum warahmatullah* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Balakong berasa bangga kerana diberi peluang dan diamanahkan menjadi wakil rakyat di negeri Selangor, sebuah negeri yang termaju di negara kita. Sebagai negeri yang termaju dalam negara, negeri Selangor menghadapi masalah dalam peningkatan jenayah yang semakin membimbangkan. Kes kecurian dan rompakan sentiasa kedengaran berlaku setiap hari walaupun pihak polis menyatakan tiada laporan polis dibuat. Tanpa menyedari bahawa kebanyakan rakyat jelata tidak membuat laporan polis kerana berpendapat prosedurnya amat leceh dan tidak membantu. Tambahan pula mungkin ini adalah nasib kepada rakyat Malaysia kerana mempunyai seorang Ketua Polis Negara yang lebih berminat dengan isu-isu berkenaan dengan ahli politik terutamanya ahli politik pembangkang daripada menangani masalah jenayah yang lain. Kebanyakan rakyat jelata terutamanya mereka yang bermastautin di bandar yang memahami situasi sedia ada telah membuat keputusan untuk mempertahankan keharmonian dan kesejahteraan kawasan perumahan masing-masing bergantung pada keupayaan diri sendiri. Mereka menubuhkan persatuan penduduk serta kawasan rukun tetangga (KRT) dan memulakan skim komuniti berpengawal ataupun dengan izin *guarded community scheme*. Ini bermula pada anggaran tahun 2008. Berikutan pembangunan skim komuniti berpengawal yang mendadak banyak masalah yang telah timbul kerana kebanyakan skim tersebut hanya akan berjaya sekiranya beberapa jalan akses ditutup dengan pintu berpaling. Ini akan mengakibatkan pertelingkahan antara kumpulan yang menyokong dan kumpulan yang membantah turut berlaku dan pihak berkuasa tempatan pula menjadi mangsa secara tidak langsung. Aduan akan dipanjangkan ke PBT dan keputusan yang selalunya tidak boleh memuaskan semua pihak terpaksa PBT buat. Walau bagaimanapun perkara ini diharap akan dikurangkan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman ringkas setebal 10 muka surat bertarikh 19 Mac tahun ini. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa penggunaan pintu berpaling termasuk pondok pengawal di kawasan perumahan adalah sah di sisi undang-undang. Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkifli Ahmad Makinudin yang mengetuai panel 5 hakim berkata akses peraturan berperaturan ke kawasan yang ditakrifkan bukan satu halangan dalam undang-undang terutama jika ia untuk tujuan keselamatan. Beliau menegaskan bahawa ia hanya menjadi satu halangan jika seseorang itu dinafikan akses ke tempat awam dan pondok pengawal keselamatan serta pintu penghalang kemudahan infrastruktur yang dibenarkan di bawah Akta Perancangan dan Desa 1976. Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Balakong menyambut baik keputusan tersebut kerana sekurang-kurangnya wujudnya faktor keputusan muktamad yang boleh mengurangkan perselisihan dan perbezaan penaksiran undang-undang mengenai isu ini tetapi berpandangan keputusan ini akan dan mungkin telah menimbulkan kekeliruan antara masyarakat setempat. Ini semua kerana kita semua jelas memahami bahawa seperti yang Balakong katakan tadi. Banyak skim keselamatan berpengawal terutamanya bagi

kawasan perumahan yang lama hanya akan berjaya dengan menutup beberapa jalan akses. Bagaimanapun bukan semua jalan yang ditutup mempunyai pengawal untuk menyaring pelawat kerana kekangan kewangan oleh pihak penganjur. Justeru itu Balakong ingin menyeru supaya satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh EXCO dan beberapa ADUN yang terpilih serta kakitangan kerajaan dari jabatan teknikal yang berkenaan ditubuhkan dengan secepat yang mungkin untuk mengkaji semula serta menambah baik garis panduan skim komuniti berpengawal berdasarkan keputusan mahkamah tersebut agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan penduduk.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong, dua orang ni Kinrara dan Seri Andalas.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Balakong. Saya ingin tanya pandangan Balakong adakah Balakong setuju isu keselamatan ini sebenarnya adalah tugas polis.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Isu keselamatan ini adalah memang di bawah bidang kuasa polis dan sangat jelas ini adalah kegagalan pihak polis untuk menjaga keselamatan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi atau tak bagi?. Bagi.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya pun sama juga dengan pendirian Balakong katakan masalah keselamatan ini ialah di bawah polis tapi pengalaman saya di kawasan saya bila saya panggil polis untuk adakan dialog dengan penduduk dan sebagainya setelah tulis tiga surat kepada CPO Negeri Selangor dan OCPD kawasan pun sampai sekarang tidak ada jawapan dan mereka enggan mengadakan dialog dengan kita. Adakah ini pengalaman Balakong juga di dalam kawasan Balakong?

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Balakong mempunyai pengalaman yang sama polis nampak surat jemputan ada salinan kepada saya dan beritahu penganjur kalau YB datang susahlah kita nak hadir. Itu maklumat yang diberi oleh penganjur dialog tersebut.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong bagi?.



**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:**Sekejap sahaja Balakong. Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Balakong apakah Balakong juga bercadang sekiranya keadaan ini berlaku di Balakong dan kawasan Seri Andalas kita boleh tweet twitter KBAB51@twitter kepada IGP dan IGP kena *respond on the spot*. Cara macam seperti yang berlaku pada Subang Jaya tempoh hari IGP *respond on the spot* tapi minta buat repot polis. Adakah ini satu cara efektif.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:**Tuan Speaker, saya ada satu soalan Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jangan tanya saya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:**Ini penting. Ini kerajaan pun kena jawab. Saya ingat Dato' SS pun ada. Kita bincang tentang sekuriti tiap-tiap ADUN kata tentang sekuriti tentang keselamatan adakah pegawai polis hadir untuk dewan ini. Sebagai agensi pertama di dalam negeri untuk dewan mulia ini. Adakah mereka datang. Atau ada jemputan bagi untuk dia. Bukan *bodyguard* MB tapi saya minta saya ingat tanya adakah CPO hantar pegawai yang tinggi untuk dengar apa dikatakan oleh ADUN di sini tentang sekuriti ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Balakong teruskan ucapan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:**Itu soal kerajaan kena jawab datang ke tak datang. Jadi, Balakong berasa jawatankuasa ini agak penting supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan penduduk setempat dan memberi implikasi negatif kepada orang awam. Balakong menyeru supaya jawatankuasa ini mempertimbangkan dan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi meluluskan pembinaan pintu berpaling dan pondok pengawal di atas tanah kerajaan kerana adalah mustahil juga saya rasa rizab jalan kalau dimiliki oleh pemilik peribadi. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Balakong merupakan satu kawasan DUN yang mempunyai 6 kawasan perindustrian di dalam kawasan yang berkeluasan 33 ribu kilometer persegi antaranya terdapat dua kawasan perindustrian dikenal pasti sebagai kawasan di bawah program pemutihan iaitu kawasan perindustrian Bandar Baru Balakong dan kawasan perindustrian Balakong Jaya. Saya ingin mengambil kesempatan ini memuji pihak MPKJ terhadap usahanya dalam kejayaan lebih kurang 90% pemutihan di kawasan perindustrian Kampung Baru Balakong. Kejayaan ini bukannya senang kerana pegawai MPKJ memang telah berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk dimaki oleh sesetengah pemilik. Walau bagaimanapun pencapaian pemutihan kilang tanpa kelulusan di kawasan perindustrian Balakong Jaya adalah kurang memuaskan. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa punca termasuk lanjutan tempoh pemutihan yang telah berulang kali diberikan. Balakong bukan nak membantah lanjutan tempoh tersebut tetapi ingin mencadangkan supaya PBT dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja

penguatkuasaan terhadap kilang-kilang tersebut walaupun tempoh pemutihan telah dilanjutkan. Contohnya PBT boleh mengeluarkan notis amaran dan kompaun kepada pekilang berkenaan tetapi notis dan kompaun tersebut boleh dibatalkan setelah pemutihan kilang tersebut berjaya. Ini dapat membantu pemilik kilang mengemukakan permohonan pemutihan dengan lebih cepat kerana kebanyakan pemilik kilang sering mengamalkan sikap tidak apa kerana berpandangan kerajaan pasti akan melanjutkan lagi tempoh pemutihan berulang kali tanpa sebarang tindakan penguatkuasaan seperti yang telah diamalkan beberapa tahun yang lalu. Selain daripada itu Balakong difahamkan sebahagian pemilik kilang tidak mengemukakan permohonan untuk pemutihan kerana tidak mampu membayar premium pertukaran kegunaan tanah yang bakal dikenakan. Mereka kebanyakan golongan yang mewarisi hartanah daripada nenek moyang mereka. Golongan ini dianggap kaya dari segi harta tetapi miskin dari segi kewangan. Balakong ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan satu skim yang khas seperti skim pembaharuan hak milik ataupun pajakan tanah di kampung baru di mana pemilik yang menduduki tanah atau kilang itu ditawarkan untuk membayar sebahagian yang difikirkan wajar daripada jumlah premium yang dikenakan dan selebihnya dibayar mungkin dengan cara ansuran ataupun ketika hak milik ditukarkan. Semoga proses pemutihan kilang tanpa kelulusan dapat dipercepatkan dengan penambahbaikan garis panduan dan menyenangkan kerja-kerja menyempurnakan infrastruktur di kawasan tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong, minta habiskan ayat. Masa dah merah tu. Dua minit boleh.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:**Selangor negeri maju. Selangor menyumbang 23.5% kepada keluaran dalam negara kasar KDNK kawasan perindustrian merupakan penyumbang utama dan merupakan golongan yang membayar cukai taksiran yang jauh lebih tinggi berbanding dengan jenis premis yang lain. Balakong berpandangan bahawa cara yang paling baik untuk menghargai sumbangan pekilang-pekilang adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka. Walau bagaimanapun keadaan infrastruktur di beberapa kawasan perindustrian di bawah kawasan Balakong agak teruk sebagai contohnya lampu awam di beberapa kawasan seperti Taman Industri Selesa Jaya, Cheras Jaya, Taming Jaya dan Taman Megah sering rosak begitu juga dengan jalan-jalan raya di kawasan tersebut. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Barisan EXCO kerana membenarkan peruntukan MARRIS mulai tahun ini digunakan di kawasan perindustrian tetapi ingin memohon agar PBT harus membaiki jalan raya di kawasan perindustrian mengikut spesifikasi kawasan industri yang kualitinya jauh lebih tinggi dan sekiranya boleh mohonlah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi kawasan-kawasan industri ini bagilah peruntukan tambahan kerana memang dah beberapa tahun dah beberapa tahun infrastruktur terutama jalan tidak dibaiki dengan baik hanya kerja-kerja penampalan sahaja. Dan akhir sekali Balakong ingin memohon jasa baik Yang

Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk meluluskan sejumlah peruntukan yang diperlukan kepada JKR Hulu Langat untuk menaik taraf jalan Balakong. Untuk makluman semua, JKR Hulu Langat telah melaksanakan satu kajian di jalan Balakong untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas yang telah lama dihadapi. Balakong amat berpuas hati dengan cadangan JKR dan sekarang tiba masanya untuk menaik taraf jalan tersebut dengan struktur kekal mengikut kajian dan percubaan yang telah dilaksanakan sejak Oktober tahun 2014. Pembahagi jalan jenis kekal dan kerb jalan perlu dipasang serta persimpangan jalan Balakong dengan Lebuhraya Cheras Kajang perlu dinaik taraf dengan menambah satu lagi lorong sepanjang lebih kurang 100 meter. Harap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempertimbangkan cadangan saya ini. Sekian, Balakong menyokong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi saya peluang sebagai wakil Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Kelang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul menjunjung kasih menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 30 Mac 2015. Sesungguhnya rakyat Selangor amat bertuah memandangkan iltizam Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam mempertahankan kedaulatan negeri dan kepentingan rakyat demi memastikan kesinambungan kecemerlangan daripada perspektif pertumbuhan mampan, lestari serta kesaksamaan. Pengagihan kemakmuran untuk kesejahteraan rakyat. Sejak tempoh pentadbiran negeri bertukar tangan pada hujung bulan September 2014, ramai yang memuji ada juga yang teruja, ada juga terhibur dengan gelagat Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mentadbir negeri. Malangnya akhir-akhir ini ramai masyarakat bertanya dengan saya kenapa terdapat perubahan-perubahan kenyataan pentadbiran dalam usaha untuk menentukan ke mana arahnya pentadbiran Negeri Selangor. Jadi hala tuju dan kredibiliti kepimpinan sangat penting untuk Negeri Selangor. Memperakui pentingnya air sebagai salah satu keperluan asas manusia demi memenuhi keperluan pembangunan dan kehidupan seharian rakyat, Duli Yang Maha Mulia Sultan menitahkan jemaah pentadbiran negeri yang baru meneruskan usaha memuktamadkan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air berdasarkan semangat serta terma perjanjian utama yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Persekutuan pada 12 September 2014. Seperti saya tegaskan berulang kali ketika mewakili kerajaan negeri semasa perjanjian tersebut ditandatangani, kejayaan Penyusunan Semula Industri Perkhidmatan Air Selangor merupakan pra syarat utama demi:

- i) Menjamin bekalan air terawat mencukupi bagi menjamin kegunaan isi rumah dan industri;

- ii) Perkhidmatan air efisien bebas gangguan serta caj yang berpatutan dan tidak membebankan rakyat;
- iii) Berakhirnya perjanjian konsesi berat sebelah yang hanya memberikan keuntungan berlipat ganda kepada pemegang konsesi;
- iv) Pemulangan semula aset-aset berkaitan air kepada rakyat dan kita telah mencadangkan dalam bentuk saham air untuk rakyat.

Malangnya segala penat lelah dan jerit perih pegawai kerajaan dan pentadbiran sebelum ini yang terlibat dalam perbincangan selama ini untuk mencapai satu persetujuan akhir seperti sia-sia saja apabila pentadbiran yang baru sering membuat kenyataan berubah-ubah mengenai penstrukturan semula industri air. Ini saya kira bukan mengelirukan semua pihak malah menyerlah kelemahan kita sendiri untuk menentukan pelaksanaan perjanjian yang kita tandatangi. Malah ada pihak membuat andaian mungkin sebenarnya ini helah untuk menggagalkan usaha murni rakyat, saya tidak percaya kenyataan yang ini sebab tujuan kita berada di dalam Dewan adalah untuk kepentingan rakyat. Dakwaan songsang utama ialah kononnya Selangor akan hilang kedaulatan 26,000 km jajahan tanah di mana terdapat aset yang berkaitan.

Untuk makluman Dewan, kita sudah hilang PUAS (Perbadanan Urus Air Selangor) yang menguasai semua aset-aset Selangor ini telah diserahkan kepada SYABAS dan SYABAS tidak juga mengambil itu dan hanya diberikan kuasa untuk menggunakannya. Dan saya ingin nyatakan dalam Dewan ini, kita sendiri semasa itu tidak tahu aset-aset yang kita ada itu. Tetapi dalam usaha yang dibuat oleh pentadbiran kita, kita telah membuat kajian dan menentukan aset-aset 26,000 km ini ada sudah dikuasai oleh negeri dan ia tidak akan dipindah milik mutlak kepada Pengurusan Aset Air Selangor sebagai agensi Kerajaan Persekutuan sebagai timbal balas pada dana Kerajaan Persekutuan untuk membiayai pampasan ekuiti RM2 bilion tidak, dia tidak digunakan untuk itu. Walaupun aset yang kita buat kiraan itu melebihi kesebelas dua belas ada kalanya lebih tinggi ribu juta. Jadi tidak masuk akal untuk memberikan RM12,000juta untuk sebagai memberikan sandaran kepada pemberian RM2 bilion kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang mesti kita uruskan sebab aset-aset yang kita buat itu tidak mempunyai *title* yang sudah dikenal pasti, ini adalah kerana kita tidak memandang aset air itu penting sebelum 2008. Jadi oleh sebab itu, kita kena ada membuat apa yang dipanggil menentukan jaluran itu dan *survey* yang dipanggil *land survey*, dia memakan masa yang sangat lama. Jadi oleh sebab itu kita cadangkan aset itu diberikan dan kita hanya membenarkan kuasa kepada RM2,000juta.

Hakikatnya aset berkenaan termasuk tanah milik kerajaan negeri sebab mereka yang mengkaji Kanun Tanah Negara. Pemilik aset tanah adalah pemilik harta-harta

yang di atasnya dan di bawahnya yang hanya dipindahkan selama 45 tahun sahaja kepada Kerajaan Persekutuan di mana tempoh tersebut aset air akan dipajakan semula kepada Pengurusan Air Selangor Berhad yang kita namakan Air Selangor. Pengendali Perkhidmatan Air Anak Selangor, Air Anak Syarikat Kerajaan Negeri dengan sekadar sewa pajakan yang akan ditentukan secara sepakat di antara kerajaan negeri dan PAAP. Sesuai tempoh pajakan tersebut PAAP akan memulangkan semula semua aset berkaitan dengan air kepada kerajaan negeri selaku pemilik yang sah. Sebenarnya sebagaimana yang kita saksikan bukan sahaja di Negeri Selangor termasuk juga di negeri-negeri Penang, Melaka, Negeri Sembilan telah berjaya menyusun semula industri air sebelum ini. Kemudian timbul pula dakwaan ada orang yang mempertikaikan keupayaan Kerajaan Persekutuan menyempurnakan penstrukturan semula industri air, memandangkan kedudukan fizikalnya sebagai hampir bankrap. Oleh sebab itu ia tidak ada duit untuk membiayai RM20,000juta. Itu bukan masalah negeri dan saya tidak percaya RM20,000juta adalah satu perkara yang sangat kecil untuk kerajaan negeri. Saya ingin jelaskan di sini, kerajaan negeri juga boleh membayar RM20,000juta itu melalui satu pinjaman daripada bank-bank dan dibayar. Sebenarnya kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa mutlak untuk membuat pinjaman tersebut sebabnya kerajaan negeri hanya boleh membuat pinjaman setelah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan. Jadi oleh sebab itu, tak perlu kita bincangkan bagaimana hendak meminjam, juga kita fikirkan dan saya sendiri memikirkan. Kita boleh gunakan *reserved* kita RM2,000 juta yang kita ada juga tapi apa guna kita gunakan *reserved* kita sebab ada orang yang hendak meminjamkan kepada kita, memberikan kepada kita untuk membayar tersebut. Jadi alasan ini saya rasa tidak boleh digunakan untuk tidak meneruskan usaha ini sebab perjanjian itu memberikan pendirian Kerajaan Persekutuan memberikan kita RM2,000 juta sebagai satu usaha untuk menyelesaikan penyusunan semula. Berdasarkan itu saya rasa sangat setuju untuk pendekatan bersemuka dan berbincang untuk mencapai titik persefahaman. Saya menyeru Dato' Menteri Besar dan Dewan yang mulia ini agar menghentikan serta-merta. Kita tidak usah berdolak-dalik tetapi teruskan usaha untuk mencapai satu persetujuan kerana kita terlalu lambat, banyak perkara lagi penyelesaian operasi yang mesti kita lakukan.

Dan komitmen kerajaan negeri yang akan memenuhi semua terma yang sarat yang telah digariskan dalam Perjanjian Utama. Antara lain menyempurnakan penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Selangor dengan mengambil alih dan menggabungkan operasi aset, Operasi Aset Liabiliti kesemuanya empat syarikat konsesi iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Syarikat Pengeluaran Air Selangor (SPLASH), Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) dan Konsortium ABASS (ABASS) di bawah Syarikat Air Selangor milikan Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Syarikat baru ini bakal mengendalikan perkhidmatan huluan ekstraksidan rawatan dan hiliran pengagihan air ke seluruh negeri. Kedua menamatkan serta-merta perjanjian penswastan dengan syarikat konsesi yang sememangnya merugikan rakyat demi menghalang kenaikan tarif berjadual keseluruhannya sekurang-kurangnya 82%

bermula pada 2009 (37%), 2012 (25%), 2015 (20%). Ketiga memastikan kos keseluruhan penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air ini tidak melebihi RM9.65 bilion terdiri daripada pampasan ekuiti kepada empat konsesi bernilai RM2 bilion dan penyelesaian 100% hutang mereka bernilai RM7.65 bilion yang dibuat oleh PAAP dan tak ada perlu mendapatkan cagaran daripada kerajaan Negeri Selangor.

Memastikan tiada kenaikan tarif air dalam tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun dan pada masa hadapan kadar yang munasabah kenaikan air yang saya harap tidak melebihi 15% setiap kali kenaikan. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk sekali lagi menegaskan dengan lantang dan jelas betapa pentingnya Kerajaan Negeri memberi jaminan kos penstrukturan semula tidak melebihi RM9.65 bilion yang merupakan tawaran yang amat munasabah kerana *materiality* penilaian yang diguna pakai oleh kerajaan negeri iaitu pulangan ekuiti tahunan tanpa *compounding* pada kadar 12% adalah satu klausa yang wujud dalam perjanjian penstrukturan dengan syarikat-syarikat konsesi air. Klausa ini menghalang Kerajaan Negeri dari mengguna pakai kaedah *discounted cash flow* dan *nett asset value* yang lazimnya memberi pilihan menaksir nilai yang lebih tinggi dan pampasan yang sangat besar. Untuk mengguna pakai kaedah pulangan ekuiti tahunan 12% ini, konsisten dengan tema syarat perjanjian tersebut, selari dengan konsep mengekalkan kesucian kontrak yang sah di sisi undang-undang adalah tidak adil dan tidak munasabah sekiranya kaedah ini tidak seragam kepada semua syarikat untuk memenuhi permintaan mana-mana syarikat konsesi. Kegagalan memastikan penyusunan-penyusunan semula ini dimuktamadkan segera sebenarnya jika kita gagal dan merugikan penduduk bukan sahaja di Selangor, di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang hanya mahukan perkhidmatan air bersih tanpa gangguan pada tarif yang berpatutan. Sebagai contoh Perjanjian Utama dimaterikan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membina paip air dari Sungai Pahang ke Loji Semenyih sebagai tindakan sementara untuk menyalurkan lebihan tanpa melibatkan apa-apa bayaran daripada Kerajaan Negeri. Duli Yang Maha Mulia juga telah bertitah agar semua pihak berganding bahu kerjasama dan memastikan keharmonian dan kemakmuran negeri dan rakyat saya kira amatlah perlu Kerajaan Negeri memastikan pentadbiran kita sangat bersih tanpa rasuah dan rakyat yang akan menerima hasil yang terbaik daripada kita.

Tuan Speaker, saya ada lagi satu topik saya, saya faham tentang 15 minit. Satu ialah mengenai sistem tender terbuka sebagai kontrak Kerajaan Negeri. Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Pentadbiran Negeri Selangor pada tahun 2008, di mana saya dilantik sebagai Menteri Besar antara kejayaan yang kita tempuh adalah menggantikan terus dengan pelaksanaan sistem tender terbuka sebagai mana yang kita semua tahu dan yakin mampu mengelakkan gejala ketirisan pembaziran dan amalan *corruption* apa pentadbiran yang saya laksanakan ialah memilih sebut harga yang paling *competitive* daripada pelbagai *vendor operator* dan memberi memenuhi yang ditentukan *natijah nya* tidak langsung daripada sistem tender terbuka ini ada

pengurangan dan untuk mengelakkan pengurangan orang tengah dalam usaha kita untuk menghapuskan kelas *rentier* atau *kroni elite* yang selama ini mendapat kontrak lumayan dengan mengorbankan hak dan kepentingan rakyat. Namun saya rakyat terkejut juga dan curiga dengan kenyataan Y.A.B. Dato' Menteri Besar di dalam Dewan yang mulia pada 28 November 2014 bahawa Kerajaan Negeri telah menukar pendekatannya daripada pelaksanaan tender terbuka dan pemilihan kontraktor dengan alasan penukaran kontraktor kepada tender atau sebut harga termurah didakwa merbahaya dan boleh memberi implikasi buruk. Perkara ini perlu dikaji sebab dalam kajian kita selama 5 tahun dulu tidak ada bezanya hasil menggunakan cara yang terendah dengan cara yang dipilih. Jadi bahawa pendekatan penggunaan kontrak Kerajaan Negeri boleh memastikan hanya kontraktor yang layak dan kompeten untuk memudahkan mana-mana projek tugas dalam masa yang kita ditetapkan. Perubahan dasar ini jelas tidak mencabar kewarasan minda kerana sistem tender terbuka dengan pendekatan sedemikian di era pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab terbukti selama ini kita telah dapat menjimatkan sekurang-kurangnya RM100 juta setiap tahun. Ingin saya menegaskan bahawa pendekatan baru ini sebenarnya bakal mengundang bencana kepada tata kelola dan urus tadbir Kerajaan Negeri serta kemasyarakatan umum akibat gagal memberi perhatian yang sewajarnya kepada aspek *value for money* demi mencapai hasil kerja perkhidmatan bermutu tinggi pada harga dan *charge* berpatutan. Malah saya yakin Ahli Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya bahawa memilih tender atau sebut harga yang paling *competitive* berdasarkan aspek dapat merupakan salah satu kaedah yang berkesan untuk membendung selanjutnya membasmi gejala rasuah. Oleh sebab itu saya telah meminta supaya PAC mengadakan perbincangan bagaimana untuk menentukan bahawa pelaksanaan tender-tender ini dapat memberikan kebaikan kepada negeri Selangor.

Keadaan sistem terbuka berdasarkan prinsip *value for money* selanjutnya menjurus kepada satu permasalahan kroni iaitu berkaitan dengan kebersihan sekarang sudah terdapat keadaan kebersihan dan kesihatan awam yang mana kita dapat ramai masyarakat masih dalam keadaan tersebut. Saya faham sukarnya pelaksanaan perkara saya sangat faham tetapi kita tidak lah sepatutnya membenarkan perkara ini sebagai alasan bahawa sistem pembersihan dan kesihatan awam dapat dikawal. Saya meminta supaya Kerajaan Negeri membuat beberapa usaha inovatif semasa saya di *Australia* saya telah berbincang dengan *CSIRO* iaitu *research* untuk membolehkan bagaimana kita dapat membuat vaksin untuk menyelesaikan masalah nyamuk aedes dan saya Kerajaan Negeri mungkin ada baiknya untuk mengadakan hubungan dengan kumpulan tersebut supaya Kerajaan Negeri sendiri membenarkan kajian dibuat untuk Negeri Selangor dan jika berjaya kita sudah dapat menyelesaikan satu masalah yang sangat besar. Di *Cuba* saya dapati walau pun Negara itu Negara miskin tetapi cara mengatasi masalah nyamuk aedes apa semua itu ialah *the whole community effort* dia ada satu sistem *the whole community effort* walau pun miskin dia lebih bersih daripada apa yang dihadapi di Negara kita. Jadi saya memberi sepatah dua kata nasihat bahawa Dato' Menteri Besar tempoh bulan

madu sudah berakhir lah jadi bererti malah kita mesti berusaha untuk kita hentikan usaha politik tetapi usaha menentukan bahawa rakyat kita utamakan dan kita tunjukkan kepada mereka bahawa kesinambungan usaha kita seperti yang kita janji di pilihanraya yang lepas dapat dilakukan. Sebagai langkah awal saya menuntut maklumbalas lengkap juga bagi soalan-soalan yang saya tulis di dewan ini tapi masih belum terjawab jadi minta dilakukan.

Sekiranya masih gagal untuk menyelesaikan perkara ini jadi kita mesti menerima hakikat bahawa tindakan di ambil jadi kita mesti mencari kepimpinan yang dapat memberikan hasil dan kepuasan kepada rakyat saya tidak berminat dalam hal kepimpinan ini jadi saya minta supaya dewan bersedia untuk membuat perubahan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dusun Tua

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, Salam Sejahtera, Tuan Speaker, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan junjung kasih menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan baru-baru ini.

Tuan speaker, izinkan saya memetik dan membaca beberapa ayat *al-Quran* bagi menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaras dengan tuntutan syariah yang merupakan satu gagasan penting dalam Islam yang sentiasa relevan dengan perubahan zaman. Objektif utamanya ialah untuk memenuhi (6) enam keperluan asas kehidupan manusia, iaitu menjaga agama, menjaga akal, menjaga diri, menjaga keturunan, menjaga harta, dan menjaga kehormatan diri. Matlamat akhirnya adalah untuk menjamin berlakunya kebajikan dan menegakkan keadilan yang semua manusia. Allah Firman: *A'uzubillahi Himinassyaiton Nirrojim* ( ayat *al-Quran*)*Maksudnya: sekiranya penduduk sebuah negeri itu beriman serta bertakwa tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu-pintu pengurniaan yang melimpah ruah berkatNYa dari langit dan bumi* – Surah Al-Anfal ayat 96

*“Seterusnya jika mereka mahu beriman nescaya kami beri kekayaan yang sangat luas di setiap penjuru kepada mereka dan kami mudahkan mereka mendapat ganti daripada hukuman yang telah menimpa mereka, menuju kepada (ayat al-Quran)”*

Berasaskan kepada ayat di atas, maka jelaslah kepada kita sebuah negeri yang beriman dan yang berkebajikan tatkala mereka memenuhi segala pra-syarat yang telah ditetapkan natijah daripada perakuan yang baik sudah pasti dapat dilihat disaksikan untuk membina negeri dan peradaban yang soleh pembinaannya yang sebenarnya dari dua pihak iaitu pemimpin dan juga rakyat jelata sepertimana antara perkara yang perlu diambil perhatian sebagai pemimpin yang pertama (1) Berlaku adil dan saksama bersifat mesra rakyat yang ketiga(3) turun padang dalam



membantu dan menyelesaikan kemelut rakyat yang keempat(4) melaksanakan perintah Allah SWT dan yang kelima(5) menjauhkan segala larangan Allah SWT kedua-dua ini boleh ditubuhkan satu badan yang dipanggil *hisbah* atau pun *amal makruf nahi mungkar*.

Seterusnya kebijaksanaan dan mempunyai kefahaman yang baik sanggup mendengar nasihat dan rintihan rakyat, sifat ketenangan hikmah amat penting dalam mengemudi rakyat, melaksanakan keputusan berdasarkan *shura* dan *masalah* untuk agama. Sementara tanggungjawab rakyat dengan kerajaan yang pertama(1) melaksanakan arahan pemerintah, yang kedua(2) Mengikut taat setia atau pun *bai'ah* yang ketiga(3) Sabar atas kerendah atau ujian yang berlaku sentiasa tolong menolong sesama kita seterusnya tidak menyuarakan keadaan dan akhirnya menasihati pemerintah jika mereka mempunyai ilmu. Kerugian bagi yang melanggar prinsip tuhan sebagaimana manusia yang mentaati perintah tuhan Nya dan mensyukuri nikmat tuhan Nya akan dikurnia dengan pelbagai kemewahan dan nikmat di samping ketenangan dan kebahagiaan maka begitulah juga sebaliknya mereka yang melanggar prinsip tuhan akan menimpa pelbagai warna kerugian.

Tuan Speaker, saya terus sahaja menyambung apa yang telah dibahaskan oleh Paya Jaras semalam berhubung dengan kerisauan Duli Yang Maha Mulia Sultan iaitu tanah rizab Melayu yang sekarang ini makin terhakis tetapi tidak diganti seperti mana yang telah ditetapkan dalam perlembagaan. Sedikit sejarah rizab tanah Melayu ini yang saya sempat mencarinya iaitu semasa penjajahan *Inggeris* meninggalkan kita keluasan tanah rizab Melayu ketika itu, adalah seluas 3 juta hektar iaitu pada tahun 1995.

Sekarang mengikut statistik terkini iaitu dari laporan Ketua Audit Negara 2013 setakat bulan Februari 2014 keluasan tanah rizab Melayu yang belum disahkan adalah sebanyak 399997.27 ekar yang tinggal setakat Februari 2014 (395946.50 ekar) pada umumnya pengurangan keluasan ini adalah disebabkan beberapa faktor antaranya yang pertama pengambilan tanah oleh pihak kerajaan atau swasta untuk pembangunan, pambandaran dan pertanian moden dan perlombongan. Yang kedua penjualan tanah oleh individu kepada golongan kapitalis kerana mengejar keuntungan segera. Yang ketiga penggadaian tanah disebabkan kemiskinan. Keempat penjualan, penggadaian disebabkan ketidakmampu membayar cukai yang tinggi di setengah-tengah kawasan. Yang kelima pembukaan kampung-kampung baru. Yang keenam penganugerahan konsesi balak oleh kerajaan negeri. Yang ketujuh permohonan untuk menarik status tanah rizab Melayu dan seterusnya penarikan balik status tanah rizab Melayu disebabkan mempunyai sumber galian oleh kerajaan. Tuan Speaker dari pembacaan saya terdapat tiga jenis tanah rizab Melayu ini yang pertama tanah rizab Melayu yang berstatus kerajaan, tanah rizab Melayu yang dimiliki oleh orang Melayu dan tanah rizab Melayu yang dimiliki oleh kaum bukan Melayu sebelum 1957. Satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan di sini adalah beberapa masalah yang sering melanda tanah rizab Melayu ini. Di antara

nya tanah rizab Melayu yang tidak bermilik disebabkan oleh kematian dan sistem rekod yang kurang kemas. Yang kedua masalah pewaris-pewaris yang berebut harta dan tidak berkesudahan. Yang ketiga tanah rizab Melayu yang tidak ekonomik dan yang keempat tanah rizab Melayu yang terbiar dan tidak diusahakan. Jadi perkara-perkara ini sepatutnya sama-sama kita menyedari, sama-sama kita mencari jalan terbaik untuk kita merancang, mengurus, mentadbir dan memantau tanah rizab Melayu ini pada masa akan datang supaya ia boleh memberi manfaat maksimum pada tanah tersebut dan juga pada bangsa Melayu yang merupakan penduduk natif ataupun peribumi untuk mencari penyelesaian ini kita perlu melihat dari berbagai-bagai sudut. Yang pertama tanah perlu dilihat sebagai asas pembentukan negara, bangsa. Tanah adalah lambang kedaulatan sebuah bangsa atau satu kaum. Kedua tanah tidak perlu dilihat sebagai satu komuniti untuk dijual beli sahaja. Sebaliknya perlu dilihat sebagai satu faktor ekonomi bagi menjana ekonomi bangsa. Di antara tindakan ataupun langkah-langkah yang boleh kita fikirkan bersama terutamanya bagi pihak kerajaan, ada beberapa perkara yang saya cadangkan di sini. Yang pertamanya mengujudkan satu badan khas seperti lembaga amanah tanah rizab Melayu. Jadi badan ini perlu diberi kuasa menurut undang-undang untuk menetapkan dasar-dasar dan penerangan bagi melindungi, memantau, membangun, memajukan tanah rizab Melayu pada masa akan datang. Badan ini juga perlu menjaga bekalan saiz tanah rizab Melayu serta memberi khidmat nasihat profesional untuk memajukan tanah tersebut. Yang kedua tanah rizab Melayu yang tidak bermilik boleh diuruskan oleh badan ini tadi dan hasilnya dimasukkan ke dalam dana khas untuk kepentingan dan keperluan orang-orang Melayu. Yang ketiga menubuhkan jawatankuasa khas di peringkat kampung dan mukim yang akan memantau sebarang proses pembangunan dan bertindak sebagai benteng hadapan pertahankan tanah milik Melayu ini dan jawatankuasa ini perlu juga terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Dan keempat mewujudkan jawatankuasa majlis tanah milik natif Melayu yang bertanggungjawab menjaga kepentingan tanah yang menghadapi konflik seperti pertikaian hak warisan tanah, pampasan dan lelongan oleh institusi kewangan dan sebagainya. Yang kelima memperkasakan tugas dan tanggungjawab penghulu kampung mukim, ketua-ketua kampung untuk memantau dan memberi informasi pada orang-orang kampung tentang menjaga kepentingan tanah rizab Melayu ini. Dan kelima mengadakan rundingan dan konsultasi dengan pihak kerajaan dengan menghalang penguasaan monopoli oleh modal-modal bagi mengambil tanah rizab Melayu ini. Dan yang kelima mendidik masyarakat kampung khususnya golongan muda mengenai tanah sebagai aset serta melatih mereka bagaimana merancang dan mengendalikan kepentingan tanah milik keluarga bagi menjana pendapatan keluarga. Tuan Speaker, walaupun masalah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, dah merah dah tu. YB Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, lampu dah merah dah tu.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Ya. Macam mana banyak lagi tak selesai.  
(ketawa)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Habiskan dalam 1 minit Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:**Saya pun tersilap sepatutnya saya ambil bahagian dalam hari yang pertama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan, teruskan 1 minit.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:**Tapi , saya rasa Tuan Speaker boleh bagi ruang kot, pasal ada benda yang di tempat saya ni perlu diselesaikan segera. Ada kaitannya dengan *Marqasid Syariah* ini. Tuan Speaker, sehubungan dengan perkara tanah rizab Melayu ini, saya mengambil kesempatan ini juga mengajak supaya terutamanya pihak kerajaan mestilah melihat yang tanah-tanah milik kerajaan ini seperti tanah TOL dan rizab-rizab kerajaan, yang ada sekarang ini perlu kita memajukannya ya. Ataupun perlu kita menggunakan, memanfaatkan semaksimum yang boleh kerana kita lihat banyak tanah-tanah yang kosong ini terutamanya sebagai contoh di tempat saya ya, di DUN Dusun Tua sepatutnya tanah tu telah dibangunkan dalam apa cara sekalipun terutamanya kita nak jadikan tanah-tanah yang banyak, yang luas ini sebagai hak pertanian sama ada bercucuk tanam ataupun kita menternak binatang-binatang . Inisepatutnya tetapi tanah-tanah yang ada ini dibiarkan begitu sahaja. Contohnya macam ditempat saya dah kerap juga ya saya sebutkan dalam dewan ini iaitu satu tempat dinamakan Kampung Semunggis, tempat tanah itu diserahkan kepada PKPS sebanyak 600ekar . apabila saya diamanahkan, dipilih menjadi wakil rakyat di Dusun Tua, saya dimaklumkan bahawa tanah itu dah 40 tahun lebih tidak diusahakan. Saya pergi tengok tanah itu, menjadi hutan rimba. Sedangkan penduduk setempat, anak-anak muda sekarang ini, mereka ini pergi ke pejabat saya minta ada tanah-tanah kosong untuk mereka ini hendak bercucuk tanah, mereka ini hendak membela lembu dan kambing, ayam kampung tapi tanah tak ada. Jadi kerana itu, dalam suasana ini saya minta supaya pihak kerajaan mempertimbangkan tanah-tanah sama ada tanah PKPS ataupun tanah TOL ini diberikan kepada pemuda-pemuda ini ataupun yang berminat di tempat-tempat sendiri supaya mereka ini diberikan tanah-tanah ini, dikenakan mereka ini sama ada TOL ataupun pajakan dan kerajaan dapat hasil ya, daripada pajakan ataupun TOL tahunan ini ya. Dan juga dalam kita menyahut tema belanjawan kerajaan 2015, iaitu pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan. Sekarang ini rakyat lain pula ia punya persepsinya. Rakyat dia tak peduli yang kita buat, apa tapi mereka hendak apa yang mereka mahukan. Oleh sebab itu dalam beberapa perkara saya nampak sekarang ini rakyat selalu merungut ataupun rakyat selalu memperkatakan sesuatu berhubung dengan apa yang dikatakan rakyat dipedulikan ini. Satu contoh di tempat saya iaitu beraku di Sg. Long di mana satu Taman di Sg. Long di tepi taman itu sekarang ini masih lagi kekal kuari ataupun tempat pecah batu ini sedalam kuari

itu ialah 200 meter ya yang mana penduduk di sekeliling nya telah berjumpa dengan saya menyatakan bahawa mereka tidak sanggup lagi duduk di kawasan keliling kuari itu kerana setiap kali letupan dibuat rumah-rumah mereka akan bergegar dan mereka akan merasakan sesuatu yang makin lama,silap-silap mereka tengah tidur rumah mereka runtuh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dusun Tua, tolong simpulkan , Dusun Tua, akhirkan ayat, dah 2 kali merah tu.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Kalau saya simpulkan, tak tahu hujung pangkal ni. Ya saya pun tak tahu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Habiskan ayat tu.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Dan saya minta supaya setiap projek perumahan nak dibina sepatutnya agensi pelaksana yang bertanggungjawab, sama ada pejabat tanah ataupun PBT macam di kawasan ini PBT Majlis Perbandaran Kajang. Mereka ini menyemak dan meluluskan apa yang dipanggil peringkat awalnya iaitu apa yang dipanggil, nak meluluskan ni, dah lupa dah, KM iaitu Kebenaran Merancang. Sepatutnya mereka kena lihat dulu sesuai atau tidak tempat ini dibangunkan sebagai tempat perumahan tetapi ini berlaku dan penduduk sekarang ni minta supaya saya membawa perkara ini untuk kalau boleh sedalam 200meter tempat itu sekarang ini merekahendak supaya kerajaan negeri mempertimbangkan untuk tidak diberi lagi permit untuk meneruskan kerja-kerja untuk memecah batu di kuari itu , ya. Dan seterusnya saya minta juga supaya pihak negeri mempertimbangkan juga ya, iaitu berhubung dengan lalu lintas di DUN ataupun di tempat saya ini biasanya hari puncak, waktu puncak dan juga hari-hari cuti umum di Dusun Tua ini ramai sekarang orang yang dah pergi ke sana kerana banyak tempat-tempat relah dibuat di sana dan jalan biasanya memang cukup teruk jam. Puncanya saya telah berbincang dengan pihak JKR. JKR menyatakan ialah puncanya di *traffic light* di Batu 14 ya. Depan sebuah masjid Batu 14 itu simpang pergi ke Ampang dan JKR kata kalau nak selesai masalah ini maka masjid yang ada itu perlulah diubah ataupun dipindahkan ke tempat lain dan sekarang ini tapaknya telah ada iaitu di Batu 14 dipanggil Taman Seri Nanding dan saya minta supaya pihak JAIS dan kerajaan pertimbangkan ini untuk dipercepatkan perpindahan masjid itu dan masjid itu bukan diroboh ya tapi diambil sebahagian sebelah depannya untuk dibesarkan ya jalan di situ. Dan saya tengok Speaker pun dah banyak kali menegur saya..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih faham. Hujungkan , habiskan ayat..

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Dan saya agak tergangguah dengan apa ni, dengan Speaker dan saya rasa kalau saya nak sambung lagi pun tak, tak boleh dan saya mengucapkan terima kasih Tuan Speaker memberi saya masa yang banyak,

yang lebih sikit. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya ini dengan ucapan *Wabillahitaufik Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan saya menyokong ya, titah ucapan D.Y.M.M. baru-baru ini. *Wallahualam*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Timbalan Speaker yang *handsome* hari ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Kota Damansara mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah D.Y.M.M. Sultan Selangor. Menjelang 2013 rakyat Malaysia dijangkakan berhijrah dan menduduki negeri Selangor adalah seramai 9 juta orang kerana ingin menikmati kemakmuran dan kepesatan ekonomi di negeri ini namun sejauh manakah rakyat Selangor akan berasa tenteram dan terjamin dengan penyediaan rumah kediaman yang dijangka akan meningkat dari masa ke semasa terutama untuk golongan graduan muda dan kelas menengah. Di mana letaknya konsep pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan untuk direalisasikan oleh Kerajaan Negeri. Adakah cukup dengan janji Y.A.B. Dato' Perdana Menteri, Dato Perdana, Dato' Menteri Besar, Perdana Menteri pula (ketawa ramai) tiada, tiada tarik balik, tak jadi. Dato' Menteri Besar, jangan berangan (ketawa ramai) .. menyediakan rumah Selangorku 3 tahun cukup melegakan hati rakyat Selangor. Pada masa yang sama kadar permintaan rakyat terhadap perumahan mampu milik ini telah mencecah 40 ribu unit. Benarkan dengan jaminan yang bersifat populis kerajaan negeri telah *lock* (dengan izin), dalam persidangan dahulu dengan meletakkan RM42 ribu hingga RM250,000.00 nilai bagi rumah Selangorku. Adakah janji muktamad kerajaan negeri bahawa nilai harga rumah Selangorku akan kekal untuk selama-lamanya. Statistik lembaga perumahan dan hartanah Selangor merekodkan sebanyak 1682 unit rumah Selangorku siap sepenuhnya, 4720 unit masih dalam pembinaan dan sebanyak 14,344 unit masih belum dibina. Adakah dengan pencapaian 8.1% wajar dibanggakan oleh kerajaan negeri Selangor, berbanding 20,746 unit yang sepatutnya siap dibina seperti yang dijanjikan kepada rakyat Selangor.

Persoalannya dimanakah letaknya projek pembinaan rumah mampu milik yang berjumlah 5774 unit rumah yang dilancarkan pada pertengahan Mac 2015 melalui kerjasama oleh *Sime Darby Properties, IJM Land* dan *WCT Holdings Berhad*. Begitu juga dengan 9 projek rumah *Selangorku* yang berjumlah 11,833 unit yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Adakah rakyat sepenuhnya mengetahui pelaksanaan projek tersebut berdasarkan data daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sebanyak 55 projek rumah Selangorku akan dibina meliputi 8 daerah di negeri Selangor? Petaling 9 projek, Klang 5, Gombak 8, Kuala Selangor 4, Hulu Selangor 5, Sepang 4, Kuala Langat 1 dan Hulu Langat 19 projek tetapi tanpa lokasi yang spesifik. Apabila diteliti secara mendalam, mengapakah projek ini tidak dibuat atau dirancang di daerah Sabak Bernam? Adun Sabak Bernam pun pernah berkata adakah penduduk Sabak Bernam penduduk kelas ketiga? Adakah

daerah tersebut tidak mempunyai rakyat negeri Selangor? Mengapakah hak rakyat di daerah tersebut dinafikan? Apakah *significant* laungan rakyat dipedulikan? Tetapi tidak mewujudkan rumah *Selangorku* di daerah Sabak Bernam ini. Bagaimana pula dengan sumpah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor sebelum ini yang menjanjikan mendahului rakyat.

Timbalan Speaker, pada 22 Februari 2014 tarikh keramat katanya apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor merasmikan Majlis Pecah Tanah Selangor dan menandatangani Perjanjian Persefahaman di sebahagian tanah milik *Menteri Besar Selangor Incorporated*, berkeluasan 68.24 ekar di Sungai Sering, Hulu Kelang, Gombak Selangor. Persoalannya, mengapa status pembinaan kini masih di peringkat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan? Bagaimana untuk mempercepatkan proses kelulusan tersebut? Berapa minit nak bagi saya? Berapa minit nak bagi saya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bila lampu itu kuning, *standby*.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Haa, *standby*, so, minta maaf..duduk. Tak ada masa. Mengapa hanya 2 projek apartmen sahaja dibina yang meliputi 624 unit di peringkat permulaan dan mengapa tidak 2,496 unit? Mengapa harga jualan dibuka kepada rakyat bermula di antara RM220,000.00 hingga kepada RM250,000.00? Di manakah pula rasionalisasi tema, *Rakyat Dipedulikan* dengan menawarkan nilai rumah ini bermula RM42,000 seperti yang dijanjikan dalam persidangan lepas? Jangan aniaya rakyat Selangor. Persoalan berikutnya pula, berapa ramai jumlah pembeli yang telah pun membeli unit rumah tersebut? Pohon YB yang bertanggungjawab tidak menggunakan alasan-alasan lapuk seperti tidak cukup bajet, tidak ada kerjasama dari kerajaan pusat atau satu ribu satu alasan sekiranya projek ini tidak mencapai matlamat yang diuar-uarkan dalam sidang yang mulia ini. Saya ingin mendengar apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri. Jaminan apakah rumah *Selangorku* tidak mengetepikan pembangunan komuniti mampan apabila berlaku banyak kelompong dalam projek ini.

*Skim Pembiayaan PerumahanSelangorku*, DanaSel dalam persidangan lepas, saya dimaklumkan bahawa skim ini mempunyai peruntukan sebanyak RM10 juta, melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bertujuan menyelesaikan masalah peneroka bandar dengan menggunakan konsep sewa dan beli. Isunya di sini adalah, mengapa 139 orang penghuni Bukit Botak yang mendiami kawasan perumahan Taman Selayang Mutiara yang sekian lama mempunyai masalah mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan tidak ditawarkan melalui skim ini. Adakah mereka bukan peneroka bandar? Mengapa mereka tidak dimaklumkan berkenaan skim ini sebelum menawarkan kepada pembiayaan konvensional melalui Maybank Seksyen 14 Shah Alam yang telah diuar-uarkan dalam media massa baru-baru ini. Mengapakah peruntukan ini disalurkan kepada peneroka bandar di Kem

Rimba, Jalan Mengkuas 16/19 Seksyen 16 Shah Alam, yang kini status pembinaan tidak diketahui dan Sungai Sering di Hulu Kelang yang masih lagi di peringkat mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Di manakah ketelusan kerajaan negeri dalam konteks pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan? Adakah peruntukan akan disimpan dan kemudian dimasukkan terus ke rizab negeri di kemudian hari?

Timbalan Speaker, yang bijak bestari. Hei, bukan bodek ya. Bukan kipas juga. Kota Damansara bersama rakyat Seksyen 8, PPR Kota Damansara amat bersedih dan bersimpati ke atas tragedi yang sangat menyayat hati yang berlaku kepada Allahyarham Adik Haziq pada 28 Januari 2015 di Blok B, jatuh daripada tingkat 6 disebabkan *railing* yang telah reput. Tragedi ini adalah tragedi kedua selepas tragedi yang pertama berlaku kepada seorang anak India di Blok D pada tahun 2013. Aduan telah dibuat malangnya tindakan pemuliharaan dan naik taraf tidak dilakukan secara menyeluruh. Apakah skop kerja menaik taraf yang diberi dan diumumkan oleh EXCO kerajaan negeri sebanyak RM5 juta yang diumumkan baru-baru ini? Saya inginkan penjelasan daripada Exco kerajaan negeri supaya perkara ini tidak akan berulang kembali. Saranan saya kepada kerajaan negeri berilah komitmen yang serius untuk menangani masalah ini. Percepatkan kerja baik pulih, laksanakan kerja-kerja naik taraf secara menyeluruh. Jangan buat kerja seperti melepaskan batuk di tangga. Jangan sampai tragedi berulang kali ketiga.

Petang kelmarin, 31.3.2015 banjir kilat juga berlaku di Kota Damansara, di Jalan Jati, di Jalan Merbau, di PKNS, di Taman Warisan melibatkan lebih kurang 200 buah rumah. Ini adalah kawasan perkampungan. Kota Damansara telah menyarankan di sidang dewan yang lepas kepada kerajaan negeri untuk memperuntukkan perbelanjaan untuk menaiktaraf sungai dan perparitan di kawasan Kg. Melayu Subang. Tahun 2006, adalah tahun terakhir kerja-kerja naiktaraf ini. Kota Damansara menggesa kerajaan negeri sekali lagi untuk memberi sejumlah peruntukan untuk menaiktaraf sungai Damansara dan juga perparitan di kawasan Kg. Melayu Subang kerana kita dah tak nak, melihat rakyat bersusah payah untuk membersihkan rumah apabila keadaan banjir kilat ini berlaku setiap masa. Saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, katanya, '*Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan*', Kota Damansara tertanya-tanya, adakah ia realiti atau hanya janji? Atau hanya gimik politik kerajaan negeri untuk meraih sokongan dan simpati pengundi? Pesanan Kota Damansara untuk Adun dalam dewan ini, jangan bersifat angkuh dan sombong diri. Asyik melihat kesalahan orang lain tanpa cermin diri sendiri, isu dipolitikkan tak henti-henti, macam sempurna sangatlah kerajaan ini. Ingatlah, sedarlah, muhasabahlah diri. Dunia ini sentiasa berpusing setiap hari, jari telunjuk menuding orang lain. Jangan lupa jari kelingking juga menuding diri sendiri. Sekian, dengan ini saya menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Dengan mengizinkan Teratai menyertai Perbahasan Usul Menyembah Ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Memang Tuan Timbalan Speaker merupakan seorang yang kacak dan juga ambil bertimbang rasa. (ketawa)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Masa tak tambah dah.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tahniah Teratai ucapkan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang merupakan negeri termaju di Malaysia. Seinggalah UMNO, Barisan Nasional melalui Kementerian Kerajaan Persekutuan menyalin Skim-Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor. Walaupun Selangor menyumbangkan 23.5% daripada keseluruhan keluaran dalam negara kasar, tetapi Selangor tidak mendapat 25% daripada jumlah bajet Kerajaan Pusat. Bukan sahaja Sarawak dan Sabah yang kaya, telah ditindas oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional (UMNO), Selangor juga ditindas oleh Kerajaan Pusat Kerajaan Barisan Nasional (UMNO). Contohnya peruntukan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat yang di bawah kementerian telah dikurangkan sejak tahun 2005 dan juga agensi-agensi kerajaan pusat yang lain adalah juga silap apabila Adun-Adun UMNO Barisan Nasional katakan kerajaan pusat Barisan Nasional (UMNO) melaksanakan GST yang mana kerajaan Selangor akan dapat lebih peruntukan daripada kerajaan pusat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Dalam ucapan Tuanku..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai kebajikan ni

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Sultan Selangor

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi laluan tak?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ada lebih masa tak? Ada lebih masa ke?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak ada.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya kena habiskan lagi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Itu fasal fakta tak betul tu. Kebajikan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dia tak bagi laluan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya kena habiskan lagi. Baru kita membahas, ok. Dalam ucapan Tuanku, Sultan Selangor telah menasihati bahawa perancangan..



**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Selangor, biar saya habiskan dulu. Lepas itu kita akan berbahas nanti.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh tak sikit sahaja. Tak banyak, sikit saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dia tak bagi laluan, duduk dulu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Sekejap nanti ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu, duduk..duduk.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Perlu mengambil kira pertambahan penduduk negeri di mana nisbah tanggungan yang semakin meningkat dan keupayaan untuk memberi tumpuan kepada pendapatan isi rumah. Purata pendapatan isi rumah Selangor adalah RM7,023.00 yang mana lebih tinggi daripada purata pendapatan isi rumah dengan hanya RM5,000.00. Namun dengan pelaksanaan GST oleh kerajaan pusat kerajaan UMNO Barisan Nasional walaupun purata pendapatan isi rumah Selangor tinggi 6% telah dibayar kepada kerajaan UMNO Barisan Nasional setiap kali rakyat berbelanja. Di Selangor kita melaksanakan Skim MES hampir dengan memberi manfaat kepada seluruh warga Selangor daripada pelbagai peringkat umur tetapi kerajaan pusat kerajaan UMNO Barisan Nasional melaksanakan GST dengan mewajibkan..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan boleh?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Pembayaran 6% cukai pada setiap peringkat umur. Dari bayi dilahirkan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai bagi laluan tak? Teratai, bagi laluan tak?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh saya minta penjelasan?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya akan bagi laluan selepas saya habiskan apa yang saya kena bahaskan dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sampai habis masa lah baru nak bagi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Kalau ada masa kita boleh bahas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi laluan, tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Menuduh tapi tak berniat bagi penjelasan. Saya nak minta penjelasan. Tuduh saja.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Biar saya habiskan dulu lepas ni kita boleh bahas.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sama tadi masa Permatang menuduh pun tak bagi masa laluan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Teratai, teruskan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya, terima kasih. Dari bayi dilahirkan kerajaan Pakatan Rakyat Selangor menawarkan Skim TAWAS tetapi kerajaan pusat UMNO Barisan Nasional mengenakan GST terhadap pakaian bayi, shampoo bayi dan sebagainya. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor menawarkan tuisyen percuma kepada pelajar Tingkatan 5 tetapi kerajaan pusat UMNO Barisan Nasional mengenakan GST terhadap alat-alat tulis dan sebagainya. Kerajaan Selangor Pakatan Rakyat menawarkan RM1,000.00 sagu hati kepada mahasiswa tahun pertama tetapi kerajaan pusat UMNO Barisan Nasional mengenakan GST terhadap komputer, barang-barang IT dan sebagainya. Semalam mengikut laporan Sinar ada seorang mahasiswa telah menanya kepada kerajaan pusat Barisan Nasional, apakah yang dikatakan adalah tidak serupa bikin. Apa yang berlaku ialah mahasiswa ini telah diminta untuk membayar lebih apabila mereka tinggal di asrama sekolah. Selain daripada itu, kerajaan Selangor Pakatan Rakyat menawarkan Skim Insentif Perkahwinan Belia tetapi kerajaan pusat UMNO Barisan Nasional mengenakan GST untuk makanan-makanan di restoran ataupun perkhidmatan katering. Kerajaan Selangor Pakatan Rakyat menawarkan Program HIJRAH untuk menolong anak-anak muda tetapi kerajaan pusat Barisan Nasional mengenakan GST dalam urusan-urusan perbankan, hartanah komersial kerajaan Selangor Pakatan Rakyat menawarkan SMUE untuk warga emas tetapi kerajaan pusat Barisan Nasional mengenakan GST terhadap keranda dan lain. Jadi dengan jelasnya kita tahu kerajaan manakah yang mempedulikan rakyat, kerajaan manakah yang menzalimi rakyat? Mengikut laporan-laporan berita semalam apa yang kita Nampak ialah hanya satu hari selepas GST dikenakan Kerajaan Pusat Barisan Nasional UMNO telah menerima jumlah 419 aduan. Ini kita baca daripada laporan Nanyang Siang Pau. Apa yang berlaku lagi kebanyakan laporan-laporan daripada surat khabar yang menggambarkan apa yang kekeliruan berlaku akibat mengenakan melaksanakan GST yang menzalimi rakyat. Ada juga restoran yang terpaksa mengenakan GST tapi disebabkan kekeliruan ada pelanggan yang tidak membayar apakah, siapakah yang membela mereka? Siapakah yang membela rakyat?

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:**Teratai, ingin mencelah.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Mengikut statistik yang...

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:**Teratai

**TUAN SPEAKER:** Teratai, Taman Medan minta.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Teratai tahu tak bahawa Kementerian Kepenggunaan mereka telah menerima 23,000 aduan mengenai GST semalam?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Yang ini ialah daripada Taman Medan. Makna Kerajaan Pusat Barisan Nasional UMNO harus menjawab semua ni.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:**Boleh minta penjelasan. Ini UMNO bangun. Ini UMNO bangun nak tanya ni.

**TUAN SPEAKER :** Permatang minta.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Juga menurutdaripada surat khabar daripada China Press di mana terdapat peniaga-peniaga. Biar saya habiskan dulu nanti kita berdebat kemudian ok.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini alasan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Kita nampak ada kedai-kedai yang terpaksa tutup kedai akibat daripada pelaksanaan GST

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bohong.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Menzalimi rakyat ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bohong. GST baru satu hari dah tutup. Apa nak bohong? Tak betul.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Kita juga nampak

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi saya ruang kalau boleh mencelah sikit. Speaker boleh?

**TUAN SPEAKER:** Ok, Teratai bagi tak Permatang minta.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tak. Bagi saya habis dulu.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kota..Kota..Kota Damansara minta.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Haaa...tak berani.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kota..Kota.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mana satu hari GST dah tutup kedai. Bohong je tu.

**TUAN SPEAKER:** Ok duduk.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Juga mengikut surat khabar The Star yang mana terdapat seorang suri rumah tangga yang bernama Jasmin Samsudin katakan apabila dia membayar untuk satu rojak di mana dikenakan GST juga sehingga dia sekarang telah membuat keputusan untuk balik untuk masak sendiri dan buat rojak sendiri. Kita juga tengok semalam mengikut daripada China Press apa yang berlaku ialah hospital di Shah Alam ini, apa yang berlaku daripada Kerajaan Pusat UMNO Barisan Nasional disebabkan ada penyelewengan yang berlaku di mana sekarang 70 juta telah dibazirkan. Adakah wang ini daripada...

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Kota Damansara minta penjelasan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** wakil-wakil rakyat UMNO Barisan Nasional atau ini merupakan wang daripada rakyat di mana ini merupakan alasan-alasan Kerajaan Pusat UMNO Barisan Nasional untuk mengenakan GST?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:**Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai, Kota Damansara minta laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta penjelasan boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Haa dia bagi. Silakan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok.Terima kasih.Saya nak tanya surat khabar mana tu? Yang *you* baca, yang *you* tunjuk tu surat khabar mana?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Di meja saya ada surat khabar daripada kebanyakan penerbitan tapi ini bukan daripada Utusan. Ini daripada China Press. Daripada Nanyang, Sinar Harian dan The Star.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Itu kalau macam tu macam daripada China Press tu semua tipu la tu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Bolehkah Tuan Timbalan Speaker, saya kena teruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan, teruskan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Apa yang kita baca semalam daripada Sinar Harian di mana Kerajaan Pusat katakan kerajaan semak semula elaun pelajar luar negara, apa yang Shahidan kata dengan izin, ini adalah untuk memastikan elaun yang diterima sejajar dengan kos sara hidup. Tapi adakah Kerajaan Pusat Barisan Nasional UMNO mengambilkira mahasiswa yang belajar di IPTA ini yang mengadu yuran naik kerana GST? Adakah Kerajaan Pusat Barisan Nasional jaga mahasiswa yang belajar di IPTA tempatan ini? Kita nampak masih ada kekal alami masalah sistem. Apabila terdapat banyak ketidaktentuan Kerajaan Barisan Nasional UMNO tetap nak melaksanakan GST ini yang menzalimi rakyat. Kita Nampak sejak tahun 2009 ada banyak laporan Ketua Audit Negara telah mendedahkan banyak barang telah dibeli dengan mahal daripada kementerian-kementerian akan tetapi tidak ada tindakan susulan kemudian. Semua wang ini merupakan wang rakyat dan bukannya wang Barisan Nasional UMNO ini. Dalam ucapan Tuanku telah menasihati bahawa perancangan ekonomi Selangor perlu mengambilkira pertambahan penduduk negeri di mana nisbah tanggungan yang semakin meningkat dan keupayaan untuk memberi tumpuan kepada pendapatan isi rumah. Apa yang berlaku ialah di sini kita nampak UMNO Barisan Nasional hanya sekadar menzalimi rakyat dengan Perdana Menteri Najib untuk membeli jet peribadi sahaja. Kadar kemiskinan telah menurun di Selangor daripada 0.7% kepada 0.4%. Dan tahun ini rakyat menghadapi pelbagai cabaran ekonomi. Pelbagai program kebajikan untuk pembasmian kemiskinan haruslah diutamakan khasnya kepada golongan ibu tunggal dan warga emas yang patut diberikan perhatian khusus. Sebagai strategi serampang dua mata, pelbagai latihan untuk belia haruslah dipergiatkan lagi supaya ramai anak muda yang terlatih menjadi tenaga kerja yang mahir supaya Selangor menjadi negeri yang produktif dan pendapatan anak muda dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi kawasan tapak rizab sekolah pula, Teratai menyeru agar Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Tanah Hulu Langat dan MPAJ supaya menyegerakan tindakan mengosongkan tanah di Lembah Maju dan Taman Saga yang dirizabkan untuk sekolah sejak tahun lepas tapi kini diusahakan oleh pihak swasta untuk tujuan perniagaan. Tuanku juga titah, "Beta sebagai payung menaungi seluruh rakyat Selangor memastikan tidak ada mana-mana kaum yang di diskriminasi atau dipinggirkan". Tuanku mengingatkan kita supaya berpegang kepada prinsip kesederhanaan. Akan tetapi apa yang berlaku dalam sidang Dewan tadi ada ADUN-ADUN yang telah ingin menjadi 'batu api' ataupun nak melahirkan rasa kebencian di antara wakil-wakil rakyat. Jadi Teratai berharap kerajaan tempatan di bawah Kerajaan Negeri haruslah mengenakan cukai pintu RM1 sahaja sepertimana cukai tanah dikenakan kepada tanah-tanah untuk tempat beribadat. Dan ucapan Tuanku

juga telah menggariskan berkenaan dengan rumah mampu milik serta jurang perbezaan yang besar antara yang diminta dengan yang dapat dilaksanakan. Tuanku juga meminta kerajaan untuk melipat gandakan usaha memenuhi permintaan rumah mampu milik. Teratai di sini menyeru Kerajaan Selangor supaya bukan sahaja menjemput segelintir kecil pemaju-pemaju untuk membina rumah mampu milik bahkan boleh juga menjemput pelabur-pelabur untuk melibatkan diri dengan memberi insentif yang menarik. Kini terdapat teknologi di China yang mana satu bangunan 57 tingkat boleh dibina dalam masa 19 hari sahaja yang mana isu keselamatan bangunan telah diambilkira.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai, masa dah habis. Tolong akhirkkan ayat.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya. Di sini Tuanku juga menitikberatkan kadar respons terhadap cadangan atau aduan-aduan penduduk. Teratai berharap Kerajaan Selangor boleh mengambil tindakan segera atas masalah banjir kilat yang kerap berlaku sejak lima tahun yang lepas di Pandan Glace di Jalan Teratai 1/2D yang mana penduduk-penduduk selalunya menghadapi kerosakan harta benda apabila hujan lebat yang mengakibatkan banjir kilat. Teratai juga mengucapkan tahniah kepada YDP MPAJ baru iaitu Tuan Haji Hamid yang telah dilantik sebagai YDP MPAJ yang menjaga kawasan Teratai. Dengan cara *hands-on* yang diamalkan oleh Y.A.B. Menteri Besar, Teratai yakin Tuan Haji Hamid juga akan menangani isu-isu tempatan dengan mengambil pendekatan yang sama. Maka, dengan pendekatan *hands-on* yang diamalkan ini telah merapatkan hubungan kerajaan dengan penduduk-penduduk. Apa yang ingin saya gulungkan di sini bagi Y.B. Kota Damansara usaha kerajaan untuk membina rumah mampu milik ini dalam proses dan memang janji sedang dalam proses dan bukan diabaikan jikalau dibezakan dengan Kerajaan Pusat Barisan Nasional UMNO. Sekian saja Teratai dengan sukacitanya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat petang kepada semua Ahli Dewan dan Pemerhati Dewan. Membahas titah ucapan menjunjung kasih D.Y.M.M. Sultan, Seri Serdang mengambil bahagian untuk membahas ucaptama Tuanku dengan beberapa perkara disenaraikan oleh Tuanku yang pertamadari segi pendidikan. Ini selaras saranan Tuanku dengan tuntutan *Marqasid Syariah* yang merupakan satu gagasan yang penting dalam Islam agar pendidikan agama dan akademik harus dipandang serius oleh kerajaan terutama dalam pembinaan sekolah menengah agama yang menjadi zikir rakyat dan mengharap Kerajaan Negeri untuk dibangunkan. Untuk makluman Ahli Dewan, pada tahun 2015 sahaja permintaan untuk ke Maahad Tahfiz Sains berjumlah 5,000 pemohon. Manakala pemohon ke sekolah menengah agama seramai 30,000 orang. Di Selangor negeri yang paling maju di Malaysia, yang terkaya hanya 23 buah sekolah menengah agama sahaja

dan tidak bertambah sehingga hari ini hanya Maahad Tahfiz Sains sahaja baru dua yang untuk ditambah. Harapan Seri Serdang mewakili seluruh rakyat Seri Serdang khususnya dan rakyat Selangor amnya berharap pihak kerajaan mengambil satu inisiatif untuk melaksanakan permohonan pembangunan sekolah agama ini.

Yang kedua berkenaan gaji guru KAFA di mana telah kita luluskan dalam sidang DUN yang lepas untuk dinaikkan RM1,500.00 agar cepat dilaksanakan. Kita sebagai kepimpinan yang peduli rakyat harus dikatakan apa yang kita kotakan. Yang ketiga berkenaan dengan KUIS. Bukan KUIS ya. Sungai Panjang tadi sebut KUIS. Kolej Universiti Islam Selangor, Tuanku menaruh harapan berkeyakinan status KUIS sebagai sebuah universiti penuh dapat direalisasikan dalam masa tiga tahun akan datang. Seri Serdang berharap sebelum dinaikkan ke peringkat universiti, kerajaan perlu mengambil perhatian terutama penstrukturan air yang sering tergendala di seluruh kawasan KUIS. Yang kedua, asrama pelajar didapati tidak mempunyai CCC (*Certificate of Completion dan Compliance*) dengan izin, semasa pembinaan asrama pelajar pada peringkat awal tiada penekanan oleh pengurusan lama untuk membuat permohonan berkenaan. Seterusnya, adakah pihak kerajaan memantau kerosakan-kerosakan yang tidak dibaikpulih dengan sempurna oleh syarikat yang bertanggungjawab dalam pembinaan secara B.O.T. (*Built, Operate, Transfer*) dengan izin, dan seterusnya Seri Serdang ingin tahu juga dan Ahli Dewan juga ingin tahu adakah penubuhan SBI (Sekolah Bina Insan) terbit daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah KUIS yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar? Dan siapakah membiayai SBI ini dan apakah status SBI sekarang? Seterusnya Ahli Dewan yang dikasihi sekalian, Seri Serdang juga ucapkan terima kasih kepada Pegawai Pejabat Daerah Petaling, Yang Dipertua MPSJ seterusnya pasukan Polis, agensi-agensi yang banyak membantu DUN Seri Serdang melaksanakan pentadbiran. *Alhamdulillah* walaupun Puchong diiktiraf sebagai denggi yang terbanyak tetapi kita dapat kurangkan *Alhamdulillah* dengan bantuan semua agensi-agensi tersebut. Seri Serdang ingin menyarankan agar kerajaan mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar mengadakan subjek agama Hindu dalam *syllabus* di semua sekolah jenis kebangsaan Tamil. Ini mendapat didikan insan supaya tidak menjadi sepertimana yang diuar-uarkan oleh mereka sebagai gengster, perompak dan sebagainya. Untuk makluman, bila kita dengar semua ADUN-ADUN di bawah Daerah Petaling mengeluh kenapa pengurusan di Pejabat Daerah Petaling terlalu lambat dan sebagainya. Peringkat awal, Seri Serdang juga beranggapan demikian walaupun dalam peringkat dua tahun ini Seri Serdang telah pun turun sendiri di Pejabat Daerah Petaling dan berbincang. Apa kita dapati daerah-daerah Petaling mempunyai 14 DUN, tujuh Parlimen dan seorang Senator. Untuk diuruskan, diurus tadbir dengan peruntukan yang sama seperti Pejabat-pejabat Daerah lain. Begitu juga dengan kakitangan. Kakitangan yang sama seperti daerah lain. Jadi Seri Serdang ambil inisiatif untuk membawa perkara ini dalam ucapan uaputama Tuanku dan juga dalam soalan mulut berkenaan dengan Daerah Petaling ini adalah daerah yang besar dan sewajarnya waktu kini untuk dibahagikan kepada dua daerah ataupun ditambahkan peruntukannya ataupun

ditambahkan juga kakitangan supaya mudah pengurusan itu cepat dan integriti. Dan diharap juga kepada semua PBT permasalahan di dalam Sidang DUN hampir 80% ADUN-ADUN menyebut kelemahan-kelemahan pentadbiran PBT, Seri Serdang ingin menyarankan supaya ADUN-ADUN ini diangkat sebagai Ahli Majlis untuk membuat dasar di dalam PBT seperti mana yang diamalkan sebelum ini. Bukan kata untuk kemudahan atau kepentingan peribadi tetapi ini untuk kepentingan rakyat untuk memudahkan kita berbincang dengan pihak PBT untuk melaksana sesuatu kerja terutama dari segi sampah, longkang dan sebagainya. Orang yang pertama yang dicari oleh rakyat adalah ADUN dan ADUN telah memikul semua tanggungjawab ini sepatutnya pada Ahli Majlis tetapi mereka lebih suka kepada ADUN. ADUN terpaksa menjawab dan mengesyorkan kepada Ahli Majlis, ini dah berperingkat-peringkat. Kadang-kadang kita menyuarkan perkara ini kepada pengarah-pengarah tetapi nampaknya di peringkat PBT bila ADUN mengarah pengarah tak mungkin cepat juga tuan-tuan. Diharap di peringkat negeri kaji semula di peringkat PBT ini kerana suara-suara ADUN di mana permohonan-permohonan dan sebagainya untuk kita menyelesaikan masalah peringkat PBT sepatutnya kita bincang bersama PBT dan di dewan adalah untuk kita melaksanakan secepat mungkin.

Begitu juga Seri Serdang mencadangkan supaya PWB, PWB ini adalah satu jawatankuasa kecil menyelaras program-program wanita di peringkat DUN. Baru-baru ini kita telah pun memberi nama kepada semua. ADUN-ADUN memberi nama kepada untuk dilantik sebagai PWB Pembangunan Wanita Berdaya. Alhamdulillah DUN Seri Serdang hanya seorang tidak ada ganggu, ganggu kacau tapi walau macam mana pun saya tidak amat setuju untuk menubuhkan SSM tadi sebab gerak kerja ini adalah gerak kerja bersama ADUN sepatutnya seperti mana PBT buat, Ahli Majlis dan JKKK Jawatankuasa Kampung dan juga ketua kampung bersama dengan ADUN untuk melaksanakan program-program rakyat. Oleh yang demikian Seri Serdang mencadangkan agar EXCO yang menjaga PWB merancang semula dengan sebaik mungkin supaya ia boleh diimplementasikan dan dilaksanakan sebaik mungkin di DUN masing-masing dengan Program-program Pembangunan Wanita. Boleh SSM itu tapi kita *try* dulu dalam setahun atau dua bagaimana keberkesanan pentadbiran PWB ini pergerakan mereka sehingga mereka berjaya menubuhkan satu jenama untuk mereka ketengahkan di DUN masing-masing sehingga waktu itu baru kita menyarankan supaya mereka menubuhkan SSM untuk kepentingan-kepentingan untuk *businesskan* barangan-barangan yang dikeluarkan oleh ibu tunggal, orang-orang miskin dan sebagainya. Ini cadangan Seri Serdang supaya kita dapat mengimplementasikan apa yang kita cadangkan, yang rangkakan menjadi satu kenyataan yang realiti bukan sebagai angan-angan kita. Jadi lampu dah kuning, saya nak bagi laluan ramai lagi dan saya menyokong atas titah Tuanku. *Wabillahi Taufik Wahidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Lembah Jaya



**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. Bagi menjunjung kasih terhadap titah Duli Yang Maha Mulia Sultan jadi berkisar di sekitar syariah yang saya kira merangkumi semua aspek. Apabila kita sebut syariah, kita perlu syariah itu perlu dilengkapi dengan siasah syariah selepas itu kita boleh mencapai *Baldatun Toiyibatun Warabbun Ghoffur*. Jadi saya tidak akan mengambil masa saya terus kepada masalah-masalah syariah berhubung dengan masalah-masalah di kawasan saya sahaja. Yang pertamanya saya nak menyentuh tentang pembangunan luar bandar yang ditinggalkan oleh Kerajaan terdahulu di mana kedai-kedai PLB ini dibina di atas tanah-tanah kerajaan tanpa perancangan yang betul dan kadangkala dia dibina di atas tanah-tanah sekolah dan sebagainya. Saya kira sudah sampai masanya untuk Kerajaan di peringkat negeri membantu PBT-PBT bagi menyelesaikan masalah-masalah yang ada di mana sebahagian masalah yang ada kedai-kedai tersebut di lesenkan dan ada yang tidak dilesenkan. Saya nak bagi contoh di Jalan Tasik Tambahan 1 di Lembah Jaya di mana gerai-gerai PLB tersebut sekarang ini diduduki oleh warga asing daripada warga Myanmar, warga Burma dan sebagainya. Dan yang paling kita sedih dibelakangnya itu sendiri terdiri daripada bekas-bekas ketua-ketua UMNO yang Kerajaan terdahululah jadi saya kena tengok di sebelah kanan. Kalau nak cari duit pun janganlah macam itu. Kita guna untuk rakyat jadi saya harap sudah sampai masanya. Begitu juga di kawasan jiran saya Teratai tetapi dia bukan kedai PLB, kawasan itu dilesenkan di tapak *parking*. Masalahnya sekarang kalau ok juga maknanya kalau bil OT sampai satu peringkat diserahkan kepada majlis tetapi rakyat dibelenggu di sana di mana rakyat terpaksa membayar lesen yang dilesenkan oleh MPAJ dan dalam masa yang sama mereka terpaksa membayar juga sewa kepada kroni-kroni UMNO tersebut. Begitu juga di Jalan *Ampang Water Front* kita tengok bagaimana satu tapak iaitu *Banana Cafe* yang dibayar kepada saudara Isa bin Saidi yang ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pun kenal dan saya kira rakan-rakan di sebelah saya pun kenal jadi dibayar kepada dia, tapak sahaja RM2,000.00 kemudian sebelah itu lagi untuk syarikat insurans dan juga kereta terpakai dibayar RM5,000.00 sebulan. Kepada individu-individu tertentu sudah tentu wang tersebut tidak digunakan, tidak disampaikan kepada rakyat akan memenuhi kantung-kantung sendiri. Saya harap pihak kerajaan dapat membantu dalam perkara ini. Dan perkara kedua ingin saya menyentuh berhubung dengan permohonan yang telah dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya kepada Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan 40 buah rumah yang dibina oleh orang dahulu juga yang pecah lot tapi tak ikut peraturan yang sepatutnya maka dia dibina di lereng bukit di Kampung Bukit Sungai Seputeh di mana di sana terdapat 40 buah rumah dulu Kerajaan Negeri dah bagi tetapi kita turun ke Bukit Antarabangsa. Dengan ini saya rasa sudah sampai masanya untuk Kerajaan menimbangkan permohonan menyelamatkan 40 buah rumah terdiri daripada orang miskin yang dibina di tepi lereng bukit dan mempunyai geran, tanah tersebut mempunyai geran, jadi saya harap Kerajaan dapat segera meluluskan, saya rasa tak banyak. Saya difahamkan pihak MPAJ dia memohon lebih kurang RM4,000,000.00 sahaja. Tadi semalam Yang Amat Berhormat Menteri

Besar kata rizab kita RM300 juta lebih, saya rasa RM4 juta itu boleh diluluskan segerakan untuk menyelamatkan. Dan yang ketiganya berhubung dengan rakyat juga di tempat saya di Flat Seri Nilam yang ini telah pun saya bincang di peringkat perumahan dan sebagainya dan saya minta campur tanganlah daripada pihak Kerajaan Negeri berhubung dengan masalah rakyat bawahan yang dihadapi di mana di sana terdapat hampir 2,000 buah rumah flat tersebut dan mempunyai kawasan denggi yang paling tinggi dalam DUN Lembah Jaya. Minggu lepas sahaja terdapat 54 kes di situ. Itu bukan masalah utamanya, masalah utamanya ialah rakyat di situ akan bergelap dalam masa terdekat di mana mereka mempunyai tunggakan dengan Tenaga Nasional Berhad lebih kurang RM1.6 juta dan pihak JMB ini baru ditubuhkan tak sampai setahun tetapi mereka menanggung beban hutang daripada Syarikat Melombong Sdn. Bhd. Jadi hutang itu sebanyak RM1.5 juta untuk apa bayaran TNB dan dikenakan penalti setiap bulan sebanyak RM14,000.00. paling kurang saya minta Kerajaan Negeri untuk masuk campur untuk bincang dengan pihak TNB supaya tidak dikenakan penalti tersebut. Dan perkara yang ketiga ingin saya sentuh berhubung juga dengan pusaka yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional juga kepada Barisan Pakatan Rakyat yang pusaka itu bukan menguntungkan tetapi pusaka itu perlu kita selesaikan di mana terdapat sebuah dewan dipanggil Dewan Muhibah di Jalan Permai D yang dibina oleh MIC. Ini komponen Barisan Nasional. Dibina di atas tanah rizab untuk kesesuaian jalan tersebut sudah tidak ada lagi saya kira Kerajaan Negeri perlu membincangkan untukewartakan kembali tapak tersebut sebagai tapak dewan jadi saya harap yang ini juga dapat perhatian dan akhirnya saya tak ambil masa panjang. *Insyallah* saya bagi laluan kepada yang lain. Dan akhirnya ingin saya menyentuh satu perkara sahaja dan saya harap sangat yang ini dapat perhatian daripada EXCO PBT ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri di mana satu laluan utama, satu laluan utama dari menara tinjau melalui Saujana Utama itu diadakan tapak perniagaan di malam hari dan Dusun Tua pun menggunakan jalan tersebut dan kadang-kadang Yang Amat Berhormat pun kalau hendak datang saya boleh pergi ambil dalam masa 20 minit sahaja kita boleh sampai kita boleh tengok sendiri dan perniagaan tersebut diniagakan di atas betul-betul di atas jalan raya. Yang menjadi masalah kepada MPAJ ialah ada tangan besar di belakang sana, ada tangan besar di belakang sana yang memberikan perlindungan kepada peniaga-peniaga tersebut sebab kalau nak berniaga di jalan itu ok lagi tapi apabila berniaga di atas jalan raya ramai yang tanya saya YB tak boleh buat apa ke? YB tak boleh buat apa ke? Tapi bila saya rujuk kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya mereka pun tak boleh apa-apa sebab ada tangan besar di sana, saya tak perlu sebut. Siapa tangan besar tersebut? Demi untuk rakyat kita tak kira siapa, orang kecil kepentingan peribadi perlu kita hapuskan. Saya harap pihak EXCO PBT ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri dapat membantu menyelesaikan masalah ini jadi saya rasa itu sahaja daripada saya sebab saya nak bagi laluan kepada sahabat-sahabat yang lain. Jadi saya menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:**Saya bagi Sungai Air Tawarlah.

**YB TUAN KAMARUL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker di atas memberi kesempatan di akhir ini. *Insyaa-Allah* saya akan bagi masa dan saya pun tak panjang. Untuk menyokong dan juga memberi perkara-perkara yang penting di atas titah ucapan Yang Duli Maha Mulia Tuanku. Kita sedia maklum bahawa negara kita memperuntukkan undang-undang yang memelihara kesucian Agama Islam sebagai Agama Persekutuan. Pada masa yang sama atas dasar hak asasi manusia juga menghormati kebebasan agama peruntukan ini harus dipelihara oleh semua kaum di negara ini. Sebab perkara ini termaktub di dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(1) menyebut tiap-tiap orang berhak menganuti mengamalkan agama manakala Perkara 4 Perundangan Negeri dan Wilayah Persekutuan, Labuan dan Putrajaya boleh mengawal, menyekat, mengembang atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti Agama Islam. Saya menyebut perkara ini semuanya agama ada kebebasan. Namun demikian ada pihak-pihak tertentu secara terang-terangan dan biadab pertikaikan Agama Islam sebagai agama rasmi di negara ini. Malah dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor sendiri iaitu Undang-undang Tubuh 1969 bahawa Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam negara ini sehingga kini menjadi hendak menjadi agama rasmi negeri dengan syarat semua agama lain boleh diamalkan dengan aman damai oleh orang yang dianuti di mana-mana bahagian di negara ini. Di atas kecelaruan ini bahawa saya juga rasa rimas, keluh kesah, ragu dan bimbang dengan keupayaan ini bukan sahaja kita rimas tetapi selalunya hinggakan di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menegur mereka-mereka ini yang biadab janganlah cuba mengacau ganggu, melihat perkara-perkara ini negara Islam ini yang aman bahagia supaya dipegang dan diamalkan sehingga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sekali lagi keteguran dalam titah ucapan pada baru-baru ini bahawa baginda mahukan setiap rakyat baginda tanpa mengira kaum agama dan budaya merasakan mereka adalah warga Negeri Selangor yang dijamin haknya oleh Perlembagaan. Rakyat baginda yang berbilang kaum adalah aset kepentingan Negeri Selangor untuk memacu keuntungan dan menjamin keadilan sosial dan menjaga kerukunan dan kedamaian dalam hidup bermasyarakat. Agama Islam adalah agama yang suci. Peruntukan Undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan jelas melindungi agama ini malah perkara ini telah diterima pakai sejak sekian lama. Justeru tidak sewajarnya berlaku sebarang tindakan yang bersifat provokasi dan biadab seperti mencela, mencampuri urusan amalan Agama Islam hak pegangan agama masing-masing telah termaktub di dalam undang-undang dan telah dilakukan mengikut kepercayaan masing-masing. Baru-baru ini dalam bulan Februari, belum pun habis isu kebiadapan Erik Thomson, ADUN wanita DAP Pulau Pinang iaitu ADUN Padang Lalang, Chong Eng sekali lagi mempertikaikan dan mengkritik khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Beliau mengkritik. JAIS didakwa menyampaikan maklumat yang mengelirukan berhubung aurat wanita dalam khutbah Jumaat yang bertajuk "Aurat, Kebebasan dan Maruah Diri". Saya kena sebutlah batas-batas ini. Kalau kita

tengok sekarang ini ADUN-ADUN beragama Islam memakai tudung. Ayat 31, Surah Al-Dul. Saya akan sebut ini supaya tuan-tuan faham. Dia ada ayat 30 dan 31. 30 ni mengenai orang lelaki dan 31 ni mengenai orang-orang perempuan. “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan.....” Saya harap bukan di dalam Dewan ini ya. Kita keluar daripada Dewan ini. “Pandangan mereka daripada memandang yang haram, memelihara kehormatan.....” Maksud kehormatan ini kemaluan ya. “Dan jangan mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.” Perhiasan yang dimaksudkan di sini ialah termasuk menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka. Ini jelas dah dinyatakan. Kalau ikut khutbah ini pun saya ada simpan di sini.

Oleh itu, saya juga berterima kasih kepada EXCO Agama pada 12 Februari menyatakan tentang perkara ini dan beliau menyatakan, saya kena petik, ini suratkhbar. “Kalau beliau mahu bercakap mengenai Islam, masuk dan dalamilah hukum Islam.” Ini nak jelas kena tanya EXCO. Ini saya petik pada 12 Februari 2015. Saya haraplah agama-agama lain faham tentang agama Islam ini sepertimana yang dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam Surah Al-Kafirun, ayat 6 yang bermaksud, “Untukmulah agamamu dan untukkulah agamaku.” Dalam hal-hal berkaitan ibadah dan agama Islam, “Kamulah agama kamu, pakailah agama kamu itu.” Sepertimana yang dinyatakan oleh Y.B. Sabak Bernam, telah pun dinyatakan dengan jelas supaya agama kita ini dipelihara dari masa ke semasa. Selain daripada itu, saya juga berharap kepada ADUN-ADUN yang beragama Islam, janganlah gentar terus melawan mereka-mereka yang memperlekehkan tentang agama Islam yang kita anuti selama ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan, seperti janji saya tadi saya tidak akan bercakap banyak. Mengenai dengan SRA sepertimana yang dinyatakan oleh Seri Serdang tadi bahawa ramai guru-guru SRA atau KAFA menunggu-nunggu janji Kerajaan Negeri. Contohnya, saya ambil juga keratan akhbar bahawa guru KAFA tagih janji Kerajaan Negeri. Sebenarnya janji ini telah pun dilakukan pada dua (2) tahun yang lalu dan berharap agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan sewajarnya sebab guru KAFA ini ingin juga rumah mampu milik. Dengan gaji hanya RM1,300.00. Kalau di DUN Sungai Air Tawar itu mungkin ada pucuk betik, pucuk paku dan sebagainya boleh petik tetapi bayangkan kalau di kawasan pinggir bandar. Mereka tentunya tak mampu untuk.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong minta laluan. Sungai Air Tawar bagi tak?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ok, saya benarkan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh nyatakan? Saya pun ingin tahu apa janji-janji yang telah dijanjikan kepada guru-guru KAFA ini? Adakah janji nak bagi elaun tambah ke dan sebagainya?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Baiklah, terima kasih Sungai Burong. Bahawa mereka pada dua (2) tahun lepas. Sebenarnya sebelum Pilihanraya mereka telah pun panggil guru KAFA ini ke Dewan SUK untuk diberi janji ini. Mereka menjanjikan bahawa gaji-gaji ini dinaikkan daripada RM1,300.00 kepada RM1,500.00. Bermakna guru-guru KAFA ini sekarang ini masih di bawah taraf kemiskinan. Di atas perkara tersebut.....

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara minta penjelasan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Masa nak habis dah ni.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sikit sahaja nak minta penjelasan. Guru KAFA ini berapa jumlah yang dibayar oleh Persekutuan dan berapa dibayar oleh Negeri.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih, Kota Damansara. Bahawa Persekutuan telah pun membayar RM800.00 dan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam membayar RM500.00. Jumlahnya RM1,300.00. Oleh itu, mereka berharap Kerajaan Negeri menambah paling tidak pun RM200.00 sebulan sebab apa kalau gaji mereka ini RM1,300.00, mereka nak bayar *loan* bank pun tak mampu. Seperti yang saya nyatakan tadi kalau duduk di lembah bandar ini, sewa rumah lebih daripada RM500.00. Belum lagi makan. Kalau mereka ini dah berumur, mereka ada anak besar, macam mana mereka nak menyara hidup? Sudah tentu sebagai rakyat yang berkebajikan dan juga berkepedulian, saya harap perkara ini diambil iktibar, ingatan sepertimana janji-janji yang telah dilakukan oleh Y.A.B. Menteri Besar.

Sebelum itu saya juga ingin nyatakan, sebab saya dah bagi laluan. *Insya-Allah*. Tentang isu PKPS. Mungkin dua (2) tahun lepas, Kerajaan Negeri melalui PKPS telah pun meneroka tanah-tanah di DUN Sungai Air Tawar. Mungkin Yang Berhormat Sabak pun maklum sebab Yang Berhormat Sabak pun selalu dipanggil di mana bila mereka meneroka tanah-tanah ini akhirnya haiwan-haiwan perosak ini masuk ke kampung dan menjahanamkan tanah-tanah kampung dan akhirnya penduduk yang ada banyak hasil kampung terpaksa menderita dan nampaknya tiada pampasan pun. Saya harap masih banyak lagi tanah PKPS di Sungai Lang, harapan saya janganlah diteroka. Janganlah diteroka dan kalau nak diteroka pun jadikanlah sebagai perumahan rakyat termiskin. Contohnya

sepertimana yang saya katakan tadi, guru-guru Kafa ini pun nak juga beli rumah. Bukan sahaja guru-guru Kafa, anak-anak tempatan yang selama ini menumpang, menyewa diharapkan dapat diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih. Saya menyokong dan menjunjung titah ucapan Tuanku. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih, Tuan Speaker yang telah membenarkan saya untuk berbahas. Sebelum saya membahaskan ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, saya ingin minta Dewan mengarahkan Kota Damansara untuk memohon maaf tentang kenyataan beliau mengatakan media yang dikatakan tadi melaporkan tentang GST adalah media yang tipu sebab saya dapat maklum balas media sangat marah tentang kenyataan beliau yang tidak berdasarkan fakta. Jadi saya mohon Dewan mengarahkan Kota Damansara untuk tarik balik kenyataan beliau tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Perkara ini saya akan *refer* kepada Speaker untuk buat keputusan esok. Teruskan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Baik, saya mengambil bahagian untuk menyokong usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas beberapa perkara yang terkandung dalam titah ucapan Baginda. Pertama, Taman Medan menyambut baik tentang keputusan atau pun saranan Baginda tentang mewujudkan sistem pengangkutan awam bagi negeri Selangor kerana kita dapati di mana-mana juga di dalam negeri Selangor ini khusus di bandar-bandar kesesakan jalan raya itu merupakan satu masalah utama. Ini telah mengambil saya kira, satu perbelanjaan yang besar kerana setiap pekerja yang keluar bekerja setiap hari termasuk murid sekolah telah menghabiskan masa mereka yang lama di atas jalan raya. Ini merupakan juga satu perkara yang meningkatkan perbelanjaan kos sara hidup di bandar-bandar.

Taman Medan juga tidak terlepas daripada isu kesesakan jalan raya ini dengan terbukanya laluan daripada Kinrara ke Petaling Jaya. Taman Medan juga menyambut baik kerana pendekatan lebuhraya itu tidak digunakan sebagai kaedah menyelesaikan kesesakan jalan raya tetapi meneroka atau pun *explore*, dengan izin kaedah-kaedah lain yang dapat mengatasi kesesakan ini dan memohon supaya kaedah yang baru ini juga mengambil kira keperluan penduduk yang berpendapatan rendah. Jadi oleh itu mungkin sistem pengangkutan yang baru yang baru yang difikirkan tidak akan membebankan khususnya rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang keduanya, Taman Medan juga melihat isu pelaksanaan GST ini sudah tentu akan meninggalkan kesannya terhadap rakyat yang sebelum ini tidak membayar

cukai kini terpaksa berdepan dengan tekanan kewangan disebabkan pelaksanaan GST. Oleh itu, Taman Medan memohon supaya Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Tempatan memudahkan bagi rakyat di kawasan-kawasan untuk mencari atau pun mendapat pendapatan tambahan dengan mengadakan atau pun menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Jadi pemberian lesen berniaga atau pun lesen sementara janganlah dibekukan malah dikeluarkan supaya mereka yang ingin mencari pendapatan tambahan bagi menampung kos sara hidup yang bertambah ini dapat dilaksanakan. Begitu juga, Taman Medan mohon supaya tapak-tapak perniagaan yang dibenarkan dikenal pasti bagi mengurangkan tindakan-tindakan menyaman terhadap peniaga-peniaga kecil yang hanya mendapat keuntungan yang begitu kecil. Apabila dikenakan tindakan saman sudah tentu ia akan membebankan mereka lagi. Jadi saya mohon juga Kerajaan mencari atau memikirkan pendekatan-pendekatan lain selain daripada Program Hijrah yang saya sangat bersetuju ditambah jumlah pinjaman yang dibenarkan daripada RM10,000.00 dulu sehingga ke RM50,000.00. Ini satu perkara yang kita alu-alukan.

Ketiga, walaupun isu ini Taman Medan pernah bangkitkan didalam sidang yang sebelum ini tapi disebabkan tindakan yang agak lambat atau pun mungkin ada perkara-perkara yang melambatkan tindakan segera. Isu pembangunan tanah rizab Sungai Klang di PJS 1, 3 dan 4 di mana di kawasan tersebut telah berlaku pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab telah membuang sampah-sampah domestik dan juga sampah-sampah yang lain menyebabkan sering berlaku kebakaran di tapak tersebut. Jadi ini telah menimbulkan kacau ganggu terhadap penduduk yang tinggal di sekitar kawasan tersebut. Pihak Bomba juga memberitahu Pegawai-pegawai mereka terpaksa mengawal kebakaran berhari-hari malahan ada Pegawai yang telah terpaksa dimasukkan ke hospital kerana menghidu asap yang saya rasa beracunlah sehingga menyebabkan sesak nafas dan sakit dada. Jadi tindakan oleh pihak yang berkaitan perlu disegerakan memandangkan ada kesan negatif. Malahan terdapat pencerobohan yang baru dengan pembinaan struktur bangunan lagi yang terkini.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan, boleh kita berhenti?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ya, baik ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pun 4.30 petang. Maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 3 April 2015, jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**

